


Jilid I
Bil. 35



MALAYSIA

Hari Isnin
4hb Disember, 1978

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3429]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 3460]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1979:
Jawatankuasa (Hari Keempatbelas)—

Jadual:

Maksud B. 30 [Ruangan 3461]
Maksud B. 51 [Ruangan 3484]
Maksud B. 52 dan B. 53 [Ruangan 3516]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1979:
Jawatankuasa (Hari Keempatbelas)—

Maksud P. 30 [Ruangan 3461]
Maksud P. 31 [Ruangan 3484]
Maksud P. 52 dan P. 53 [Ruangan 3516]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 3490]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Kerjasama dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching)

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).

„ Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).

- Yang Berhormat** Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATUK ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKOR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).

- Yang Berhormat TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Keluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).

- Yang Berhormat** TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAI BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ DR. TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR. TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Isnin, 4hb Disember, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

RUMAH BERHALA/INSTITUSI
UGAMA

1. Tuan V. David minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan memberi jaminan di Dewan ini bahawa perkara-perkara mengenai ugama dalam Perlembagaan akan disanjung dan dihormati oleh rakyat dan samada Kerajaan akan mengambil langkah tegas ke atas mereka yang cuba merosakkan rumah-rumah berhala, tempat-tempat suci dan institusi-institusi ugama.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa memberi jaminan terhadap kebebasan beragama dan keluhuran Perlembagaan di negara ini dan akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang melakukan kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan percubaan merosakkan rumah-rumah berhala, tempat-tempat suci dan institusi-institusi ugama sepertimana yang dibangkitkan itu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah beberapa kali memberi penjelasan mengenai perkara ini.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri, adakah Kerajaan juga ditugaskan bagi menjamin keselamatan berhala-berhala yang terdapat di merata-rata pohon kayu dan pokok-pokok kayu di negara kita ini yang didirikan tanpa kebenaran dan tidak setahu Kerajaan?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, menurut Perlembagaan, Kerajaan memberi kebebasan kepada mana-mana ugama dan pengikut-pengikutnya boleh mengamalkan kepercayaan mereka masing-masing di mana sahaja dalam negara kita ini. Dari segi ugama Islam itu sendiri, ugama Islam tidak memaksa sesiapa memeluk ugama Islam, dan ugama Islam tidak membenarkan umatnya mencari ugama lain, kerana daripada mencaci ugama lain itu akan menyebabkan orang itu mencaci kepada Allah dan kepada ugama Islam. Jadi, menjaga ugama bukanlah tugas Kerajaan semata-mata tetapi juga adalah tugas kepercayaan setiap orang-orang yang beragama itu masing-masing.

PENYERTAAN 30% BUMIPUTRA
DALAM PERDAGANGAN/
PERINDUSTRIAN

2. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (di bawah S.O. 24 (2)) minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa hasrat Kerajaan dalam Dasar Ekonomi Baru iaitu pencapaian 30% penyertaan Bumiputra dalam bidang perdagangan dan perindustrian dalam tahun 1990 tidak akan tercapai kerana pada masa ini Bumiputra hanya digalakkan mengambil bahagian dalam perniagaan sahaja dan tidak dalam matlamat mencapai 30% saham dalam syarikat-syarikat jika ya, bagaimanakah kelemahan ini akan diatasi dalam Dasar Ekonomi Baru.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru (DEB) seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum telah menetapkan pencapaian sekurang-kurangnya 30% penyertaan Bumiputra di bidang perdagangan dan perindustrian menjelang tahun 1990. Oleh itu nyatalah matlamat DEB meliputi penyertaan aktif kaum Bumiputra bukan sahaja dalam bidang perniagaan tetapi

di dalam pemilikan saham syarikat-syarikat dan perusahaan-perusahaan perniagaan. Kerajaan sudah mempunyai dasar yang jelas mengenai pemilikan modal saham di dalam sektor swasta, misalnya dalam sektor perkilangan sahaja sejak tahun 1931 hingga akhir tahun 1977, jumlah saham yang dikhaskan kepada Bumiputra ialah \$1,162.8 juta yang merupakan 32.2% daripada jumlah modal saham yang dicadangkan iaitu sebanyak \$3,607.4 juta. Oleh itu, mereka yang mempunyai kewangan yang cukup boleh membeli saham-saham yang dikhaskan itu.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sedar bahawa sumber-sumber kewangan Bumiputra adalah terhad bagi mereka membeli saham-saham yang dikhaskan itu. Oleh itu Kerajaan telah menjalankan rancangan-rancangan untuk meninggikan taraf ekonomi mereka, menggalakkan mereka menyimpan wang untuk dilaburkan serta menubuhkan agensi yang memegang amanah untuk kaum Bumiputra. Penubuhan Yayasan Pelaburan Bumiputra baru-baru ini merupakan satu langkah ke arah matlamat tersebut. Yayasan tersebut telah diberi peruntukan awal sebanyak \$200 juta, antara lain bertujuan untuk membeli saham-saham yang telah diperuntuk tetapi tidak dibeli oleh golongan Bumiputra. Apabila mereka berkeupayaan kelak saham-saham tersebut akan dijual dan diambilalih oleh mereka yang berkenaan.

Di samping itu Kompleks Kewangan ditubuhkan untuk membolehkan kaum Bumiputra secara tidak langsung memiliki saham dalam syarikat-syarikat tertentu melalui "potfolio management" seperti Amanah Saham MARA Berhad dan Amanah Saham MARA Nominees Berhad. Sementara itu terdapat juga Kerajaan-kerajaan Negeri yang mengambil langkah yang sama seperti Kerajaan Negeri Perak dan Johor yang menubuhkan Maju Perak dan Pelaburan Johor.

Bagi mencapai matlamat pemilikan saham tersebut, Kerajaan telah menggalakkan secara aktif Institusi-institusi Bumiputra untuk membeli saham-saham yang dipegang secara amanah kepada kaum Bumiputra melalui Unit-unit Amanah, Syarikat-syarikat Kerjasama dan kewangan-kewangan lain seperti Tabung Haji, Tabung Tentera, Kewangan Pelaburan Bumiputra dan lain-lain.

Kerajaan berazam untuk memajukan potensi keusahawan individu Bumiputra supaya dapat membentuk satu masyarakat

perdagangan dan perindustrian yang sebenarnya di kalangan mereka. Dengan adanya masyarakat perdagangan Bumiputra yang berkembang dan aktif dan dengan bertambahnya pendapatan Bumiputra keseluruhannya dapatlah mereka mengumpul wang untuk membeli saham yang sekarang dipegang secara amanah oleh agensi-agensi Kerajaan seperti PERNAS, MARA, UDA dan lain-lain lagi. Pada masa ini agensi-agensi tersebut merupakan tambahan kepada usaha individu Bumiputra dalam mencapai matlamat kadar penyertaan 30% Bumiputra dalam bidang perdagangan dan perindustrian menjelang tahun 1990.

Semua usaha Kerajaan yang telah saya sebutkan boleh berhasil jika Bumiputra dan kaum-kaum lain memberi kerjasama. Dasar dan tindakan Kerajaan sahaja tidak akan berjaya melainkan mereka yang dijadikan tumpuan Kerajaan memahami dasar Kerajaan dan menyediakan diri untuk mengurus hasil yang didapati oleh mereka.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar bahawa saham-saham dari syarikat-syarikat yang teguh seumpama K.L.-Kepong, East Asiatic dan sebagainya dibeli oleh orang-orang bumiputra perseorangan sebagai pelaburan jangka pendek sahaja. Apabila saham itu meningkat harganya kepada 20% mereka menjualkannya, ini menyebabkan saham-saham yang tujuan Kerajaan untuk mengekalkan di tangan Bumiputra itu tidak dicapai. Oleh yang demikian, adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bercadang supaya saham-saham seumpama ini dijual terus kepada agensi-agensi Kerajaan seperti Unit Saham MARA atau lain-lain badan agensi Kerajaan dengan hasrat supaya saham-saham yang diperuntukkan kepada bumiputra ini kekal dalam tangan bumiputra.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya dan Kerajaan sedar bahawa berlakunya penjualan saham-saham yang diperuntukkan kepada Bumiputra kepada pihak-pihak yang lain. Oleh kerana itu walaupun cadangan untuk menjual kepada badan-badan tersebut adalah baik tetapi hasil daripadanya tidak dapat dirasai oleh Bumiputra. Dengan kerana itu kita telah merancang supaya Bumiputra perseorangan masih juga boleh membeli saham-saham ini, tetapi jualannya adalah terhad

supaya saham ini tidak terkeluar daripada tangan mereka. Mereka bolehlah menjual kepada badan yang baru ditubuhkan oleh kita iaitu Yayasan Pelaburan Bumiputra. Yayasan Pelaburan Bumiputra ini akan membeli dengan harga yang hampir sama dengan harga pasaran yang mana ini akan memberi keuntungan sedikit kepada Bumiputra perseorangan tetapi sebaliknya saham itu tidak terkeluar daripada tangan badan yang dianggap sebagai Bumiputra.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Soalan tambahan lagi. Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar bahawa saham-saham yang dikhaskan untuk Bumiputra ini dibeli oleh orang bukan Bumiputra dengan menggunakan pekerja-pekerja Bumiputra mereka? Dan setelah saham itu dimiliki maka dipindahmilik kepada orang bukan Bumiputra. Jadi kalau perkara ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar, apakah tindakan untuk mengatasi masalah ini?

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya sebutkan tadi kita sedar, sebab itulah saham yang dijual kepada Bumiputra perseorangan itu dihadkan penjualannya cuma kepada Yayasan tersebut sahaja dan tidak kepada orang lain. Dalam pada itu pun kita sedar bahawa masih boleh juga lagi pihak lain membiayai Bumiputra perseorangan dengan wang mereka untuk membeli saham ini dan setelah dijual kepada Yayasan ini keuntungan itu dibahagikan antara Bumiputra dengan pihak yang lain ini. Ini tidak mungkin kita awasi semuanya, tetapi kita akan cuba mengelak sebarang yang boleh.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri masalah yang hendak dihadkan jualan saham yang dibeli oleh Bumiputra individu atau perseorangan ini adakah peruntukan 30% itu sahaja ataupun keseluruhan lebih daripada 30% sekiranya yang dibeli oleh individu Bumiputra.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya jawabkan tadi peruntukan yang kita telah uruskan adalah lebih daripada 30% iaitu

sebenarnya 32% daripada modal baru yang diwujudkan. Jadi ini cuma berkenaan dengan saham-saham yang ditawarkan melalui Kementerian sahaja yang dapat dikuasai oleh Kerajaan.

KELAS PERPADUAN RAKYAT

3. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan bercadang mempergiatkan lagi kelas perpaduan rakyat di tiap-tiap kampung baru China bagi melaksanakan dasar Kerajaan.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mempergiatkan lagi kelas-kelas perpaduan di tiap-tiap kampung baru dan usaha menubuhkan kelas-kelas perpaduan rakyat ini tidaklah semata-mata dihadkan kepada kampung-kampung baru sahaja, tetapi diperluaskan juga ke tempat-tempat lain yang memerlukan dan memohon untuk menubuhkan kelas-kelas dewasa tersebut.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Menteri Tak Berpotfolio mengenai masalah kelas perpaduan rakyat ini samada pihak Kerajaan sedar atau tidak bahawa setakat ini kelas perpaduan rakyat ini dirancang dan dilaksanakan cuma dalam bentuk perpaduan secara teori iaitu perjumpaan-perjumpaan pada hari perasmian majlis-majlis. Tetapi selain daripada itu sangat berkurangan samada sedar atau tidak, kalau sedar apakah rancangan Kerajaan dalam perkara ini supaya kelas perpaduan rakyat ini memainkan peranan yang lebih besar ertinya di dalam membentuk perpaduan di dalam negara.

Kedua, adakah Jabatan Perdana Menteri sedar atau tidak mengenai tayangan filem di seluruh negara kita iaitu sebanyak 60% tayangan filem di seluruh panggung di seluruh negara kita dalam tahun 70an ini ialah filem-filem yang berbahasa Mandarin dan Bahasa Malaysia cuma 10%, kalau sedar dan jika perkara ini wujud bagaimanakah campurtangan Jabatan Perdana Menteri mengenai mengatasi masalah ini?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, mengenai usaha berkaitan dengan Kelas Perpaduan Rakyat, suka saya

menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat beberapa usaha-usaha yang telah dan sedang dijalankan oleh Kerajaan, untuk pembukaan Kelas Perpaduan Dewasa sahaja, disyaratkan bahawa bakal-bakal pelajar hendaklah berumur 15 tahun ataupun lebih yang tidak bersekolah lagi atau mereka yang berumur di bawah 15 tahun yang tidak pernah bersekolah ataupun cicir sekolah. Ini satu usaha hendak memberi pertolongan dan sumbangan kepada mereka yang tersebut. Kedua, permohonan ini akan ditimbangkan sekiranya bilangan pelajar-pelajar mencukupi 20 orang atau lebih.

Selain daripada itu, sekiranya boleh bakal-bakal pelajar hendaklah terdiri daripada berbilang kaum. Kedua, keutamaan akan diberi kepada pelajar-pelajar terdiri daripada golongan yang miskin atau berpendapatan rendah.

Mengenai permohonan untuk membuka Kelas Perpaduan ialah dengan cara memenuhi satu borang khas yang disediakan dan boleh diperolehi dari Setiausaha Kerja, Jawatankuasa Muhibbah Negeri atau Penyelia-penyelia Kawasan di Negeri.

Kuasa untuk meluluskan pembukaan Kelas Perpaduan Rakyat ialah kepada Setiausaha Kerja, Jawatankuasa Muhibbah Negeri yang berkenaan. Itu semuanya adalah kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh Kelas Perpaduan Rakyat.

Butir-butir Kelas Perpaduan Rakyat pada tahun 1978 adalah sebagaimana berikut:

Kampung	438
Ladang-ladang	919
Bandar dan Kampung ...	1,570

Semua orang yang mendapat khidmat daripada usaha Kelas Dewasa ini ialah 2,927.

Berhubung dengan filem-filem apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, mungkin Kerajaan akan mengambil perhatian berat sekiranya pertunjukan filem itu membawa kepada merosakkan dasar Kerajaan itu sendiri.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya dapati di beberapa tempat oleh kerana Penyelia Kelas Dewasa itu tidak mengawasi betul-betul maka selepas Kelas Dewasa itu

didaftarkan dan tidak lagi diawasi, kadang kala guru yang disuruh mengajar itu tidak menjalankan tugasnya tetapi datang ke pejabat mengambil gaji. Adakah pihak Yang Berhormat Menteri sedar perkara ini dan kalau sedar, apakah langkah untuk mengatasi masalah ini?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya ada keadaan seumpama itu berlaku, saya minta Ahli Yang Berhormat itu hantar penyata kepada saya.

Tuan Hussein bin Mahmood Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, bagaimanakah syarat-syarat bagi seseorang itu sekiranya beliau hendak menjadi seorang guru? Kedua, adakah menjadi amalan kepada Kementerian beliau iaitu sekiranya murid-murid yang terdiri daripada satu kaum yang lain?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, soal pengambilan guru-guru tentulah ada syarat-syarat dan kelayakan (qualification) yang tertentu supaya mereka boleh mengajar betul-betul.

Soal murid-murid yang berbilang kaum, saya rasa ini tidak menjadi masalah, kerana mengikut dasar pelajaran kita, kita minta kaum-kaum lain juga mempelajari Bahasa Kebangsaan.

TAHANAN-TAHANAN POLITIK

4. Tuan V. David (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberikan bilangan jumlah orang-orang yang di dalam tahanan termasuk tahanan-tahanan politik dan bukan politik dan namakan tempat di mana mereka ini ditahan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua istilah tahanan politik ini sudah beberapa kali saya nyatakan bahawa sekiranya bermakna seseorang itu ditahan sebab dia menentang Kerajaan—tidak ada, tetapi di dalam negara kita ini ada dua Undang-undang yang boleh menahan seseorang itu:

- (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960;
- (2) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah).

Dari Akta Keselamatan Dalam Negeri, iaitu orang yang disyaki boleh mengancam keselamatan negara adalah 883. Di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) adalah 880.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu samada pihak Kerajaan berhajat untuk membebaskan Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah, Chian Heng Kai dan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi, Chan Kok Kit yang akan tamat 2 tahun tahanan mereka lagi 1-2 minggu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, cara melepas atau menyambung penahanan seseorang itu ada peraturannya. Sekiranya mereka itu masih lagi dianggap bahawa mereka ini akan mengancam keselamatan negara yang ditentukan oleh Advisory Boardnya maka mereka ini akan disambung penahanannya tetapi sebaliknya sekiranya tidak lagi dianggap sesiapa juga, bukan sahaja kedua-dua Yang Berhormat ini, yang dianggap bukan lagi menjadi ancaman kepada negara, maka dia akan dilepaskan.

KAMPUNG-KAMPUNG BARU

5. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapa buah kampung baru yang ada sekarang telah dimaju dan dimodankan berdasarkan kepada penyertaan semua kaum setakat ini, menurut dengan para 543 Buku Rancangan Malaysia Ketiga.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang meneruskan usahanya ke arah pencapaian maksud tersebut. Usaha memaju dan memodankan kampung-kampung baru itu adalah satu proses yang berterusan (continuous). Semua kampung baru telah mendapat faedah dari usaha-usaha pembangunan Kerajaan dan usaha-usaha ini akan usaha ini akan diteruskan oleh kerana sesuatu keadaan yang dianggap maju/moden pada satu masa itu mungkin tidak lagi dianggap maju/moden pada masa ini. Walau bagaimanapun, jika dibandingkan keadaan

kehidupan penduduk-penduduk di kampung-kampung baru dengan kemudahan-kemudahan seperti bekalan air dan letrik, jalanraya dan sebagainya yang telah disediakan, nyatakan telah jauh maju daripada keadaan asalnya. Sebanyak 311 kampung-kampung baru telah dimasukkan dalam kawasan-kawasan Penguasa Tempatan dan dengan itu kampung-kampung itu juga dapat menikmati kemudahan-kemudahan yang diadakan oleh pihak Penguasa Tempatan di tempat masing-masing.

PEJABAT PENDAFTAR DAN PEMERIKSA KERETA MOTOR, TAIPING

6. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar cuma ada sebuah sahaja Pejabat PPKM (Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-Kereta Motor) di Negeri Perak iaitu di Ipoh. Keadaan ini adalah menyulitkan pemilik-pemilik kenderaan terutamanya yang tinggal di kawasan Perak Utara; jika sedar, adakah beliau bercadang untuk membuka sebuah lagi Pejabat Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor di Taiping.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa Negeri Perak hanya terdapat sebuah sahaja Pejabat Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor iaitu di Ipoh.

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Kementerian saya akan membina sebuah Pejabat Pengangkutan Jalan di Butterworth. Pejabat ini akan dapat menyelesaikan kesulitan bukan sahaja bagi pemilik-pemilik kenderaan di Seberang Perai tetapi juga pemilik-pemilik kenderaan Kawasan Perak Utara untuk membuat urusan dengan pejabat tersebut. Selain daripada itu, dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga pembinaan sebuah lagi pejabat cawangan Pengangkutan Jalan di Teluk Anson adalah juga di dalam pertimbangan.

BUKU "THE GOLDEN SON OF THE KADAZANS"

7. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberi sebab-sebab mengapa pengharaman dikenakan ke atas

buku "The Golden Son of the Kadazans" sebuah biografi mengenai Datuk Peter Mojuntin yang ditulis oleh Bernard Sta Maria.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, di dalam buku yang berkenaan didapati banyak isi-isi yang boleh membawa kepada penggeseran dan juga boleh membawa kepada kemudharatan dan ketenteraman awam dan juga keselamatan negara. Di dalam buku ini ada beberapa salinan surat-surat yang dikatakan "classified document", sebab itulah maka buku ini diharamkan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah benar bahawa buku itu diharamkan oleh kerana pengesahan yang dibuat oleh Ketua Menteri Sabah, Datuk Haris Salleh?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, tidak benar.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu samada pengharaman buku ini sudahpun digezet. Sekiranya sudah digezet, apakah tarikh gezetnya itu?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, biasanya pengharaman mesti digezetkan. Saya tidak ingat bila tarikh digezetkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri belum pasti samada sudah digezet atau belum.

Tuan P. Patto: Jadi tidak diharamkan buku itu?

Tuan Yang di-Pertua: Kalau belum digezet, boleh dibeli.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, saya ada membuat soalan tambahan. Jadi, saya hendak Yang Berhormat Menteri menjawab soalan itu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah mengatakan saya tidak dapat pasti hari-bulan digezetkan.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi jawapan itu boleh dikirim?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Kalau hendak, saya boleh kirim. Kalau sekiranya belum digezet bermakna buku itu belum haram lagi.

Tuan P. Patto: Yang Berhormat Menteri sendiri nampaknya tidak tahu samada sudah digezet ataupun belum digezet. Jadi, kalau belum digezet, beliau berkata tidak diharamkan. Apakah maksud jawapannya itu?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, buku itu sudah diharamkan, tetapi kalau buktinya belum lagi digezetkan, tolonglah keluarkan buktinya, kalau sekiranya belum digezetkan.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan sama ada sudah digezet atau belum digezet? Kalau sudah digezet, apa tarikhnya, sebab ada buku-buku yang diharamkan selepas buku "The Golden Son of Kadazans" yang sudahpun diumumkan ataupun sudah diwartakan dalam gezet, tetapi buku ini yang diharamkan sebelum buku-buku itu belum lagi nampaknya digezetkan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya buku ini sudah diumumkan pengharamannya pada 19hb Jun, 1978, Gezet P.U. (A) 187, tetapi kalau Ahli Yang Berhormat tidak membaca lagi gezet itu ataupun belum lagi dianggap digezet, tolonglah beri buktinya.

BAHASA MALAYSIA— PERLAKSANAAN DASAR

8. **Tuan Chan Teck Chan** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Menteri sedar bahawa pelaksanaan dasar Bahasa Malaysia oleh Kerajaan yang terlalu pantas telah merendahkan mutu pelajaran dalam segala bidang misalnya teknologi, perubatan, teknikal dan lain-lain bidang. Jika sedar, adakah beliau bercadang mengkaji semula keseluruhan sistem pelajaran dengan teliti dan rapi demi kepentingan negara.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Salleh Jafaruddin): Tuan Yang di-Pertua, perlaksanaan dasar Bahasa Malaysia telah berjalan secara beransur-ansur sejak negara kita mencapai kemerdekaan 21 tahun yang lampau; dan di dalam sistem persekolahan

pula peralihan bahasa pengantar di sekolah rendah dari bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia cuma bermula dalam tahun 1968 setelah 10 tahun kita merdeka. Di peringkat menengah peralihan ini hanya akan meliputi semua matapelajaran dalam Tingkatan Enam Atas dalam tahun 1982. Dengan yang demikian, saya tidak bersetuju dengan pendapat yang mengatakan bahawa perlaksanaan dasar Bahasa Malaysia adalah terlalu pantas. Pandangan Ahli Yang Berhormat itu yang mengaitkan mutu pelajaran dengan soal perlaksanaan dasar pelajaran yang mengutamakan Bahasa Malaysia di semua sekolah akan mengelirukan rakyat jelata. Pendapat beginilah yang akan melemahkan semangat kaum bukan Bumiputra untuk menguasai Bahasa Malaysia. Berhubung dengan taraf pelajaran dalam bidang perubatan dan lain-lain bidang teknologi, kita bukan sahaja telah dapat mengekalkan taraf yang tinggi yang kita perolehi dalam bidang-bidang tersebut bahkan kita mampu pula membuat kemajuan yang boleh dibanggakan dalam bidang-bidang ini. Kejayaan cemerlang siswazah dari aliran kebangsaan universiti-universiti tempatan di dalam dan luar negeri adalah sebagai satu bukti. Memandangkan kejayaan dan kemajuan yang kita perolehi sekarang, maka saya berpendapat tidak ada sebab untuk membuat satu kajian semula perlaksanaan dasar Bahasa Malaysia yang sedang berjalan sekarang.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan penggunaan Bahasa Malaysia di institusi pelajaran tinggi pada hari ini, kita dapati sungguh berkesan sekali, tetapi masyarakat masih lagi memandang tinggi kepada degree-degree yang dikeluarkan dalam bahasa Inggeris. Soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Kerajaan berhasrat untuk mempercepatkan lagi penggunaan Bahasa Malaysia di semua institusi pelajaran tinggi di negara kita ini.

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, di universiti-universiti tempatan, Bahasa Malaysia memang sudah digunakan dan hanya dalam beberapa matapelajaran sahaja bahasa Inggeris masih digunakan.

Mengenai pandangan rakyat tentang degree yang dikeluarkan oleh universiti-universiti tempatan, tidak ada berkaitan dengan penggunaan Bahasa Malaysia di universiti-universiti kita.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Bahasa Malaysia telah dilaksanakan sebagai bahasa rasmi dan Bahasa Kebangsaan Malaysia, tetapi ada gejala-gejala sudah menunjukkan bahawa kemerosotan standard Bahasa Malaysia baik di peringkat sekolah rendah atau sekolah menengah, juga didapati satu gejala di mana polisi bahasa pun berlaku dalam mass-media. Maka di sini bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran memberitahu Dewan ini bahawa apakah langkah-langkah yang lebih berkesan boleh diambil oleh Kerajaan untuk mencegah kemerosotan standard Bahasa Malaysia tanpa menjejaskan kedudukan penggunaan bahasa-bahasa yang lain?

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, di sekolah-sekolah samada di Sekolah Kebangsaan mahupun di Sekolah Jenis Kebangsaan, rancangan Kementerian Pelajaran untuk mempesatkan lagi penggunaan Bahasa Malaysia ialah pertamanya untuk mempercepatkan lagi guru-guru Bumiputra dan juga guru-guru bukan Bumiputra dalam penggunaan Bahasa Malaysia.

Selain daripada itu, kita juga menggalakan supaya murid-murid yang belajar di Sekolah Kebangsaan dan juga yang belajar di Sekolah Jenis Kebangsaan supaya menggunakan di dalam pertuturan sehari-hari lebih banyak Bahasa Malaysia.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran terangkan tadi bahawa perkembangan pelaksanaan pelajaran Bahasa Kebangsaan ini terlalu perlahan dan kadang-kadang terlalu lambat dan tidak begitu tegas di dalam sesuatu perkara, terutama masih ramai lagi kita dapati rakyat yang tidak tahu menggunakan Bahasa Kebangsaan dengan betul dan standard Bahasa Kebangsaan ini akan hilang disebabkan oleh setengah pihak atau golongan tidak mahu mempelajari dan menggunakan Bahasa Kebangsaan itu dengan betul. Jadi, apakah langkah positif ataupun langkah-langkah segera Kementerian Pelajaran bagi melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan ini supaya perkara yang tersebut tadi tidak berlaku dan juga tidak diungkit-ungkit oleh golongan yang tidak faham akan kedudukan sebenar negara ini.

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan yang saya beri sebentar tadi saya tidak mengatakan bahawa pelaksanaan Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah terlampau cepat ataupun terlampau perlahan. Mungkin Ahli Yang Berhormat salah anggap bahawa saya tidak mengatakan yang penggunaan Bahasa Malaysia terlampau cepat dianggap sebagai perlahan.

Mengenai apa yang disyaki oleh Ahli Yang Berhormat bahawa apabila Bahasa Malaysia tidak dikuasai oleh golongan-golongan yang tertentu, standard Bahasa Malaysia itu akan hilang. Saya tidak bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat, bahkan standard Bahasa Malaysia tidak akan hilang, juga mutu pelajaran yang digunakan dalam Bahasa Malaysia tidak akan hilang. Mungkin pengguna ataupun mereka yang belajar Bahasa Malaysia itu oleh kerana ketidakcekapan dia sendiri, taraf dia sendiri akan hilang, bukan Bahasa Malaysia ataupun mutu pelajaran akan hilang. Tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian Pelajaran pada masa sekarang adalah difikir sesuai dan layak untuk mempercepatkan lagi penggunaan Bahasa Malaysia di semua peringkat mengikut program dari peringkat ke peringkat, dari setahun ke setahun.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa salah satu sebab kemerosotan standard Bahasa Malaysia ialah berpunca daripada ejaan Bahasa Malaysia yang kita gunakan hari ini. Kalau kita baca majalah atau akhbar tempatan atau buku teks juga ejaan Bahasa Malaysia telah membawa satu keadaan kelam-kabut di kalangan pelajar-pelajar. Di sini bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran memberitahu Dewan ini apakah dan bilakah tindakan akan diambil untuk memastikan bahawa satu standard ejaan Bahasa Malaysia akan digunakan oleh semua pihak yang berkenaan supaya keadaan kelam-kabut ini boleh dielakkan, jangan ada ejaan yang bercorak Bahasa Malaysia, berconak Indonesia atau bercorak diri sendiri.

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, mungkin apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu bahawa ejaan adalah menjadi satu sebab kemerosotan standard Bahasa Malaysia di kalangan mereka yang

tidak mempunyai keupayaan untuk menggunakan Bahasa Malaysia, tetapi di mana-mana bahasa yang masih berkembang, sama ada di Malaysia mahupun di negara-negara lain kita tidak dapat mengelakkan daripada mengalami ejaan baru oleh kerana kita mahu memperkayakan vocabulary dalam Bahasa Malaysia. Jadi tidaklah dapat saya katakan bilakah agaknya ejaan Bahasa Malaysia yang standard yang dapat kita tentukan, mungkin kita tidak boleh menentukan masanya oleh kerana semakin berkembangnya bahasa itu makin banyak bahasa-bahasa lain yang kita masukkan untuk memperkayakan bahasa kita dan semakin panjang masanya untuk kita mengadakan suatu ejaan yang betul-betul standard.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri berkenaan adakah beliau sedar bahawa di sekolah-sekolah Kerajaan memang telah pun ada satu sistem ejaan yang ditetapkan dan adakah beliau sedar bahawa soalan-soalan peperiksaan memang disediakan melalui sistem ejaan yang saya sebutkan tadi dan kalau beliau sedar, adakah beliau bercadang mengesyorkan supaya semua buku-buku yang diedarkan di negara ini yang boleh menolong pelajar-pelajar sama ada sebagai buku teks atau buku rujukan menggunakan hanya satu sistem ejaan seperti mana yang digunakan di sekolah-sekolah kita hari ini?

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, sistem ejaan yang digunakan di sekolah-sekolah adalah selaras dengan buku-buku yang diedarkan di sekolah-sekolah di dalam negara ini. Ini dibuat ialah untuk mengelakkan kekeliruan penuntut-penuntut yang menempuh peperiksaan dan penuntut-penuntut dalam kelas yang bukan mengambil peperiksaan.

TELEVISYEN DI SABAH/SARAWAK

9. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada terdapat sebarang cadangan untuk mengadakan suatu lagi saluran televisyen di Negeri Sabah dan Sarawak supaya rakyat di Sabah dan Sarawak dapat menikmati dua saluran televisyen seperti dinikmati oleh rakyat di Semenanjung Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Embong bin Yahya): Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Penerangan telahpun menyentuh perkara yang sama dalam ucapannya tatkala menggulung perbahasan mengenai Titah Di Raja pada 19hb Oktober, 1978 iaitu sebagai mengulas hujjah yang serupa dalam ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibü dan Sandakan. Saya berharap rujukan dibuat kepada perkara dalam ucapannya itu bagi maksud jawapan kepada soalan ini.

HARGA KERETA

10. Tuan Alias bin Md. Ali minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah beliau sedar bahawa harga kereta telah dinaikkan hampir setiap tahun sejak akhir-akhir ini. Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengawal kenaikan harga kereta-kereta ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa harga kereta telah meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Suka saya menerangkan bahawa kenaikan harga kereta terutama sekali kereta-kereta yang dipasang di kilang pemasangan tempatan tidak dapat dielakkan, dan di antara lain adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti berikut:

- (1) Kenaikan harga CKD (completely knocked-down) pack. Kos komponen CKD pack merupakan lebih kurang 60% dari harga kereta. Oleh hal yang demikian, sebarang kenaikan CKD pack bagi kereta-kereta akan juga memberi kesan kepada harga kereta-kereta yang dipasang oleh kilang pemasangan tempatan. Harga CKD pack dinaikkan dari semasa ke semasa oleh syarikat-syarikat principal di luar negeri ber-sesuaian dengan kadar inflasi, kos pengeluaran dan lain-lain sebab yang mereka alami.
- (2) Kenaikan kadar pertukaran matawang asing. Kenaikan kadar pertukaran matawang asing telah juga memberi kesan kepada kenaikan harga CKD pack dan seterusnya kepada harga kereta-kereta. Umpamanya dalam bulan

Oktober, 1977 sehingga bulan Oktober, 1978 iaitu dalam jangka masa setahun, nilai kadar pertukaran matawang Yen Jepun telah meningkat sebanyak 25% lebih dari nilai matawang Ringgit. Begitu juga Deutch Mark bagi negeri Jerman telah meningkat sehingga 11% dalam jangka masa yang sama.

- (3) Kos pemasangan. Kos pemasangan yang termasuk kos buruh, overheads dan juga bahan-bahan tempatan telah juga meningkat mengikut kadar inflasi di negara ini pada masa kebelakangan ini. Oleh itu dalam jangka masa yang sama, harga kereta-kereta buatan Jepun pada purata telah meningkat sebanyak 17.4% dan kereta-kereta buatan Jerman meningkat sebanyak 10.2%.

Sukacita saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian saya untuk mengawal kenaikan harga kereta adalah seperti berikut:

- (1) Tiap-tiap syarikat pemasangan tempatan diperlukan membuat permohonan kepada Kementerian saya untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan sebelum menaikkan harga kereta mereka. Sebarang permohonan untuk menaikkan harga kereta akan diteliti oleh sebuah Jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Pemasangan Kereta-kereta Motor (Motor Vehicles Assembly Committee) yang telah ditubuhkan di Kementerian saya di mana Jawatankuasa tersebut akan membuat syor-syor kepada Yang Amat Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian untuk keputusan. Yang Amat Berhormat Menteri pada masa yang lalu pernah menolak setengah daripada permohonan-permohonan dari syarikat-syarikat yang berkenaan memandangkan mereka tidak ada alasan yang tertentu untuk mendapatkan kelulusan bagi kenaikan harga kereta-kereta mereka.
- (2) Kementerian saya telah juga menggesa syarikat-syarikat pemasangan tempatan untuk berunding dengan syarikat-syarikat principal di luar negeri supaya harga CKD pack jika perlu dinaikkan hendaklah dibuat dengan berpatutan dan sebab-sebab yang menasabah. Dengan adanya mechanism yang tertentu bagi mengawal harga kereta

oleh Kementerian saya seperti dinyatakan di atas, adalah didapati bahawa kenaikan harga kereta di negara ini dapat dikawal dan ditetapkan kepada paras yang menasabah. Untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas lagi, perbandingan harga kereta-kereta popular di antara negara ini dengan Singapura adalah diperturunkan seperti berikut :

Jenis kereta	Singapura	Malaysia	Perbezaan
(a) Datsun 100A (1,000 c.c.)	\$16,700	\$11,677.86	43%
(b) Datsun 120y (1,200 c.c.)	21,800	14,377.97	52%
(c) Datsun 160r SSS (1,600 c.c.)	25,169	17,778.75	42%
(d) Ford Escort 1.3 GT	14,242	13,233.43	7.62%
(e) Ford Escort Ghia 1.6	16,806	14,384.08	16.83%
(f) Ford Cortina 1.6 GL	17,541	15,746.00	11.36%

Oleh itu, jika dibandingkan dengan Singapura, harga kereta-kereta di negara kita adalah masih rendah lagi.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen iaitu bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini berapa kali Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah menolak permohonan daripada syarikat-syarikat kereta untuk menaikkan harga, berapa kali sudah diterima, misalnya dalam tempoh lima tahun yang lepas?

Soalan saya yang kedua ialah sama ada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa setengah-setengah daripada kenaikan harga itu berlaku kerana sebab-sebab yang amat kecil iaitu kerana excuse-excuse yang sengaja diadakan, misalnya selepas diadakan pertukaran bentuk (shape) lampu di bahagian hadapan atau belakang sebuah kereta ataupun selepas diadakan alteration bentuk grille yang di hadapan kereta itu dan lain-lain perubahan kecil yang tidak melibatkan basic structure yang boleh menambahkan kos kepada pembinaan kereta itu.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang pertama, saya tidaklah dapat hendak memberi berapa kalikah Yang Amat Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah meluluskan atau menolak setiap permohonan ini oleh kerana semenjak kawalan terhadap harga kereta ini diwujudkan dalam tahun 1973, Jawatankuasa yang berkenaan telah membuat banyak syor-syor kepada Yang Amat Berhormat Menteri. Jadi butir-butir itu tidak dapat saya beri sekarang dan jika perlu, saya boleh beri kepada Yang Berhormat yang berkenaan.

Mengenai jawapan bagi soalan yang kedua, iaitu sebagaimana saya katakan tadi, setiap satu permohonan yang dibuat bagi menaikkan harga tiap-tiap kereta itu dikaji dengan telitinya oleh Jawatankuasa yang berkenaan yang mengandungi beberapa ahli-ahli daripada Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan. Jadi, sekiranya sama ada permohonan itu adalah disebabkan perkara-perkara yang besar ataupun perkara-perkara yang kecil, Jawatankuasa itu akan mengkaji dengan sedalam-dalamnya. Sekiranya sebagaimana dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, permohonan itu adalah hanya berdasarkan kepada sedikit pindaan atau perubahan, saya percaya pihak Kementerian akan tidak memberi kelulusan senewang-wenang.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, adakah harga-harga satu persatu kereta yang diberi oleh Setiausaha Parlimen tadi menyeluruh bagi Sabah dan Sarawak dan kalau tidak adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mempunyai senarai yang lain untuk Sabah dan Sarawak?

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, setakat maklumat yang saya beri ini adalah untuk seluruh negara kita. Bagi Sabah dan Sarawak, hanya kos pengangkutan perlu ditambah.

PEJABAT PENDAFTAR DAN PEMERIKSA KERETA MOTOR, SUNGAI PETANI

11. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar tentang kesulitan yang dihadapi oleh

penduduk-penduduk di Kedah Selatan terutama sekali tuan-tuan punya kenderaan kerana mereka terpaksa pergi ke Alor Star kiranya mereka ada urusan dengan Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor yang berpejabat di Alor Star di sebelah Utara Kedah, dan jika ya, sama ada Kementerian akan membuka sebuah pejabat cawangannya sama ada di Sungai Petani atau di Kulim bagi faedah mereka yang tinggal di bahagian Selatan seperti Kulim, Baling, Bandar Bharu, Kuala Muda, kawasan Prai Selatan dan Utara Perak.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar tentang kesulitan yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di Kedah Selatan itu. Berhubung dengan maksud bahagian yang kedua soalan Ahli Yang Berhormat itu telah pun dijelaskan ketika menjawab soalan yang seakan-akan sama maksudnya daripada Yang Berhormat dari Ulu Muda pada 23hb November, 1978 di Dewan yang mulia ini dan saya tidak ada apa-apa tambahan.

PROJEK LEBUHRAYA TIMUR-BARAT, HULU PERAK

12. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sebab-sebab utama yang menjadikan pembinaan Projek Lebuhraya Timur/Barat di Hulu Perak itu telah memakan belanja yang banyak dan masa yang lebih lama daripada yang telah dirancangan. Nyatakan juga bilakah tarikhnya kemungkinan projek itu siap dan jumlah perbelanjaan yang bertambah daripada yang dirancangan pada mulanya.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, sebagai menjawab soalan Ahli Yang Berhormat bahawa jumlah perbelanjaan dan tempoh pembinaan projek Lebuhraya Timur/Barat yang dibuat pada permulaan projek itu adalah merupakan satu anggaran kasar sahaja oleh kerana amat rumit untuk mendapat maklumat-maklumat yang tepat untuk dikaji supaya anggaran yang lebih tepat dapat dibuat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Lebuhraya Timur/Barat yang menyambung pantai barat dan pantai timur di sebelah utara Semenanjung Malaysia ini adalah merupakan satu projek jalanraya yang paling sukar pernah dilaksanakan

di negeri ini. Projek ini yang panjangnya lebih kurang 72 batu adalah merentasi hutan belantara serta banjaran gunung dan kawasan-kawasan yang sukar dilalui. Keseluruhan projek ini adalah terletak di atas kawasan tinggi iaitu di antara 2,500 hingga 3,000 kaki di atas paras laut. Dalam keadaan muka bumi yang sedemikian rupa adalah sukar sekali membuat anggaran yang tepat tentang jumlah perbelanjaan dan masa sebenar yang akan terlibat.

Mengikut anggaran awal, jumlah perbelanjaan pembinaan projek ini ialah sebanyak \$85 juta dan pembinaan boleh disempurnakan dalam tempoh 6 tahun. Kerja-kerja telah bermula pada tahun 1970. Seperti dirancangan kerja-kerja pembinaan jalanraya dilaksanakan oleh Jabatan Kerjaraya sendiri sementara kerja-kerja pembinaan jambatan-jambatan dilaksanakan secara kontrak. Oleh kerana beberapa faktor, projek tersebut tidak dapat disiapkan dalam tempoh masa dan perbelanjaan yang telah dianggarkan.

Masalah yang dihadapi di dalam pelaksanaan projek adalah lebih teruk daripada yang telah dijangkakan. Keadaan mukabumi yang buruk telah menyebabkan kerja-kerja pembinaan sukar dijalankan. Selain daripada hutan tebal yang terpaksa diteroka, projek tersebut juga terpaksa merentasi banjaran gunung dan kawasan-kawasan tinggi yang mana banyak terdapat batu-batu besar yang terpaksa dipecahkan. Kerja-kerja membersihkan hutan dan memecah batu adalah sukar dijalankan dan memakan masa yang panjang. Loji-loji juga cepat rosak oleh sebab keadaan kawasan yang buruk.

Di samping itu pelaksanaan projek sangat bergantung kepada keadaan cuaca. Keadaan cuaca buruk di kawasan pergunungan terutamanya musim hujan lebat dalam tempoh monsoon adalah merupakan faktor yang besar yang melambatkan kemajuan pembinaan.

Projek ini juga melibatkan pembinaan beberapa buah jambatan-jambatan yang panjang di mana kerja-kerja dijalankan secara kontrak. Pembinaan jambatan-jambatan ini juga memakan masa dan perbelanjaan yang besar.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, keseluruhan lebuhraya ini adalah terletak dalam kawasan keselamatan yang mana kawalan keselamatan yang secukupnya adalah dikehendaki bagi pekerja-pekerja dan loji-loji. Oleh yang demikian setiap pergerakan kerja-kerja adalah disertai dengan kawalan yang ketat oleh pasukan keselamatan. Kejadian buruk yang berlaku di kawasan tersebut dalam tahun 1974 juga telah mempengaruhi sedikit sebanyak perbelanjaan dan masa pembinaan projek tersebut keseluruhannya.

Dari faktor yang diuraikan itu, perbelanjaan bagi pembinaan lebuhraya ini telah meningkat dari semasa ke semasa dan anggaran yang diulangkajikan sekarang ialah \$296 juta dan projek tersebut dijangka akan disiapkan pada penghujung tahun 1980. Sungguhpun berbagai-bagai masalah-masalah terpaksa dihadapi, kerja-kerja adalah berjalan dengan licin dan memuaskan.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri samada anggaran perbelanjaan yang dimaksudkan itu termasuk juga Anggaran Perbelanjaan untuk membuat satu kajian bagi penempatan semula pekerja-pekerja yang terpaksa diberhentikan kerja apabila projek ini siap kelak. Saya dimaklumkan yang projek ini telah pun tembus ke Deli dan kemungkinan projek ini akan siap dalam tahun 1980. Jadi kalau kajian itu telah pun dibuat, ke manakah pekerja-pekerja itu akan ditempatkan bila projek ini siap kelak?

Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, anggaran yang disebutkan tadi tidak termasuk atas kajian untuk menempatkan pekerja-pekerja seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kementerian saya sekarang ini merancangkan beberapa banyak projek-projek lain yang berkehendakkan kakitangan yang lebih ramai daripada apa yang ada pada hari ini.

Dan sudah pun dicadangkan supaya pekerja-pekerja daripada lebuhraya Timur/Barat akan dibawa kepada projek-projek yang sedang dirancangkan.

MAJUIKAN-PERKHIDMATAN KE SABAH/SARAWAK

13. Tuan Haji Mohammad Taufek bin O. K. K. Haji Asneh (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) mengapa MAJUIKAN tidak meluaskan perkhidmatannya ke Sabah dan Sarawak; dan
- (b) samada terdapat sebarang rancangan untuk menubuhkan MAJUIKAN di Sabah bagi faedah rakyat di sana, dan jika ya, bila.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, MAJUIKAN telahpun meluaskan perkhidmatannya ke Sarawak semenjak 1973 apabila Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dikuatkuasakan di Sarawak walau bagaimanapun MAJUIKAN belum lagi menjalankan projek-projek dan perkhidmatannya di Sabah kerana Akta tersebut belum dikuatkuasakan ke negeri tersebut.

PENEROKA FELDA

14. Tuan Chan Teck Chan (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan berapa ekarkah jumlah tanah yang telah dimajukan sejak ianya ditubuhkan hingga 1977 dan bagaimana pecahan mengikut kaum yang menjadi peneroka skim FELDA. Apakah langkah yang diambil bagi membetulkan ketidak-seimbangan ini.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, sehingga akhir tahun 1977 FELDA telah memajukan tanah seluas 976,715 ekar. Jumlah peneroka yang telah ditempatkan dan pecahannya mengikut kaum adalah seperti berikut:-

Melayu	44,345
China	861
India	825
Lain-lain	33
				<hr/>
				46,064

FELDA tidak menguntukkan mana-mana kawasan untuk satu-satu kaum yang tertentu. Semua pemohon-pemohon diberi pertimbangan yang sama mengikut kelayakan masing-masing dengan tidak mengira kaum/bangsa dan terpujanglah kepada mereka yang berkenaan untuk membuat permohonan apabila dipelawa kelak. Hingga hari ini bilangan yang menunggu hingga akhir tahun 1977, yang belum dimasukkan lagi dan telah ditemuduga:

Melayu	6,938 orang
China	795 orang
India	1,299 orang

Walau bagaimanapun, penempatan peneroka-peneroka di rancangan adalah mengikut kehendak dan tertakluk kepada kelulusan dari Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan oleh kerana tanah adalah kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri.

Saya sedang berusaha memohon kerjasama dari pihak berkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mendapat persetujuannya menambahkan lagi bilangan peserta-peserta dari kaum yang bukan Bumiputra untuk menyertai rancangan FELDA. Misalnya Kerajaan Johor baharu-baharu ini saya telah berjumpa Yang Berhormat Menteri Besar telahpun bersetuju menerima lebih kurang 300 orang yang bukan Melayu yang sedang menunggu sekarang untuk masuk Rancangan FELDA.

HUKUMAN MATI DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI

15. Tuan Chan Teck Chan (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Undang-undang menyatakan bilangan orang-orang yang dihukum mati bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri yang telah mohon untuk mendapatkan ampun dan berapa banyak daripada permohonan-permohonan ini telah berjaya.

Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, lima orang yang dihukum mati di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri semenjak Akta itu mula berkuatkuasa telah memohon untuk mendapatkan ampun dan dari jumlah itu, dua belas orang telah berjaya.

Tuan Shaari bin Jusoh: Apakah yang akan dilakukan oleh Kerajaan kepada mereka yang menuntut ampun yang tidak berjaya? Yang kedua, apakah kesalahan-kesalahan yang membawa seseorang itu menjadi ia di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang pertama itu saya berkehendakkan notis. Dan jawapan kepada yang kedua, mereka yang boleh dituduh di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri ini ialah pemilik-pemilik senjata api haram yang ada terlibat dengan anasir-anasir subversif dan penjenayah-penjenayah besar yang memiliki senjata haram yang sering melakukan kesalahan-kesalahan besar dengan menggunakan senjata-senjata haram itu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah mereka yang ditolak permohonan itu boleh membuat permohonan semula ataupun pihak Kerajaan tidak bercadang untuk memberi apa-apa pengampunan kepada mereka.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, tidaklah ada hadnya beberapa kali seseorang itu boleh meminta ampun dengan sebab itu mereka berhak boleh membuat rayuan lebih daripada sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 18 adalah diberi di bawah ini)

GAJI MINIMA KEPADA PEKERJA-PEKERJA KILANG

16. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau merasakan tidak penting ditentu kadar upah minima yang berpatutan dan adil kepada pekerja-pekerja di kilang-kilang perusahaan di negara ini, memandangkan mereka dibayar gaji yang murah dan tidak berpatutan dibandingkan dengan tenaga yang mereka curahkan dan kenaikan harga barang-barang keperluan.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hun): Di dalam keadaan sosio-ekonomi kita sekarang, perhatian Kerajaan adalah ditumpukan dua aspek, di bawah Dasar Ekonomi Baru iaitu:-

- (i) Mengujudkan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan yang produktif yang akan dapat memberikan sumber pendapatan terutama kepada mereka yang berpendapatan rendah; dan
- (ii) Meningkatkan lagi pendapatan kumpulan-kumpulan masyarakat kita yang miskin, dengan cara menambahkan daya pengeluaran mereka, terutama sekali di dalam bidang pertanian dan perusahaan-perusahaan kecil.

Pendekatan ini akan membolehkan kita meningkatkan pendapatan rakyat kita secara am. Oleh kerana negara kita masih mempunyai sebahagian dari rakyatnya yang bekerja sendiri (self-employed), pendekatan untuk meningkatkan pendapatan melalui Gaji Minima, yang akan hanya memberi faedah kepada mereka yang digaji sahaja, sudah tentu akan mengecualikan sebahagian daripada penduduk-penduduk negara kita yang bekerja sendiri. Oleh yang demikian, pembentukan gaji minima, pada ketika ini, akan hanya meluaskan jurang pendapatan di antara berbagai-bagai sektor penduduk negara kita. Memandangkan kepada alasan-alasan ini, maka kerajaan tidak bercadang, pada peringkat ini, untuk memperkenalkan satu Gaji Minima bagi semua kumpulan-kumpulan pekerja.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya telahpun mempunyai peruntukan di bawah Ordinan Majlis-majlis Gaji, untuk menubuhkan Majlis-majlis Gaji di dalam pekerjaan-pekerjaan di mana gaji adalah rendah dan pihak-pihak pekerja-pekerja tidak mempunyai organisasi yang kuat. Majlis-majlis Gaji seperti ini, yang menyediakan Gaji-gaji minima dan syarat perkhidmatan telah pun berjalan dengan baik seperti yang terdapat bagi pembantu-pembantu kedai, pekerja-pekerja panggung wayang gambar, pekerja-pekerja dalam perusahaan hotel dan pekerja-pekerja di Pelabuhan Pulau Pinang. Majlis-majlis ini sekarang meliputi lebih kurang seramai 150,000 pekerja. Kementerian saya bersedia menubuhkan Majlis-majlis Gaji yang sama bagi kumpulan-kumpulan yang lain jika difikirkan perlu.

PEMBORONG BUMIPUTRA/BUKAN BUMIPUTRA YANG BERDAFTAR

17. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) jumlah bilangan pemborong Bumiputra yang berdaftar dengan Kementerianya dengan memberikan angka-angka pecahan mengikut kelas-kelas tertentu;
- (b) bilangan pemborong bukan Bumiputra yang berdaftar dengan Kementerianya mengikut kelas-kelas berkenaan; dan
- (c) apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian untuk menambahkan lagi bilangan pemborong Bumiputra dan untuk memperbaiki taraf pemborong Bumiputra yang sedia ada supaya kelas mereka boleh dinaikkan lagi.

Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Lee San Choon):

- (a) Bilangan Pemborong Bumiputra yang berdaftar di Jabatan Kerjaraya Semenanjung Malaysia pada 31hb Disember, 1977 mengikut pecahan kelas adalah seperti berikut:

Kelas A	29
Kelas B	32
Kelas BX	57
Kelas C	121
Kelas D	274
Kelas E	358
Kelas EX	559
Kelas F	4,363
Jumlah				5,793

Bilangan pemborong Bumiputra ini akan menjadi lebih lagi daripada bilangan yang diberi di atas jika dikira pemborong Bumiputra yang berkongsi dengan bukan Bumiputra tetapi belum mencukupi syarat-syarat bagi diiktiraf sebagai Bumiputra.

- (b) Bilangan pemborong bukan Bumiputra yang berdaftar di Jabatan Kerjaraya Semenanjung Malaysia pada 31hb

Disember, 1977 mengikut pecahan-pecahan kelas adalah seperti berikut:

Kelas A	165
Kelas B	139
Kelas BX	208
Kelas C	331
Kelas D	1,275
Kelas E	1,391
Kelas EX	2,016
Kelas F	—
				—
	Jumlah	...		5,525
				—

- (c) Jika dilihat pada angka-angka mengenai pertambahan bilangan pemborong-pemborong bertaraf Bumiputra yang berdaftar dengan Jabatan Kerjaraya sejak tahun 1973 hingga sekarang, adalah jelas menunjukkan bahawa berlaku pertambahan yang pesat. Misalnya bagi pemborong bertaraf Bumiputra yang berdaftar dalam golongan kelas A hingga C, telah bertambah dari 47 pada awal tahun 1973 menjadi 239 pada akhir tahun 1977. Ini merupakan tambahan sebanyak 408% dalam masa 5 tahun. Sementara itu pemborong-pemborong bertaraf Bumiputra dalam golongan kelas-kelas D hingga F pula bertambah dari 2,017 pada awal tahun 1973 kepada 5,554 pada akhir tahun 1977. Ini merupakan pertambahan 172% dalam masa 5 tahun juga. Jelas bahawa pertambahan bilangan adalah amat pesat dalam golongan kelas tinggi iaitu kelas A hingga C. Angka-angka ini juga menunjukkan bahawa Kementerian sentiasa berusaha untuk menambahkan lagi bilangan pemborong-pemborong yang bertaraf Bumiputra berdaftar di Jabatan Kerjaraya.

Di antara langkah-langkah yang diambil untuk memastikan bahawa lebih ramai lagi pemborong dari kaum Bumiputra berdaftar di Jabatan Kerjaraya, Kerajaan telah mengkhaskan pendaftaran dalam kelas F untuk kaum Bumiputra sahaja dan juga mengkhaskan kerja-kerja kecil yang berasaskan kepada Jadual Kadar Harga yang nilainya tidak lebih dari \$25,000 untuk pemborong-pemborong dalam kelas F tersebut. Dengan lain perkataan, selain daripada mendaftarkan mereka, mereka

juga diberi peluang mendapatkan kerja-kerja kecil sebagai asas untuk memulakan urusniaga mereka dalam bidang pembinaan.

Langkah-langkah juga diambil untuk membolehkan pemborong-pemborong Bumiputra mengambil bahagian dalam tawaran bagi kerja-kerja kelas "A". Pemborong Bumiputra dalam kelas "B" dibolehkan memohon kebenaran khas untuk memasuki tawaran bagi kerja dalam kelas "A". Jika tawarannya berjaya, prestasinya (performance) dalam menjalankan kerja tersebut akan dijadikan asas untuk menimbangkan kemungkinan menaikkan terus ke kelas A. Pemborong-pemborong dalam kelas "BX" atau "C" dibenarkan bergabung untuk memasuki tawaran bagi kerja-kerja khas untuk Bumiputra, kelas "A" dan "B".

Untuk memperbaiki taraf mereka, selain daripada usaha-usaha yang dijalankan oleh agensi-agensi Kerajaan yang lain, Kementerian saya telah mengadakan kursus untuk pemborong yang bertaraf Bumiputra yang berdaftar dalam kelas D dan F. Kursus ini adalah merupakan kursus sepenuh masa dalam mana para peserta dikehendaki tinggal dan belajar di tempat kursus selama lebih kurang satu bulan. Tiga mata pelajaran penting diajar iaitu pertamanya memahami lukisan pelan dan lukisan-lukisan teknikal kedua membuat anggaran kerja dan ketiga memahami syarat-syarat dan peraturan kontrak. Adalah diharapkan melalui rancangan kursus ini pemborong-pemborong Bumiputra akan dapat memperbaiki lagi taraf dan mutu kerja mereka.

HOSPITAL DAERAH DI SABAH

18. Tuan Haji Mohd. Taufek bin O. K. K. Haji Asneh minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan hospital-hospital daerah yang akan dibina di Sabah di dalam Rancangan Malaysia Ketiga;
- (b) berapa bilangan klinik-klinik yang akan dibina;
- (c) di daerah manakah hospital dan klinik-klinik ini akan dibina; dan

(d) berapa buahkah yang sudah dibina dan berapa buah yang masih di dalam proses pembinaan.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan):

(a) Bilangan hospital-hospital yang akan dibina di Negeri Sabah dalam Rancangan Malaysia Ketiga adalah sebanyak 7 buah yang mana 4 buah telah siap.

(b) Bilangan klinik-klinik yang akan dibina dalam tempoh yang sama adalah seperti berikut :

- 4 buah Klinik Ibu dan Kanak-kanak
- 1 buah Poliklinik
- 20 buah Dispensari Luarbandar dan
- 75 buah Klinik Perkumpulan Kampung (Village Group Sub-Centre—VGSC)
- Selain daripada itu, 28 buah Klinik Pergigian Tetap Dalam Sekolah, dan Klinik Pergigian Bergerak akan diadakan di Negeri Sabah dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

(c) Hospital dan klinik-klinik ini adalah untuk kawasan seperti berikut :

(i) *Kawasan Pantai Barat:*

4 buah Hospital-hospital Daerah baru di

- Kudat
- Kota Belud
- Papar dan
- Ranau

4 buah Klinik Ibu dan Kanak-kanak di

- Kota Kinabalu
- Kota Belud
- Tuaran dan
- Papar

1 buah Poliklinik di Penampang
10 buah Dispensari Luarbandar
36 buah Klinik Perkumpulan Kampung

2 buah Klinik Pergigian Bergerak, dan

7 buah Klinik Pergigian Tetap Dalam Sekolah.

(ii) *Kawasan Pendalaman:*

2 buah Hospital Daerah baru di
— Beaufort, dan
— Tambunan

5 buah Dispensari Luarbandar
4 buah Klinik Perkumpulan Kampung

2 buah Klinik Pergigian Bergerak
3 buah Klinik Pergigian Tetap Dalam Sekolah.

(iii) *Kawasan Sandakan:*

1 buah Hospital Daerah Baru di Beluran

4 buah Dispensari Luarbandar
4 buah Klinik Perkumpulan Kampung

1 buah Klinik Pergigian Bergerak
4 buah Klinik Pergigian Tetap Dalam Sekolah.

(iv) *Kawasan Tawau:*

1 buah Dispensari Luarbandar
11 buah Klinik Perkumpulan Kampung

1 buah Klinik Pergigian Bergerak
3 buah Klinik Pergigian Tetap Dalam Sekolah.

(v) *Kawasan Labuan:*

5 buah Klinik Perkumpulan Kampung

5 buah Klinik Pergigian Tetap Dalam Sekolah

(d) Peringkat pembangunan kemudahan-kemudahan ini adalah seperti berikut :

Kemudahan	Siap	Pembinaan Dalam	Rancangan Dalam
Hospital-hospital Daerah	4	2	1
Klinik Ibu dan Kanak-kanak	2	2	—
Poliklinik	—	—	1
Dispensari Luarbandar	3	4	14
Klinik Perkumpulan Kampung	33	15	27
Klinik Pergigian	8	11	9

**RANG UNDANG-UNDANG
DIBAWA KE DALAM
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG SARAAN
HAKIM (PINDAAN) (No. 2)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1979

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1979 JAWATANKUASA

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1979 dan Anggaran Pembangunan, 1979 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (30hb November, 1979).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa
(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Majlis ini ditangguhkan pada 30hb November, 1978 yang lalu, Majlis sedang menimbangankan Anggaran Perbelanjaan Kementerian Luar Negeri dan Yang Berhormat dari Menglembu telah memulakan ucapannya dan saya berjanji akan disambung sekarang. Sila.

Maksud B. 30 (Jadual)—

Maksud P. 30 (Anggaran Pembangunan, 1979)—

3.38 ptg.

Tuan P. Patto (Menglembu): Tuan Pengerusi, saya ingin menyambung ucapan saya terhadap Kementerian Luar Negeri di bawah Maksud B. 30, Butiran 1100, Aktiviti (2), Politik. Tuan Pengerusi, ingin saya mempersoalkan sama ada Kementerian ini benar-benar mengikuti tujuan-tujuan yang telah ia menetapkan untuk mematuhi. Saya ingin menarik perhatian Kementerian kepada kedudukan dan pandangan Malaysia terhadap sebuah negara yang mempunyai penduduk-penduduknya yang majoritinya terdiri daripada orang-orang yang beragama Islam iaitu Albania, sebuah negara yang berbilang agama seperti Malaysia juga. Albania memanglah sebuah negara yang mempunyai sistem politik dan sosio-ekonomi yang berbeza dengan kita, tetapi bolehkah ini dijadikan sebagai alasan untuk Kerajaan enggan

berusaha untuk menubuhkan hubungan diplomatik? Tentu tidak boleh kerana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pada hari Jumaat telahpun memaklumkan bahawa kita akan menubuhkan hubungan diplomatik dengan mana-mana negara sahaja tanpa mengira sistem politik atau sosio-ekonomi mereka asalkan negara itu menunjukkan keinginan mereka untuk berbaik-baik dengan kita.

Jadi mengapakah Kerajaan enggan mengadakan hubungan diplomatik dengan Albania lebih-lebih lagi dengan negara ini yang mempunyai lebih 60% umat Islam? Adakah keengganan ini kerana Albania itu sebuah negara non-secular? Tuan Pengerusi, kita telah menubuhkan hubungan diplomatik dengan beberapa negara yang non-secular juga. Jadi kita haruslah menegakkan tujuan yang ditetapkan itu dalam soal dasar luar dan memula berusaha untuk menubuhkan hubungan diplomatik dengan Albania dengan seberapa segera yang boleh untuk membuktikan bahawa kita tidak mempunyai "double standard" dalam bidang hubungan diplomatik dengan negara-negara yang tidak mempunyai apa-apa niat anti-Kerajaan atau anti-Malaysia.

Tuan Pengerusi, di sini ingin saya menyentuh tentang satu lagi bidang di mana Kerajaan mempunyai "double standard", iaitu pengakuan dan pengiktirafan terhadap Pergerakan-pergerakan Pembebasan di rantau ini dan juga di luar rantau ini. Kementerian ini tidak menyatakan dengan terang pendiriannya terhadap Pergerakan-pergerakan pembebasan di beberapa buah negara. Kita sedar Kerajaan pernah menyokong PLO (Palestine Liberation Organisation) dan kami dari DAP mengalu-alukan sokongan itu dan juga sokongan kita kepada Parti Rakyat Brunei yang juga menuntut kemerdekaannya. Tetapi dalam soal Timur-timur atau Portugis Timur dahulunya, Kerajaan telah menyokong sepenuh tindakan keras Indonesia terhadap Pergerakan Pembebasan Wilayah itu iaitu kuasa-kuasa Fretilin yang mengakhiri dengan annexation Timur-timur oleh Indonesia.

Yang anih sekali, Tuan Pengerusi, apabila sebilangan besar negara-negara Bangsa-bangsa Bersatu mengutuk dan mengancam tindakan annexation oleh Indonesia itu, Malaysia menyokong penuh annexation Indonesia dan dengan itu menentang usul Bangsa-bangsa Bersatu mengutuk dan meluluskan usul censure itu.

Tuan Pengerusi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri apakah Malaysia dan Kerajaan Barisan Nasional mempunyai "double standard" ini di mana Pergerakan-pergerakan Pembebasan khususnya di Brunei disokong dan di Timur-timur kuasa-kuasa Fretilin tidak disokong? Adakah ini kerana kuasa-kuasa Fretilin ini puak kiri? Kalau ianya puak kiri, saya berharaplah Yang Berhormat Menteri menerangkan bahawa sokongan kita terhadap annexation Indonesia adalah kerana Fretilin ini kuasa-kuasa kiri.

Tuan Pengerusi, ingin juga saya menyenutuh tentang satu lagi perkara di mana Malaysia telahpun tidak diberi penghormatan di kalangan antarabangsa (international circle), iaitu International Covenant on Civil and Political Rights yang telahpun dibangkitkan oleh rakan saya dalam tahun sudah. Tuan Pengerusi, International Covenant on Civil and Political Rights telahpun diluluskan oleh Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun 1966 dan Malaysia juga salah sebuah negara yang menyokong untuk adopt resolusi tentang International Covenant on Civil and Political Rights, tetapi malangnya sehingga hari ini Malaysia tidak menandatangani International Covenant ini. Apakah sebabnya? Adakah kerana Malaysia khuatir bahawa apabila ia menandatangani International Covenant on Civil and Political Rights, maka ia sudah dipaksa untuk tertakluk kepada segala syarat-syarat, segala isu-isu yang termaktub dalam International Covenant on Civil and Political Rights?

Sekiranya Malaysia benar-benar demokratik, mempunyai hak-hak asasi manusia yang bebas sepertimana dituntut dan dilaung, oleh pihak Kerajaan, apakah salahnya Kerajaan menandatangani International Covenant on Civil and Political Rights? Kalau ia enggan sepertimana sudah terbukti selama 12 tahun ini, maka itu bererti bahawa Kerajaan Malaysia tidak berani mengaku bahawa ianya benar-benar mempunyai satu dasar di mana hak-hak manusia adalah diiktiraf dan ia adalah diberi satu penghormatan di dalam negara ini.

Tuan Pengerusi, saya juga minta Kementerian Luar Negeri supaya memberi satu gambaran yang benar, memberi satu gambaran yang sedalam-dalamnya tentang hak-hak manusia di dalam Malaysia bagi pengetahuan luar dunia. Kita tidak mahu

Presiden-presiden negara-negara lain seperti Presiden Carter yang pernah berkata bahawa Malaysia bolehlah dijadikan sebuah negara tauladan tentang hak-hak asasi manusia. Kita tidak mahu perkara itu berlaku. Jadi saya berharaplah Yang Berhormat Menteri dan Kementerian ini boleh berusaha untuk menandatangani International Covenant on Civil and Political Rights ini yang sudahpun kita tidak menandatangani selama 12 tahun ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Panti.

3.46 ptg.

Tuan Yusof bin Malim Kuning (Panti): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh beberapa perkara dalam B. 30, Butiran 1100, Aktiviti (1), (2) dan (3).

Sebagai sebuah negara yang baru 21 tahun berkecimpung di dalam arena politik antarabangsa, seharusnya kita lebih banyak lagi belajar tentang negara-negara yang lebih maju daripada kita. Selama ini, masih banyak terdapat kekurangan dan kelemahan-kelemahan di Kedutaan kita di luar negeri walaupun setiap diplomat yang dikirim keluar negeri sedikit sebanyaknya telahpun diberi garis-garis panduan dan taklimat yang diperlukan, tetapi memandangkan kepada hakikat yang pernah berlaku, maka saya sukalah mencadangkan supaya di masa yang akan datang semua diplomat kita dari Pesuruhjaya Tinggi dan Duta membawa kepada semua kakitangan Kedutaan, hendaklah diberi latihan dan kursus sepenuhnya sesuai dengan ke mana mereka hendak dihantar.

Sebagai contoh, Tuan Pengerusi, kalau mereka akan dihantar ke negeri-negeri Arab di Timur Tengah, sekurang-kurangnya mereka memahami sedikit sebanyak bahasa Arab dan adat resam mereka. Ini bukanlah bererti bahawa Duta kita ke Jepun umpamanya mesti pandai berbahasa Jepun dan Duta kita ke Perancis mesti pandai berbahasa Perancis. Saya hanya menekankan negara-negara Arab kerana memandangkan kepentingan dan keperluan yang berlainan di antara satu negeri dengan negeri yang lain. Di negara-negara Arab umpamanya, keistimewaan-keistimewaan yang telah kita perolehi dan banyak lagi keistimewaan-keistimewaan yang akan kita perolehi. Hubungan agama

umpamanya sudah cukup sebagai bukti betapa kuatnya hubungan kita dengan mereka selain dari keperluan-keperluan yang lain seperti pasaran, dagangan minyak dan sebagainya. Di Saudi Arabia umpamanya saban tahun beribu-ribu jemaah haji dari Malaysia yang sepatutnya kita mendapat layanan yang paling istimewa sekiranya kita pandai berdiplomasi dengan mereka.

Begitu juga di Republik Arab Mesir, Iraq dan Libya, puluhan tahun penuntut-penuntut kita mendapat latihan dan didikan dari Pusat-pusat Pengajian Tinggi Islam dan akhir-akhir ini di bidang kedoktoran pula. Maka itulah sebabnya mengapa saya menyatakan kita harus memberikan perhatian yang istimewa kepada negara-negara Arab ini.

Tuan Pengerusi, menyentuh saya Aktiviti (2) iaitu Politik. Tidak syak lagi bahawa Aktiviti Politik adalah peranan yang terpenting sekali bagi Kementerian Luar Negeri bagi membolehkan negara-negara lain memahami dasar luar negeri kita yang bebas dan berkecuali itu. Dan juga supaya mereka dapat memahami sistem sosio-ekonomi dan politik negara kita dan dapat pula menjalin tali persahabatan di antara negara-negara jiran serantau yang mana kita harapkan semua ini akan menambah dan akan menarik minat negara-negara maju supaya mahu melaburkan modalnya di negara kita.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Luar Negeri kerana daya dan usahanya yang begitu gigih selama ini bersama-sama dengan negara-negara sahabat dan negara-negara jiran sehingga terujudnya apa yang kita kenali sekarang ASEAN. Saya percaya bahawa negara kita telah mengambil daya utama bagi menghasilkan maksud tersebut hingga lahirlah ASEAN.

Tuan Pengerusi, sejak akhir-akhir ini pertubuhan-pertubuhan setia-kawan ASIA-AFRICA (AFRO-ASIA) sudah jarang-jarang didengar dan jarang-jarang disebut sama ada oleh pemimpin-pemimpin kita sendiri mahupun pemimpin-pemimpin luar negeri. Tidak seperti ianya mula ditubuhkan dalam tahun 1955 di Republik Indonesia di Bandung dahulu. Apakah AFRO-ASIA ini masih lagi ujud, atau sudah mati masih samar-samar bagi kita. Sedangkan pergolakan yang sering berlaku di dunia ini ialah di dalam dua benua kita, iaitu Asia dan Afrika. Kerana boleh dikatakan perjuangan rakyat di kedua

benua ini, berjuang untuk hidup dan melepaskan diri dari belenggu penjajahan yang kemudiannya menderita pula disebabkan oleh campur tangan kuasa-kuasa asing.

Saya mencadangkan kepada Kementerian Luar Negeri kita supaya dapat sekali lagi memainkan peranan yang aktif bagi menghidupkan semula AFRO-ASIA ini kerana memandangkan masalah yang kita hadapi di rantau ini amat banyak sekali dan memerlukan persefahaman dan kerjasama yang erat di antara satu sama lain dan kita tidak semesti seialunya bergantung dengan negara-negara Barat atau Amerika untuk menyelesaikan masalah kita.

Ini saya percaya jika Malaysia berjaya menghidupkan dan menyalakan semula semangat AFRO-ASIA maka akan menaikkan imej dan moral negara kita di mata dunia terutama sekali dunia sebelah sini. Kebetulan pula akhir-akhir ini imej negara kita telah tercemar sedikit dengan adanya pemberita-pemberita asing yang suka memutar-belitkan keadaan yang sebenarnya berhubung dengan pendatang-pendatang haram Vietnam dan pelancung-pelancung Malaysia sendiri, rakyat Malaysia sendiri yang cuba menyeludupkan ganja, morphine dan sebagainya keluar negeri yang mana akibatnya hari ini setiap rakyat Malaysia yang datang dari Malaysia kalau sampai di luar negeri terpaksa menjalani pemeriksaan yang paling ketat dan paling rapi. Tidak sepertimana di masa-masa yang lalu.

Tuan Pengerusi, Kementerian Luar Negeri hendaklah memainkan peranan yang penting dan segera supaya pendatang-pendatang haram dari Vietnam tidak akan menjejaskan perhubungan baik di antara Kuala Lumpur dengan Hanoi. Saya mencadangkan supaya satu rombongan muhibbah hendaklah dihantar segera ke Vietnam dan kalau boleh bersama-sama dengan sahabat-sahabat kita ketua-ketua negara dari ASEAN. Saya juga menggesa Kementerian Luar Negeri supaya memanggil duta kita di Vietnam untuk memberi laporan dan jika perlu penyiasatan hendaklah dilakukan segera kerana di dalam keadaan sekarang, kita lebih baik banyak berhati-hati dan berwaspada kerana permainan dan kecuaiannya di kedutaan-kedutaan kita di luar negeri bukanlah perkara baru.

Tuan Pengerusi, sehingga saat ini rakyat belum mendapat tahu sama ada di dalam Dewan yang mulia ini ataupun di luar Dewan melalui mass-media tentang apakah pandangan kedutaan kita di sana. Dan apakah dayausaha yang telah dilakukannya bagi menolong mengatasi masalah pendatang-pendatang haram ini. Walaupun mereka yang datang itu tidak melalui kedutaan kita. Kita tahu, tetapi sebagai sebuah kedutaan mempunyai banyak keistimewaan, sepatutnya sedikit sebanyak kedutaan kita mempunyai maklumat berhubung dengan situasi yang ujud pada hari ini.

Tuan Pengerusi, menyentuh saya aktiviti (3)—Penerangan Luar Negeri. Salah satu aktiviti penerangan luar negeri ialah membekalkan bahan-bahan berita tanahair dan perkembangannya untuk memenuhi keperluan penuntut-penuntut melalui bekalan bahan-bahan bacaan, filem dan pameran. Saya percaya sekiranya aktiviti ini berjalan dengan baik maka selama ini sudah tentu tidak akan timbul perselisihan di antara penuntut-penuntut kita di luar negeri dengan setengah-setengah pegawai kedutaan. Dan tidak akan berlaku di mana setengah-setengah penuntut seolah-olah sudah putus sama sekali hubungannya dengan negeri sendiri. Ini ialah disebabkan kurangnya berita-berita dan bahan-bahan bacaan dihantar ke kedutaan kita di luar negeri.

Tuan Pengerusi, saya menggesa Kementerian Luar Negeri supaya bertindak segera menyasat dan menyelesaikan satu keadaan yang ujud yang kurang menyenangkan berlaku sekarang ini di antara penuntut-penuntut kita di United Arab Mesir yang mana telah berlaku krisis di antara Persatuan Penuntut di sana dengan pihak yang berkenaan.

Persatuan Penuntut telah ujud di Republik itu lebih 40 tahun lalu yang mana pada masa-masa yang lalu mereka mengenali negara kita melalui Persatuan Penuntut ini. Sebelum kita dapat mengadakan kedutaan kita di sana dan sebelum kita mencapai kemerdekaan. Saya harap pihak kedutaan kita di sana hendaklah mengatasi masalah ini dengan segera, kerana besar kemungkinan akan menjejaskan kepentingan penuntut kita yang jumlahnya pada hari ini hampir 1,000 orang.

Tuan pengerusi, pada akhirnya sama ada Wisma Putra sedar atau tidak, bahawa di suatu masa pernah kedutaan kita di Republik

Arab Mesir telah menimbulkan suasana yang begitu menyedihkan di kalangan penuntut-penuntut terutama mereka yang mendapat biasiswa atau dermasiswa dari Kerajaan-kerajaan Negeri. Pihak kedutaan telahpun mencari faedah dan keuntungan dari pertukaran wang luar bagi bayaran biasiswa penuntut-penuntut melalui pertukaran pasaran gelap (black market).

Tuan Pengerusi saya tidak akan mencadang dalam Dewan yang mulia supaya perkara ini disiasat oleh Kementerian Luar Negeri, tetapi sekiranya Kementerian Luar Negeri berhasrat untuk berbuat demikian, maka saya mengalu-alukannya dan sanggup memberikan kerjasama sebagai salah seorang yang pernah menjadi mangsa permainan pegawai-pegawai tersebut. Maksud saya supaya perkara ini tidak akan berulang lagi pada masa yang akan datang. Dan akhirnya saya menyokong peruntukan yang dipohon.

Tuan Pengerusi: Sebagaimana saya telah maklumkan pada minggu lalu, sekarang saya silakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

3.57 ptg.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun memberikan pandangan-pandangan ataupun nasihat-nasihat di dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa pada hari Khamis dan juga pada hari ini. Dan saya sukalah sedikit sebanyak memberikan jawapan-jawapan ataupun pandangan-pandangan yang telahpun dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar telahpun menyuarakan bersabit dengan kekurangan pegawai-pegawai Sarawak di dalam perkhidmatan Wisma Putra. Saya suka menyatakan dasar Kerajaan kita membuka perkhidmatan ini kepada semua warganegara kita dalam Malaysia tetapi pada saat ini boleh dikatakan daripada Sabah dan Sarawak sangatlah kekurangan, hanya ada tiga orang sahaja.

Saya sendiri sukalah menyatakan iaitu untuk mendapatkan banyak lagi pegawai-pegawai daripada Sarawak dan Sabah memasuki perkhidmatan Wisma Putra dan saya berharap Yang Berhormat dari Batang Lupar

boleh menggalakkan saudara-saudaranya supaya banyak lagi kita dapat pemuda-pemudi menyertai di dalam Perkhidmatan Kementerian Luar Negeri ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyuarakan bersabit dengan bangunan yang beliau berkata adalah kekurangan dan perlu dipereleokkan dan juga Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda telahpun menyuarakan juga iaitu bangunan-bangunan kedutaan kita dan juga kediaman duta kita di luar negeri adalah sangat buruk dan perlu diperbaiki ataupun dibeli yang baru supaya imej negara kita sentiasa dipandang tinggi oleh masyarakat tempatan di sana dan juga di negara-negara lain.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas pandangan itu dan setakat ini dalam masa setahun dua yang lepas, saya sentiasa mencari dan menentukan supaya setengah-setengah bangunan ini dipunyai oleh kita sendiri. Pada masa-masa akan datang dengan sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga rakan-rakan saya khasnya Menteri Kewangan mungkin rumah rasmi kedutaan kita akan dapat diperbaiki dan apa yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar dan juga Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda akan dapat diatasi.

Saya suka menyatakan pada masa sekarang ini, kita ada mempunyai bangunan-bangunan canseri 13 buah. Rumah kediaman rasmi bagi Ketua Perwakilan kita berjumlah 13 buah. Rumah kediaman untuk kakitangan negara kita berjumlah 6 buah. Lain-lain bangunan 9 buah.

Daripada jumlah yang disebutkan tadi, Kementerian ini telah membina bangunan-bangunan kompleks (Canseri) di Seoul, Bangkok, Tokyo, New Delhi, Wellington dan Singapura dan telah membina kediaman-kediaman rasmi untuk Duta-duta Besar kita di Wellington, Ottawa, Seoul dan New Delhi.

Bangunan yang dibeli untuk dijadikan bangunan canseri ialah di Hague, Jakarta, London, Paris, Songkhla, Washington dan Rome. Bangunan-bangunan kediaman rasmi untuk Duta Besar yang dibeli adalah Bangkok, Bonn, Cairo, Canberra, Hague, Hongkong, Jakarta, Jeddah, London, Paris, Singapura, Songkhla, Washington, Belgrade dan Manila.

Di dalam tahun 1978 sahaja kita telah membeli dua buah bangunan pejabat untuk dijadikan bangunan canseri di Washington dan Paris. Ketetapan untuk membeli bangunan untuk kegunaan di seberang laut adalah berdasarkan kepada berapa pertimbangan termasuklah seperti yang berikut:

- (i) pertimbangan politik,
- (ii) implikasi kewangan,
- (iii) keadaan tempatan.

Ini adalah sedikit sebanyak untuk menjawab apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda dan juga Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar ada juga menyuarakan bersabit dengan lawatan beliau sambil mengiringi Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Tan Sri Ong Kee Hui ke Persidangan Parlimen di Frankfurt baru-baru ini.

Saya sebenarnya tidak mendapat maklumat yang lebih jelas lagi di atas layanan yang tidak diberikan oleh pihak kedutaan saya, tetapi adalah menjadi dasar kedutaan kita, jikalau Ahli-ahli Parlimen khususnya Menteri-menteri ada membuat lawatan ke sesuatu tempat, maka layanan dan sambutan perlulah diberi. Tetapi saya suka menyebutkan di sini juga di Frankfurt kita tidak ada kedutaan. Kedutaan kita ialah bertempat di Bonn iaitu lebih kurang 3 jam daripada tempat itu. Kemungkinan yang selalu berlaku yang saya sendiripun tatkala pergi ke Frankfurt oleh sebab jauhnya Frankfurt dengan Bonn maka pegawai tempatan yang berkhidmat sebagai Tourist Development Corporation (TDC) yang pergi menyambut dan melayan saya sambil saya transit di sana, oleh sebab jauh tempatnya dan juga pegawai-pegawai yang lain dan oleh sebab pegawai-pegawai yang ada di sini kekurangan kakitangan (personnel) untuk menjimatkan masa dari segi untuk menjalankan tugasnya, maka di sinilah barangkali perkara ini berlaku. Walau bagaimanapun, saya suka mengatakan oleh sebab baru sahaja Ahli Yang Berhormat ini menyuarakan tidak puashati di atas perkara ini, jikalau Ahli Yang Berhormat menyuarakan awal-awal lagi, saya bolehlah memberikan jawapan yang sepenuhnya apa yang sebenarnya telah berlaku di Frankfurt tatkala beliau melawat di sana dahulu.

Tuan Pengerusi, saya suka menyebutkan di sini kadangkala ada juga manusia ini tidak boleh menjalankan tugasnya ataupun ada kesalahan sedikit sebanyak. Sebagai seorang manusia, mungkin kita semua tersilap dan sebagainya. Saya suka menyatakan iaitu di London dan Tokyo khususnya dijadikan tempat yang seringkali orang-orang kenamaan kita yang melawat ke sana baik rasmi ataupun tidak rasmi dan kerap kali telah disuarakan oleh kakitangan saya di Wisma Putra yang mengatakan terpaksalah kerjanya terganggu dan dikebelakangkan oleh sebab lawatan-lawatan ini. Walau bagaimanapun, kita sentiasa memberi layanan yang memuaskan untuk pelawat-pelawat kenamaan kita yang datang daripada Kuala Lumpur supaya mereka tidaklah berasas mereka ketinggalan. Tetapi seperti di London daripada West End hendak pergi ke airport, jikalau masanya tidak ada trafik dan sebagainya, sekurang-kurangnya 45 minit baru sampai, kalau tidak memakan masa 2 jam. Jikalau ada trafik pukul 8.00 pagi dan satu lagi pukul 12.00 tengah hari maka terpaksalah kakitangan kita ini menunggu sampai di sana dan jikalau ada trafik pukul 4.00 maka satu hari terpaksa duduk di sana. Sama juga di Tokyo tatkala berada di airport yang baru iaitu Narita daripada Ginza sampai ke Narita jikalau nasib baik tidak ada trafik

Tuan Pengerusi Ginza itu di mana Yang Berhormat?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Ginza itu di tengah-tengah bandar Tokyo tempat yang mana selalu pelawat kita suka sangat ke sana dan di situlah menjadi kediaman kita yang selalu pergi ke airport. Ini mengambil masa sekurang-kurangnya 1 jam 45 minit, jauhnya lebih kurang 80 batu daripada Narita ke Ginza, itupun nasib baik. Kalau tidak memakan masa 3 jam. Ini pernah berlaku, Tuan Pengerusi. Ada satu ketika pegawai kita terpaksa menghantar pegawai-pegawainya pukul 8.00 dan pukul 2.30 dikehendaki ada pula, jadi terpaksalah pegawai kita kena tinggal di situ. Kadangkala juga telegram ataupun telex tidak diterima, jadi inilah sebabnya sedikit sebanyak ada layanan yang tidak memuaskan. Seperti mana saya sebutkan, jikalau perkara ini awal-awal diberikan kepada saya, kemungkinan saya dapat menjawab dengan sepenuhnya mengenai apa yang ditegurkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupa tadi.

Saya mengucapkan terima kasih di atas teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari segi welfare anak-anak pegawai kita. Anak-anak pegawai kita sedikit sebanyak ada tergendala dari segi pelajaran, maka di sinilah dengan pandangan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat baru-baru ini iaitu memberi sokongan kepada kita khususnya kepada pegawai-pegawai yang anaknya masih kecil yang memerlukan pelajaran bahasa kita sambil mereka berada di luar negeri. Seberapa yang boleh, Wisma Putra dengan kerjasama pegawai-pegawai daripada Kementerian Pelajaran, Jabatan Perkhidmatan Awam (P.S.D.) dan juga Kementerian-kementerian lain yang mana anak-anak pegawai ini boleh ditinggalkan di negara kita di Malaysia apabila ditukarkan keluar negeri diberi keutamaan asrama di sekolah-sekolah yang ada asrama seperti MARA dan juga tempat-tempat sekolah yang mana asrama diadakan untuk pelajar-pelajar atau penuntut-penuntut.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian-kementerian dan juga pihak-pihak yang berkenaan yang memberi keutamaan kepada anak-anak pegawai Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, saya suka menyebut sedikit di atas pandangan yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Baling. Beliau telah membaling banyak teguran di dalam perbincangan atau perbahasan. Saya rasa tidaklah wajar mengatakan perkataan istilah "hypocrisy" di atas segi dasar kita. Kalau Ahli Yang Berhormat ini sedar apa pertolongan yang kita telah beri, saya suka mengatakan bahawa negara kita Malaysia lebih Arab lagi daripada orang Arab. Kita boleh dikatakan yang ulung sekali menyokong perjuangan orang Arab, khususnya perjuangan orang Palestin jikalau dibandingkan kita yang menyuarakan dahulu sekali dalam semua forum-foram antarabangsa yang melaungkan perjuangan Palestin dan Arab ini perlu disokong oleh semua negara-negara yang ada dalam dunia ini. Saya harap beliau jangan lagi mengatakan hypocrisy, kerana perkataan ini tidak baik benar, dan perjuangan kita adalah sentiasa untuk kebaikan tiap-tiap satu dengan wajarnya, diberikan dasar kita itu tatkala kita memperjuangkan hak satu-satu negara, tiap-tiap satu masyarakat khususnya seperti PLO ini.

Sokongan material Malaysia kepada Mesir tidak setanding dengan sokongan moral dan politik kita, walaupun Mesir sedang menempoh segala kesulitan, namun sanggup menolong Malaysia dengan memberikan biasiswa-biasiswa, tempat-tempat di universiti-universiti, kata beliau. Yang kedua, memandangkan Asia Barat yang menjadikan catur dalam politik antarabangsa, Malaysia masih lagi menghantarkan duta-dutanya daripada orang-orang politik yang berpengalaman politik dan yang tidak diingini lagi di tempat mereka. Saya tidak tahu kepada siapakah beliau ini tujuan, tetapi saya suka mengatakan, jikalau satu-satu perkataan yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat ini berbau politik, tempat ini, saya rasa adalah tidak perlu kita menyebutkan satu persatu demi untuk kepentingan politik di dalam Dewan ini, kerana apa yang kita pilih adalah perlu diberikan analisa yang sewajarnya, oleh sebab duta-duta kita ini adalah pada fikiran kita, kriterianya adalah penuh dan perlu kita memberi sokongan di atas kebaikan dan kebijaksanaannya untuk menjadi duta kita di sana mewakili negara kita.

Beliau menganggap bahawa sokongan negara-negara Arab kepada Malaysia bukanlah kerana kejayaan dasar luarnya tetapi kerana hubungan tradisi dan akidah ke-Islaman. Saya suka mengatakan, kemampuan Malaysia memberikan bantuan material adalah terhad dalam kontrek pertikaian Arab-Israel. Negara-negara Arab mempunyai kemampuan sendiri yang lebih daripada mencukupi. Kalau Ahli Yang Berhormat benar-benar mengkaji perkembangan pertikaian ini, tentulah Yang Berhormat maklum bahawa yang lebih dipentingkan oleh negara-negara Arab ialah untuk mendapatkan sokongan antarabangsa terhadap perjuangan mereka. Dengan ini mereka sangat menghormati dan menghargai sokongan moral dan positif kita terhadap perjuangan Arab di tiap-tiap persidangan antarabangsa. Sokongan material yang telah diberikan oleh Malaysia kepada perjuangan orang-orang Palestin disalurkan melalui pertubuhan bangsa-bangsa bersatu seperti Ajensi Kerja Bantuan—Bangsa-bangsa Bersatu (UNRWA) iaitu Relief and Welfare Agency dan Pertubuhan Persidangan Islam, Tabung Perpaduan Islam dan Tabung Baitul Muqadis dan secara langsung melalui kutipan Jawatankuasa Bantuan Palestin dan baru-baru ini dari hasil jualan Hari Pertama Stem Kenangan Palestin, kita telah memberikan bantuan kewangan

untuk perjuangan orang-orang Arab, khususnya Palestin ini. Kita telah juga memberikan rumah dan kemudahan-kemudahan diplomatik kepada wakil PLO yang ada bertempat di sini. Ini saya rasa jikalau dibandingkan adalah sangat memuaskan dan ini telah membuktikan sokongan yang penuh, iaitu dari segi material kepada perjuangan orang-orang Palestin.

Di dalam hubungan dua hala Mesir-Malaysia, Malaysia menghargai dan merasa terhutang budi kepada negara sahabat kita kerana memberikan biasiswa-biasiswa dan peluang-peluang belajar kepada beribu-ribu pelajar kita dan memberikan perkhidmatan doktor-doktornya di Malaysia. Budi baik Mesir ini tak terbalas oleh Malaysia.

Seperti Ahli Yang Berhormat maklum baru-baru ini Kedutaan Malaysia telahpun menyumbangkan kayu papan gergaji berjumlah lebih kurang \$552,000 untuk membina sebuah Pusat Islam dan Masjid di Abassiah, Kaherah. Sumbangan ini telah dibuat setelah menimbang hubungan dua hala yang begitu baik. Hubungan tradisi dan ke-Islaman adalah asas perhubungan Malaysia dengan Negara-negara Asia Barat. Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa inisiatif-inisiatif tersebut telahpun melahirkan pertubuhan-pertubuhan Islam dan Bank-bank Pembangunan Islam dan beberapa pergerakan Islam yang lain daripada sokongan yang Malaysia berikan, maka inilah terbuक्तinya tumbuh ataupun bangun persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyebutkan bersabit dengan Camp David, Sino-Japan Treaty ataupun Peking-Moscow Rivalry. Saya suka mengatakan kepada Dewan yang mulia ini Wisma Putra sentiasa mengkaji dan sentiasa sensitif kepada pergolakan yang berlaku di luar negeri di dalam dunia ini supaya kita sentiasa sedar apa yang berlaku itu akan tidak menjejaskan perhubungan kita ataupun keselamatan kita dan juga kekayaan kita untuk kita berniaga dengan negara-negara yang lain ataupun negara-negara yang berdekatan dengan negara yang terlibat itu. Saya suka memberikan jaminan kepada Dewan yang mulia ini, iaitu kita sentiasa mengkaji dari satu masa ke masa dan pergolakan ini sentiasa diawasi oleh duta-duta kita di luar

negeri yang ada di tempat-tempat yang berkenaan supaya melapurkan kepada kita supaya kita dapat bertindak jikalau satu tindakan perlu dibuat oleh pihak kita.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat itu juga menyentuh Teori Domino. Saya suka mengatakan Teori Domino ini telahpun disebut-sebut sering kali oleh orang politik dan orang ramai, kita sentiasa mengkaji masalah ini. 4 tahun telah tamatnya peperangan Vietnam, adakah Teori Domino ini masih lagi berlaku? Thailand masih kukuh dan kuat malahan saya suka mengatakan iaitu pihak Negara ASEAN lebih kuat lagi dan semenjak 4 tahun yang lepas Malaysia masih ada, Singapura masih ada, Indonesia masih ada, Filipina masih ada maka perlulah kita mengkaji dengan perbalahan rivalry yang terdapat di antara negara-negara China dan juga Vietnam ataupun Moscow ini adakah kita terlibat. Kita sebagai satu negara yang berdasarkan kepada non-aligned tak suka melibatkan diri kita di dalam perbalahan di antara satu negara lain dengan satu negara yang lain. Jadi untuk menjamin keselamatan dan keamanan maka Malaysia pada tahun 1971 bersama-sama dengan 4 buah Negara ASEAN yang lain telahpun mengisytiharkan "Pengisytiharan Kuala Lumpur" bernama "ZOPFAN".

Konsep ini telahpun diterima dan saya suka menyatakan kepada Dewan ini, di dalam masa setahun ini, iaitu tahun 1978 adalah satu tahun yang teristimewa bagi dasar luar negeri kita yang mana banyak berlaku yang boleh memberikan kesan yang baik kepada negara kita dari segi keselamatan, kerjasama dari segi politik, ekonomi, sosial dan juga kebudayaan, adalah satu tahun yang saya rasa sangat baik dan sangat kita mencapai kejayaan dari segi dasar luar negeri. Saya suka mengatakan konsep "ZOPFAN" pun adalah daripada negara-negara yang belum begitu sanggup menerima telahpun menyuarakan kesanggupan berbincang dan berdialog di atas masalah ini dan Malaysia sebagai sebuah negara bukan bagi pihak negara-negara ASEAN sanggup mengkajikan serta mendengarkan dan memberikan penjelasan-penjelasan kepada negara yang berkenaan ini di atas konsep "ZOPFAN" ini. Sebaliknya pula, adakah mereka itu terima, kita sanggup mendengarkan. Maka ini adalah satu ketika, tahun ini pada bulan Jun waktu Pattaya ASEAN pun

telah disambut oleh negara-negara iaitu Vietnam telahpun mengatakan beliau jikalau disambut, sanggup mengadakan seorang pemerhati di dalam persidangan Menteri-menteri Luar ASEAN di Pattaya pada bulan Jun tahun ini. Ini bermakna secara tidak langsung (indirect) mengakui di atas pertubuhan ASEAN. Pada dahulunya tidaklah begitu sanggup di atas penerimaan konsep ASEAN sama juga konsep "ZOPFAN" ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat ini sama juga dengan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda, menyebutkan masalah pendatang haram (refugees). Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pengiktirafan orang-orang Vietnam yang datang ke sini bukanlah dianggapkan refugees oleh negara kita ini, tetapi pendatangan haram. Maka oleh sebab mereka ini hanya datang ke negara kita jikalau kita letakkan sabut di tengah-tengah lautan dengan berdekatan kalau kita letakkan sabut di hujung Saigon ataupun Vietnam Selatan, kemungkinan sabut ini akan hanyut ke Pelabuhan Kuala Trengganu ataupun Bachok di Kelantan. Inilah keadaan yang sekarang ini dan Ahli Yang Berhormat dari Bachok pun ada di sini, say^a rasa tentu boleh mengetahui dengan jelasnya, inilah keadaannya kenapa orang-orang pelarian ataupun pendatang haram ini menumpu ke sini, Adakah ini oleh sebab Perlembagaan kita sangat bagus yang mereka ini datang, yang mana Ahli Yang Berhormat dari Menglembu telah berkata tadi berkehendakan lagi civil and political rights ditandatangani oleh Malaysia? Saya akan jawab apa yang diperkatakan oleh beliau itu. Dasar Kerajaan kita telah tetap iaitu mereka ini adalah sebagai orang-orang sementara sahaja ada di dalam negara kita sebelum kita dapat mendapatkan negara-negara yang ketiga menerima mereka itu.

Saya sukalah mengatakan di dalam perbincangan saya di Brussels baru-baru ini bagi menerangkan penjelasan maka negara-negara ini sukalah mengatakan kesanggupan untuk bekerjasama hingga daripada para 13 daripada Joint Declaration yang dibuatkan di antara ASEAN dengan negara-negara EEC ini telah mengatakan sokongan yang penuh supaya masalah orang-orang pelarian ini dapat diatasi oleh semua negara-negara di dalam dunia ini iaitu satu international effort mestilah dibuat oleh semua negara-negara yang ada di dunia ini untuk mengatasi masalah orang-orang pelarian ini. Daripada

perbincangan inilah, seperti Amerika telah-pun mengambil banyak, daripada tahun 1975 sampailah sekarang, Australia, Perancis, Jerman telah sanggup mengambil 1,000 orang. Brussels, Belgium dan juga Kanada telah juga sanggup menerima. Daripada inilah kita harap masalah pendatang haram ini dapat diatasi pada masa-masa yang akan datang. Maka orang-orang ini, sepertimana saya telah sebutkan tadi dan Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kita akan mengadakan satu persidangan antarabangsa, iaitu consultation yang sebenarnya pada bulan ini, tanggal 11 di Geneva dan Malaysia akan menghantarkan delegasinya untuk bersidang supaya menjelaskan masalah-masalah yang menimpa negara kita Malaysia ini. Tetapi saya berharap negara-negara lain janganlah meletakkan kriterianya sangat ketat, jangan begitu selective mengambil orang-orang ini hingga setengah-setengah orang oleh sebab tidak ada profession ataupun tidak ada kerja yang tetap tidak boleh memberikan manfaat dan faedah kepada negara yang ketiga ini ditinggalkan kebelakang. Saya harap negara-negara ini jikalau betul-betul berasaskan kepada peri kemanusiaan, maka perlulah mengambil mereka ini dengan tidak ada kriteria, dengan tidak begitu selective untuk mengambil kepada negara-negara mereka.

Buat masa sekarang ini pada fikiran saya negara-negara yang ingin menerima, masih lagi mengadakan syarat-syarat yang tertentu kriteria-kriteria yang tertentu supaya hanya mengambil orang-orang yang benar-benar memberi faedah dan keuntungan kepada mereka. Janganlah pula meninggalkan orang-orang yang pada fikirannya tidak begitu manfaat dan berfaedah kepada negara-negara mereka.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Dungun telah juga mengatakan bersabit dengan Cultural Unit. Adalah menjadi dasar Kerajaan kita dan juga kedutaan kita sentiasa memainkan peranan untuk meninggikan imej Malaysia dengan adanya Cultural Week seperti juga yang kita adakan di setengah-setengah tempat seperti di London baru-baru ini, kita mengadakan satu exhibition menunjukkan satu kebudayaan negara kita dan daripada satu masa ke satu masa kita telahpun mengadakan satu exhibition ataupun Cultural Week untuk menarik dan memperkenalkan negara kita kepada negara-negara tempatan dan perhubungan sentiasa dilakukan seakut

mana yang boleh dengan orang-orang tempatan supaya memperkenalkan Malaysia kepada negara-negara ataupun orang-orang yang tinggal di negara-negara itu.

Tuan Pengerusi, untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pada tahun 1979 yang akan datang ini Kementerian Luar Negeri akan mempergiatkan lagi usaha-usaha di dalam rangka menonjolkan kebudayaan Malaysia di luar negeri sepertimana yang sedang dijalankan dengan mendapatkan kerjasama yang erat daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan juga Kementerian Penerangan kita. Benarlah ada setengah-setengah orang dalam dunia ini tidak tahu Malaysia, semenjak 21 kita telah mencapai kemerdekaan; masih lagi tidak tahu di mana Malaysia. Saya tidak menafikan mereka ini tahu semua, barangkali salah mereka juga yang Ilmu Alam mereka tidak begitu mengetahui di mana Malaysia. Tetapi masalah ini yang sebenarnya peranan kedutaan kita banyak, seperti pelajaran pun daripada dahulu kedutaan kita tidaklah memainkan peranan yang penting untuk menjagakan dari segi welfare pelajaran kita dan juga mempertinggikan imej negara kita, tetapi baru-baru ini kedutaan kita sama memainkan peranan untuk memprojeikkan imej Malaysia setakat mana yang boleh oleh sebab pegawai-pegawai kita tidak terlatih dari segi untuk memprojejek imej itu, sedikit sebanyak ada tergendala. Tetapi dengan adanya daripada satu masa ke satu masa latihan pegawai-pegawai yang terlatih dari segi kebudayaan, dari segi untuk memberi kebaikan imej Malaysia maka ini akan bertambah lagi kegiatan kita dan imej yang baik sentiasa disanjung tinggi oleh negara-negara yang berkenaan di mana kedutaan kita itu berada.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda ada juga menyebutkan bersabit dengan pendatang haram. Saya telahpun memberikan penjelasan sebentar tadi, maka ada juga barangkali setengah-setengah orang bersabit dengan pendatangan haram ini memainkan isu politik. Saya suka menyatakan dalam saat ini, dalam masa kita sibuk menjagakan keselamatan kita, isu politik ini perlulah jangan diputar-belitkan oleh pihak-pihak yang tertentu, kerana itu adalah dasar Kerajaan sepertimana yang saya sebutkan, ketinggalan mereka di sini hanya sementara sahaja sambil kita mencarikan negara-negara ketiga maka mereka itu yang mana terpaksa berada di sini, terpaksalah diberikan apa sahaja yang

dapat kepada mereka tetapi setakat mana yang boleh, sepertimana yang saya katakan tadi, kita hanya memberi apa yang ada dalam keupayaan kita kepada mereka yang tinggal di sini. Tetapi ada pula seorang Ahli Yang Berhormat dari Panti menyatakan ada orang akhbar daripada luar negeri telah mencaci dan mengkritik negara kita, tetapi sebaliknya mereka itu tidak tahu dengan sejelas-jelasnya apa yang sebenarnya berlaku di sini. Kita telah mengambil kira-kira 100,000 orang pelarian dan ada ditangan kita sekarang ini lebih 40,000 orang tetapi apa yang kita buat yang baik tidak nampak; tetapi pada pandangan mereka yang tidak baik itu diperbesar-besarkan, dan apa yang kita buat adalah satu perkara dari segi peri kemanusiaan yang kita telah buat untuk kebaikan supaya mereka itu dapat pergi ke negara yang ketiga sebelum mereka diterima oleh negara itu.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu telah menyebutkan iaitu saya terpaksa banyak di luar negeri dan perlu mengadakan penolong saya. Saya, Tuan Pengerusi, sebenarnya tak suka di luar, saya suka juga di dalam. Oleh sebab itu setakat mana yang boleh, jikalau saya pergi untuk menghadiri persidangan itu adalah penting dan terpaksa saya pergi dan barangkali dengan sokongan daripada rakan-rakan saya, kemungkinan saya dapat dibantu dan boleh memberikan saya banyak sedikit duduk dalam negeri.

Tuan Pengerusi, beliau juga ada menyebut bersabit dengan ASEAN News Agency dengan maksud pertukaran berita di antara negara-negara ASEAN sedang dijalankan. Pada masa ini, kita hanya ada dua orang pemberita BERNAMA yang ditempatkan di luar negeri, iaitu seorang di Bangkok dan seorang lagi di Jakarta. Pada tahun 1979, seorang lagi wakil BERNAMA akan ditempatkan di Manila, cuma di Singapura permintaan BERNAMA untuk menempatkan seorang wakil, buat sementara ini tidak begitu dibenarkan lagi. Alasan ini belum masanya lagi dapat dipertimbangkan permintaan itu. Saya percaya apabila soal ASEAN news pool ini telah berjalan dengan lancar. Kerajaan Singapura akan juga membuat pertimbangan bagi menjayakan cita-cita ASEAN ini dalam semangat perpaduan ASEAN solidarity. Dan bersabit dengan ASEAN news pool saya suka menyatakan iaitu saya akan kemukakan pandangan ini kepada Standing Committee yang akan

datang supaya menimbangkan dan buat sementara ini, saya tak dapatlah memberikan penjelasan yang lanjut apakah keputusannya tetapi seperti mana saya katakan tadi, saya akan rujukkan perkara ini kepada Standing Committee ASEAN.

Tuan Pengerusi, hari ini Ahli Yang Berhormat dari Menglembu telah membangkitkan bahawa Malaysia mengadakan double standard di dalam menimbangkan soal perjuangan ataupun menyokong liberation government—pergerakan pembebasan satu-satu negara. Saya suka menyatakan di sini soal timur-timor yang mana kita tahu timur-timor ini adalah satu perkara yang telahpun self-determination dan telahpun diadakan oleh pihak yang b.r-kenaan. Jika soal pergaduhan ini berlaku di antara satu puak dengan satu puak maka jika mengikut Charter United Nations, jika self-determination itu telah dilakukan, maka Kerajaan kita akan memberikan sokongan yang penuh kepada satu-satu tindakan yang diambil untuk mencari jalan di manakah rakyat mereka itu suka adakah sebelah satu pihak ataupun satu pihak yang lain. Dan pada fikiran kita, pihak yang berkuasa dalam hal timur-timor ini telahpun menentukan sikap self-determination itu maka kita bukanlah mengambil tindakan menyokong satu-satu pihak yang tertentu dengan katanya double standard. Itu tidaklah betul.

Jadi jika kita mengetahui dengan jelasnya keadaan yang berlaku di sana, barulah kita mengetahui apakah tindakan kita itu dan kita telahpun memberikan apa sahaja sokongan adalah berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang tertentu mengikut prinsip-prinsip yang telahpun diakui oleh Bangsa-bangsa Bersatu seperti self-determination yang telahpun dilaksanakan oleh pihak berkuasa di tempat itu.

Bersabit dengan civil dan political rights, katanya Malaysia ini tidak menandatangani. Saya telah pun memberikan penjelasan pada tahun yang lepas, kalau tak silap saya, iaitu apa yang civil and political rights di dalamnya yang patut kita menandatangani yang didesak oleh Ahli Yang Berhormat dari Menglembu tidak memberi faedah kepada kita, walhal kita telahpun menjamin dari segi civil and political rights di dalam Perlembagaan kita. Jika kita melihat satu persatu, antara satu perkara dengan

perkara, antara satu artikel dengan artikel, maka terlihatlah kita akan hak asasi tiap-tiap manusia yang ada di dalam negara kita sama ada warganegara ataupun orang yang tinggal di sini tetapi bukan warganegara. Maka mereka itu terjamin di dalam Perlembagaan kita ada mengatakan kebebasan mereka, kebebasan movement mereka, kebebasan bertutur kata, gathering dan sebagainya, tetapi dengan tertakluk kepada limitation yang tertentu. Kebebasan ini seperti mana yang Tuan Pengerusi sedia maklum, kita tak boleh mencaci seseorang dengan mengatakan tuduhan tanpa sebab-sebab yang tertentu. Kalau saya katakan Ahli Yang Berhormat dari Meng Lembu adalah seorang penjudi, prompak, tentulah ini akan menjadi desakan, kalau tidak betul. Saya akan didakwa di mahkamah. Jadi tiap-tiap satu perkataan itu mestilah ditimbang. Dengan itu hak asasi manusia yang ada di dalam negara ini adalah dijamin atau enshrined di dalam Perlembagaan kita, maka buat masa sekarang ini tidaklah perlu kita menandatangani Civil and Political Rights Convention yang mana didakwa oleh Ahli Yang Berhormat dari Menglembu. Sekiranya beliau tak puas hati apa yang saya jawab oleh sebab beliau itu tidak ada di sini, saya haraplah rakan-rakannya boleh ceritakan kepada beliau, bacalah jawapan saya pada tahun yang lepas. Kalau tidak puas hati lagi, tanya sekali lagi, baca sekali lagi. Tidak puas hati lagi, baca kali yang ketiga. Saya ingat akhir-akhirnya puas hatilah dia.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Panti telah pun menyuarakan rasa tidak puas hati mengenai hubungan kita, tindakan-tindakan kita supaya kita mempererat lagi. Apa yang ada perhubungan diplomatik kita dengan negara-negara Asia Barat ini sangatlah bagus, tetapi dari satu masa ke satu masa kita memperhebatkan lagi, mengeratkan lagi. Pertukaran-pertukaran lawatan di antara pemimpin-pemimpin, pemimpin-pemimpin kita membuat lawatan ke negara-negara itu begitu juga pemimpin-pemimpin mereka dan baru-baru ini Menteri Pelajaran Tinggi Saudi telahpun membuat lawatan ke negara kita dan melihat keadaan yang berlaku di sini dan berpuas hati di atas keadaan ini dari segi pelajaran, dari segi pembangunan, dari segi ugama dan sebagainya.

Dan saya adalah bersama-sama dengan Ahli Yang Berhormat dari Panti ini jikalau ada pandangan-pandangan yang lain, sentiasalah saya menerima dengan ikhlas di atas pandangan-pandangan supaya dapat kita mempererat lagi perhubungan di antara negara-negara di Asia Barat.

Beliau juga menyatakan kenapa pada masa sekarang ini istilah Asia-Afrika ini tidak dilaung-laung lagi walhal pada tahun dahulu, 10-15 tahun dahulu sering kita dengar Asia-Afrika. Saya suka menyatakan di sini bahawa dari segi kerjasama di antara kita dengan Asia dan Afrika sangatlah banyak. Melalui pertubuhan Non-aligned Movement maka di sinilah pergaulan kita, perhubungan kita, kerjasama kita, persefahaman kita yang terdapat di antara Afrika dengan Asia melalui non-aligned movement. Inilah satu saluran yang tinggi yang sangat baik maka dengan sebab itulah Asia dengan Afrika ini jatuh keutamaan yang tidak begitu tinggi jikalau dibandingkan dengan movement non-alignment.

Walau bagaimanapun, saya suka menyatakan bahawa Asia dan Afrika sentiasalah mengadakan perhubungan dalam bidang ekonomi dan baharu-baharu ini kita adakan perhubung cara understanding di mana kita patut mengadakan the New Economic Order supaya Common Fund (Tabung Bersama) kita akan dapat dibentuk dengan seberapa segera yang boleh, dan saya suka menyatakan, sungguh pun sedikit sebanyak Common Fund Conference yang diadakan di Geneva ini telah tidak mencapai 100% tetapi walau bagaimanapun ada juga kejayaannya. Dengan adanya kesabaran dan sebagainya, Common Fund ini akan dapat muncul sebelum diadakan persidangan yang kelima yang akan diadakan di Manila pada pertengahan tahun hadapan. Saya berharap dengan kerjasama daripada Group 'B' iaitu negara-negara maju dan negara-negara Group 77, saya rasa kita akan dapat menjayakan penubuhan satu Tabung yang dinamakan Tabung Bersama (Common Fund) untuk kebaikan kita khususnya negara kita ini mengeluarkan bahan-bahan utama barangan utama seperti getah, kayu kayan dan juga timah. Ini sangatlah penting kepada kita dan kita berharap dengan kerjasama daripada Group 'B' dan juga negara-negara Group 77, kita akan dapat menjayakan penubuhan Tabung Bersama ini.

Duta kita di Hanoi telah pun memberikan penjelasan yang lanjut dari segi ini dan begitu juga dari segi hal orang-orang pendatangan haram ini, saya suka menyatakan bahawa Yang Amat Berhormat sendiri telah pun mengambil peranan yang penting mengemukakan soal-soal ini kepada Perdana Menteri Vietnam, Pham Van Dong tatkala beliau melawat di sini dan mengemukakan masalah-masalah yang ditimpa kepada Malaysia yang datangnya pendatangan haram ini maka di sini kita telah pun membangkitkan perkara ini cara manakah, jikalau setakat mana yang boleh menahan mereka ini datang kepada membanjiri negara kita. Tetapi walau bagaimanapun, saya suka menyatakan bahawa Malaysia dan Kementerian saya akan sentiasa membawa hal ini untuk kebaikan kita supaya masalah orang-orang pendatangan haram ini dapat diatasi.

Ahli Yang Berhormat telah juga menyebutkan tentang bekalan bacaan, Kementerian saya ada mengeluarkan satu bacaan untuk kebaikan dan pengetahuan penuntut-penuntut khususnya dan orang-orang lain dengan menerbitkan satu Majallah dengan kerjasama dan usaha kita supaya *The New Straits Times* mengeluarkan satu bacaan di Malaysia. Dan kita setengah-setengahnya memberikan dengan percuma sahaja kepada kumpulan penuntut-penuntut kita di luar negeri.

Bersabot dengan krisis penuntut-penuntut di Khaherah, Wisma Putra menyedari hal ini dan setakat mana yang saya tahu sekarang ini, perkara itu telahpun diselesaikan, kerana perkara ini berlaku lebih kurang setahun dahulu dan kita bertindak dengan kerjasama daripada pihak-pihak yang berkenaan di sana. Perkara ini telahpun selesai dan jikalau perkara ini tidak selesai, saya harap jikalau untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat sendiri, saya sukalah dapat pandangan daripada Yang Berhormat, jikalau Ahli Yang Berhormat sendiri boleh mengatasi, saya rasa kita boleh membincangkan perkara ini cara manakah perkara ini dapat diselesaikan. Yang saya ketahui, krisis penuntut itu adalah perbalahan di antara satu golongan dengan satu golongan di antara kita dan ini telah merunsingkan kita dan setakat mana yang saya tahu, perkara ini telahpun dimainkan peranan oleh pegawai-pegawai di Kedutaan kita dan telah diselesaikan.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan-pandangannya. Itulah sahaja jawapan saya yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$58,728,000 untuk Maksud B.30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$3,550,000 untuk Maksud P.30 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1979.

Tuan Pengerusi: Sekarang Majlis menimbangkan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat iaitu untuk Maksud Mengurus B.51 dan Maksud Pembangunan P.51 dan sebelum saya menjemput Yang Berhormat Menteri mengemukakan, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Majlis telah ketinggalan masa—sudah terlalu lambat, barangkali kerana ramai Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap. Dan mungkin kita terpaksa menyambung sidang ini pada sebelah malam. Kalau tidak, tidak boleh selesai sehingga pada 6 haribulan. Oleh itu, saya jemput sekarang Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat mengemukakan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementeriannya.

Maksud B.51 (Jadual)

Maksud P.51 (Anggaran Pembangunan, 1979)—

4.49 ptg.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hun): Tuan Pengerusi, saya memohon izin membentangkan Anggaran Belanjawan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat bagi tahun 1979 berjumlah \$31,602,030 seperti berikut:

Maksud Bekalan 51, Belanja Mengurus, sebanyak \$25,939,000 dan Maksud Pembangunan 51, Perbelanjaan Pembangunan, sebanyak \$5,663,030.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Peruntukan bagi tahun 1979 adalah bertambah sebanyak \$3,563,399 iaitu 12.7 peratus.

Keterangan lanjut mengenai anggaran-anggaran mengurus dan Pembangunan tersebut adalah sebagaimana tertera di dalam Kertas Perintah No. 33 Tahun 1978.

Peruntukan-peruntukan yang diperlukan itu adalah bagi mencapai matlamat utama Kementerian saya iaitu:

Merumus, merancang dan melaksanakan dasar tenaga buruh untuk menentukan penggunaan tenaga pekerja-pekerja supaya mencerminkan komposisi berbilang kaum di semua peringkat jawatan serta memastikan terpelihara keselamatan, kesihatan, kesejahteraan dan hubungan baik di antara majikan dan pekerja di samping mengadakan kawalan kerja untuk bukan warga-negara.

Untuk mencapai matlamat-matlamat tersebut Kementerian saya menjalankan aktiviti-aktiviti utama dalam bidang kemajuan daya tenaga rakyat, buruh dan perhubungan perusahaan, keselamatan pekerja dan keselamatan sosial pekerja.

Dalam usaha-usaha memastikan penggunaan tenaga pekerja-pekerja supaya mencerminkan komposisi berbilang kaum, Kementerian saya menumpukan sepenuh perhatian terhadap aktiviti kemajuan daya tenaga rakyat. Jabatan Tenaga Rakyat ditugaskan untuk mengumpul, menganalisa dan menyebarkan data-data mengenai perkembangan pasar buruh dari masa ke masa. Dari data-data tersebut Jabatan ini akan mengadakan sekim-sekim latihan bagi memenuhi keperluan negara di dalam bidang-bidang kemahiran. Tenaga-tenaga kerja samada mahir, separuh mahir atau tanpa kemahiran akan disalurkan kepada pekerjaan-pekerjaan yang sesuai.

Dalam usaha meninggikan kemahiran kepada pekerja-pekerja dan mengadakan latihan untuk mereka yang tidak mempunyai kemahiran, Jabatan Tenaga Rakyat sentiasa mengadakan latihan samada di institusi-institusi atau di loji-loji. Pada masa ini Kementerian saya mempunyai dua buah Instituti Latihan Perindustrian di Kuala Lumpur dan Prai yang mempunyai kemampuan melatih sehingga seramai 850 pelatih dalam satu masa. Instituti-institusi ini sekarang menghadapi masalah kekurangan kemudahan-kemudahan dan tenaga pengajar. Walau bagaimanapun, kelulusan telah diperolehi di bawah Rancangan Malaysia Ketiga

bagi membesarkan kedua-dua instituti tersebut dan menambah kemudahan-kemudahan latihan yang sedia ada. Di samping itu, tiga buah lagi Instituti Latihan Perindustrian akan dibina di bawah rancangan yang sama, iaitu di Kuala Trengganu, Johor Bahru dan Labuan yang dibiayai di bawah rancangan pinjaman Bank Dunia. Dengan pembesaran dan tambahan tiga Instituti Latihan Perindustrian baru itu, Kementerian saya akan mempunyai keupayaan melatih seramai 2,931 pelatih pada satu masa, dan ini merupakan pertambahan sebanyak 250%. Untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar, Kementerian saya telah mengadakan sekim latihan pengajar selama dua tahun yang telah bermula dalam tahun 1977 dan kumpulan pertama Pengajar-pengajar seramai 69 orang akan boleh berkhidmat dalam tahun 1979. Di samping melatih pengajar bagi Instituti-institusi Latihan Perindustrian Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, Kementerian saya juga memberi kerjasama kepada Agensi Latihan Kerajaan yang lain di dalam Sekim Latihan Pengajar ini.

Dalam usaha menyalurkan tenaga-tenaga kerja kepada pekerjaan, Kementerian saya akan menambah tiga buah lagi Pejabat-pejabat Pekerjaan sepenuh masa iaitu di Kulim, Pekan dan Kuala Krai. Jumlah keseluruhannya menjadi 34 buah pejabat di Semenanjung Malaysia, 8 di Sabah dan 7 di Sarawak.

Tuan Pengerusi, dalam lapangan buruh dan perhubungan perusahaan, Jabatan Buruh adalah bertanggungjawab menguatkuasakan Undang-undang Buruh, Jabatan Perhubungan Perusahaan pula bertanggungjawab mengujudkan perhubungan perusahaan yang sehat, Pejabat Pendaftaran Kesatuan Sekerja adalah bertanggungjawab mengawasi pergerakan Kesatuan-kesatuan Sekerja supaya tidak menyeleweng dan dipengaruhi oleh anasir-anasir yang tidak diingini. Mahkamah Perusahaan pula bertanggungjawab mengadili pertikaian-pertikaian perusahaan yang dirujuk kepada setelah rundingan-rundingan dan usaha pendamaian gagal.

Penguatkuasaan Undang-undang Buruh adalah meliputi pekerja-pekerja di sektor swasta dan juga setakat yang tertentu kepada pekerja-pekerja di Badan-badan Berkanun. Kebelakangan ini penguatkuasaan Undang-undang tersebut telah menjadi lebih berkesan

kerana undang-undang telah mewajibkan pihak-pihak majikan mendaftar dengan Jabatan Buruh. Dengan ini tempat-tempat pekerjaan dapat dikesan dan pemeriksaan boleh di jalankan.

Dalam tempoh 20 bulan dari Januari 1977 hingga Ogos 1978 Jabatan Buruh di Semenanjung Malaysia telah membuat perintah pembayaran di bawah berbagai-bagai Undang-undang Buruh berjumlah \$12,273,133 yang merupakan tuntutan-tuntutan gaji dan tuntutan pampasan pekerjaan daripada 34,471 orang pekerja. Dalam tempoh yang sama Jabatan Buruh telah meluluskan 6,169 pelan rumah pekerja dan dari jumlah itu 5,519 buah telah siap dan diluluskan untuk kediaman. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian saya dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan pihak Kerajaan-kerajaan Negeri telah berusaha melaksanakan rancangan pemilikan perumahan pekerja bagi-pekerja-pekerja lombong dan ladang. Beberapa projek telah sampai ke peringkat perancangan terakhir dan pembinaan. Satu daripadanya ialah projek 150 unit rumah di Kedah yang telahpun siap.

Untuk memastikan pihak pekerja-pekerja mendapat faedah maksima dalam pelaksanaan Undang-undang Buruh, saya memberi jaminan bahawa usaha-usaha tersebut tidak akan mengganggu perkembangan penanaman modal di negeri ini. Demi menjaga hubungan baik di antara Kerajaan, majikan dan pekerja-pekerja, Kementerian saya sentiasa mengadakan perbincangan dan perunding tiga pihak.

Jabatan Hal Ehwal Perhubungan Perusahaan akan terus memainkan peranan pentingnya dalam memelihara ketenteraman perusahaan. Dengan adanya keharmonian perindustrian dan bertambah kurangnya pertelingkahan di antara majikan dan pekerja akan dapat menambah daya pengeluaran.

Dalam hubungan ini, peranan Pejabat Pendaftaran Kesatuan Sekerja pula ialah menentukan perjalanan Kesatuan-kesatuan Sekerja bergerak dengan sihat, bertanggungjawab dan demokratik sejajar dengan kehendak Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959. Kesatuan-kesatuan Sekerja di Negara ini diujudkan bukan sahaja sekadar memperjuangkan faedah-faedah dan kebajikan ahli-ahli semata-mata, bahkan bertanggungjawab

dalam memastikan keharmonian perindustrian di negara ini yang boleh menghasilkan pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran negara keseluruhannya.

Tuan Pengerusi, Mahkamah Perusahaan adalah ditugaskan bagi mengadili pertikaian-pertikaian perusahaan yang tidak dapat diputuskan. Dalam tempoh 20 bulan dari Januari 1977 hingga Ogos 1978 sebanyak 370 kes telah dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan yang telah dapat menyelesaikan sebanyak 357 kes. Di samping mengadili kes-kes pertikaian perusahaan yang dirujuk kepadanya, Mahkamah Perusahaan juga bertanggungjawab mengkaji perjanjian-perjanjian bersama di antara pihak-pihak majikan dan kesatuan-kesatuan sekerja seterusnya memberi pengiktirafan kepada perjanjian-perjanjian tersebut jika ianya berada di dalam keadaan teratur dan tidak bercanggah dengan mana-mana Undang-undang Buruh. Dalam tempoh 20 bulan itu Mahkamah telah berjaya mengiktiraf sebanyak 462 perjanjian daripada sejumlah 465 yang dirujuk kepadanya.

Dari segi keselamatan pekerja, Jabatan Kilang dan Jentera akan terus berusaha memastikan supaya pekerja-pekerja tidak terdedah kepada bahaya-bahaya dan "stresses" di sekeliling tempat pekerjaan yang boleh mengakibatkan kemalangan dan penyakit perusahaan. Selain daripada menumpukan perhatiannya kepada pemeriksaan dan penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan ini sentiasa mengadakan seminar dan ceramah bagi melahirkan kesedaran kepada kedua-dua pihak majikan dan pekerja bahawa keselamatan pekerjaan adalah tanggungjawab mereka bersama. Hasil dari seminar dan ceramah itu beberapa buah kilang telah menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan mereka. Diucapkan tahniah kepada firma-firma dan kilang-kilang yang telah menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan diharapkan firma-firma dan kilang-kilang yang belum mempunyai Jawatankuasa Keselamatan supaya menubuhkan Jawatankuasa itu.

Menyedari akan bahaya penyakit perusahaan akibat dari habuk, asap, bahan-bahan kimia dan lain-lain yang hanya akan dapat dikesan selepas 10 hingga 15 tahun, Kementerian saya telahpun mengambil langkah bagi memperkemaskan bahagian Industrial Hygiene untuk mengatasi masalah

ini dan beberapa pegawai telah dihantar untuk mendapat kursus/latihan di seberang laut dan akan mendapatkan alat-alat yang diperlukan.

Beralih kepada aktiviti keselamatan sosial pekerja iaitu Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mengendalikan dua sekim perlindungan kepada pekerja-pekerja iaitu Sekim Pencen Iait (Invalidity Scheme) dan Sekim Bencana Kerja (Employment Injury Insurance Scheme) di 33 kawasan termasuk Sabah dan Sarawak. Kedua-dua sekim tersebut telah dilancarkan sejak tahun 1970 dan pada masa ini telahpun meliputi sejumlah 1,025,776 orang pekerja yang meliputi sebanyak 26,986 orang pengusaha. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa sekim tersebut hanya meliputi pengusaha-pengusaha yang mempunyai lima orang atau lebih pekerja sahaja dan termasuk di dalam zon PERKESO. Bagi memastikan bahawa segenap pekerja diliputi oleh sekim ini, PERKESO telah melancarkan rancangan memperluaskan zonnya secara berperingkat-peringkat yang akan meliputi seluruh Malaysia di suatu masa kelak.

Tuan Pengerusi, buat masa ini PERKESO telah berjaya memperluaskan kawasannya di lima buah zon iaitu di Pulau Pinang, Butterworth, Kangar, Ipoh dan Johor Bahru. Di kelima-lima kawasan tersebut PERKESO telah memperluaskan zonnya meliputi kawasan-kawasan luarbandar yang mana termasuk seluruh Pulau Pinang, Seberang Prai, seluruh Negeri Perlis, seluruh Daerah Kinta dan keseluruhan Daerah Johor Bahru dan Pontian. Dengan terluasnya zon PERKESO ini ianya telah dapat meliputi pekerja-pekerja di ladang-ladang getah, lombong-lombong bijih dan lain-lain perusahaan kawasan di luar zon PERKESO. Seterusnya peringkat kedua perluasan PERKESO ini akan dimulakan mulai 1-1-1979 bagi zon-zon PERKESO Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Shah Alam dan Kelang yang mana ianya akan meliputi seluruh Lembah Kelang. Perluasan ini dijangka akan dapat merangkumi keseluruhan negeri Selangor menjelang tahun 1980. Perluasan bagi negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia dan sebahagian dari Sabah dan Sarawak sedang dikaji.

PERKESO sedang mengkaji sekim-sekim yang lain seperti sekim sakit, sekim bersalin, sekim pencen lanjut usia dan sekim warisan. Di samping kajian terhadap sekim-sekim

tersebut kajian juga dibuat terhadap kemungkinan petani-petani dan nelayan-nelayan dimasukkan ke bawah sekim-sekim PERKESO ini.

Tuan Pengerusi, dengan alasan-alasan yang diberikan di atas, saya mohon peruntukan Belanja Mengurus di bawah Maksud B. 51 dan Peruntukan Belanja Pembangunan di bawah Maksud P. 51 berjumlah \$31,602,030 diluluskan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian ini, terbuka untuk dibahaskan, saya mencadangkan supaya Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Pengangkutan untuk mengemukakan satu usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Pengangkutan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan-peraturan Mesyuarat 12 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.00 malam.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan-peraturan Mesyuarat 12 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.00 malam.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi Perbahasan bagi Anggaran Perbelanjaan Kementerian ini terbuka untuk dibahaskan. Ahli Yang Berhormat dari Damansara.

5.06 ptg.

Tuan V. David (Damansara): Tuan Pengerusi, saya berucap mengenai Aktiviti (1)—Penlabiran Am, Aktiviti (2) (b) dan (6) di muka surat 397.

Tuan Pengerusi, adalah menjadi consensus pergerakan Kesatuan Sekerja bahawa kebebasan individual hak-hak manusia dan semua untuk kebebasan yang kita terima oleh dunia sejagat telah bergegar, runtuh dan jatuh tersungkur dipermukaan bumi melalui satu keputusan yang tegesa-gesa pada 9hb Oktober, 1969, Kerajaan telah meniadakan hak seseorang untuk memegang jawatan dalam sesebuah parti politik kiranya beliau memegang jawatan dalam sebuah Kesatuan Sekerja. Sedangkan penjajah yang kejam disebabkan kebimbangan persengketaan antara bangsa telah tidak meniadakan hak asasi ini yang dinikmati di seluruh dunia sejagat. Sayangnya, Kerajaan Malaysia telah dengan sengaja dan bersistematik menyekat kebebasan individu. Kerajaan telah melakukan satu tindakan menyerang ke dalam hak-hak asasi anggota Kesatuan Sekerja.

DAP mengancam keras penidakan ke atas hak anggota Kesatuan Sekerja memegang jawatan di dalam pertubuhan-pertubuhan politik. Ini adalah menentang hakikat semangat dan konsep hak-hak manusia dan kebebasan individu. DAP akan terus berjuang dengan tabah untuk mengembalikan semula hak-hak yang dinikmati sebelum 9hb Oktober 1969.

Tuan Pengerusi, kami hendak membentangkan sesuatu yang berkesan dan kami mengalu-alukan sebarang langkah ke hadapan. DAP ingin kemajuan yang aman damai menuju ke arah kebebasan dan menamatkan penindasan. Kami tidak inginkan undang-undang Kesatuan Sekerja tetapi sebaliknya mahukan kebebasan Kesatuan Sekerja. Masa depan Kesatuan-kesatuan hendaklah diputuskan oleh kaum pekerja dan bukan oleh penggubal undang-undang.

Tuan Pengerusi, di Persidangan Perwakilan Tahunan 1953 yang semasa itu dikenali sebagai MTUC satu resolusi telah diterima bagi mendapatkan pindaan-pindaan yang pada masa itu dikenali sebagai Enakmen Kesatuan Sekerja 1940 yang membenarkan Kesatuan-kesatuan mengutip dan menyimpan tabung-tabung kewangan politik. Resolusi ini telah dilaksanakan dan Enakmen Kesatuan Sekerja 1940 dan ordinan Kesatuan Sekerja 1959 menyediakan perbekalan-perbekalan bagi Kesatuan-kesatuan Sekerja untuk mengutip wang tabung-tabung politik.

Tuan Pengerusi, pada 9hb Oktober, 1969 melalui pemberitahu yang diwartakan di bawah Peraturan-peraturan Darurat di masa itu maka perbekalan ini dibatalkan. Sehingga ke hari ini hak untuk mengutip tabung kewangan politik masih belum dikembalikan semula. Malahan hak yang terhad dan disekat yang dinikmati semasa pemerintahan koloni dahulu kini disangkal oleh Kerajaan yang dikatakan sebagai sebuah Kerajaan yang merdeka. Jika Kerajaan ini tidak bersedia untuk menawarkan refomasi setidaknya janganlah pula merampas apa yang telah diberikan oleh koloni Inggeris.

Tuan Pengerusi, DAP menyeru perlantikan sebuah Suruhanjaya untuk mengkaji seluruh Undang-undang Buruh yang ketinggalan zaman dan kuno dengan harapan merekomendasikan reformasi yang bersesuaian dengan pembangunan dan kemajuan nasional. Di beberapa bahagian yang tertentu dari Ordinan Kerja 1955 mengandungi perbekalan-perbekalan dan Labour Code 1912. Ordinan Kesatuan Sekerja 1959 dan Akta Perhubungan Perusahaan 1969 adalah yang paling berlawanan dan tidak progresif untuk diselaraskan di dalam konteks sebuah negara yang merdeka lagi bebas.

Tuan Pengerusi, Ordinan Kesatuan Sekerja 1959 adalah bercorak terlalu menyekat dan berlawanan dengan semangat Konvensyen 87 PBA, di atas Kebebasan Berpersatuan. Suruhanjaya Diraja mestilah diketuai oleh seorang hakim Mahkamah Tinggi dalam bidang tugas untuk meneliti semua seksyen Undang-undang Buruh dan merekomendasikan reformasi yang bercorak membayangkan kemajuan dan pembangunan negara. Suruhanjaya yang sedemikian hendaklah diberikan suatu tempoh masa demi untuk mengelakkan sebarang kelewatan bagi membuat keputusannya.

Tuan Pengerusi, saya ada nampak satu cara dalam buku Anggaran ini iaitu berhubung dengan Keselamatan Pekerjaan.

Tuan Pengerusi, dalam 5 tahun ini ada juga ramai pekerja kontrek bangunan yang mati akibat jatuh dari bangunan. Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat tidak ada satu Inspectorate yang menjaga keselamatan dalam tempat kerja. Saya merayu kepada Menteri Buruh supaya memeriksa tiap-tiap tempat kerja yang mustahak seperti tempat-tempat ramai orang-orang bekerja ditempat pembinaan bangunan. Ini satu perkara yang sangat mustahak fasal di negara kita ada juga rancangan-rancangan membina bangunan-bangunan tiap-tiap tempat, kalau Kementerian Buruh tidak jaga tentulah lebih ramai lagi orang yang mati pada masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi Saya jemput Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

5.16 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, di dalam menyokong peruntukan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat saya akan menarik perhatian kepada B. 51, Aktiviti (2) (a) iaitu Buruh di Semenanjung.

Bagi tahun 1979 ini didapati \$5,884,000 diperuntukan kepada bahagian Aktiviti (2) ini dan pertambahan sebanyak \$266,000. Ini adalah sewajarnya dan tambahan ini adalah sepatutnya bagi Aktiviti Buruh di dalam bahagian Aktiviti (2) ini.

Saya suka menyentuh dalam bahagian perindaan buruh. Misalnya ramai di antara buruh-buruh kita pergi ke Singapura kerana mencari pekerja disebabkan gaji di sana atau mendapat upah yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan buruh di dalam negara kita. Jadi buruh di sana dibayar dengan bayaran lebih \$10 sehari menyebabkan buruh-buruh kita dan juga orang kita ramai pergi ke Singapura.

Di Malaysia kita dapati sekarang hanya \$2 atau \$3 sehari yang dibayar oleh pihak kilang-kilang ataupun pihak-pihak perusahaan. Ini adalah tidak sesuai dan harus diambil perhatian bersungguh-sungguh oleh pihak Kementerian Buruh ini dalam mengawal pemberian upah kepada buruh-buruh

di dalam kilang-kilang atau perusahaan. Misalnya kilang kasut di Pengkalan Chepa, Kelantan diberi upah hanya \$2.50 sen sehari. Jadi upah yang sebegini rendah merupakan satu penindasan moden terhadap rakyat kita, di samping memberi pekerjaan tetapi ruparupanya penindasan di dalam pemberian pekerjaan itu. Banyak di antara kadangkang tidak disedari oleh pihak Kementerian Buruh di dalam pembayaran upah ini, misalnya ada setengah sawmill ataupun kilang-kilang memberi butir-butir upah ini berlainan dari apa yang sebenarnya berlaku. Misalnya mereka mengadakan dua check-roll pembayaran gaji. Apabila pihak Kementerian Buruh ini datang maka ditunjukkan satu check-roll yang bayarannya lebih mahal, tetapi bayaran sebenarnya adalah lebih rendah daripada apa yang dibuat di atas check-roll itu. Ini tidak disuarakan oleh pihak buruh yang bekerja di situ kerana takut akan dibuang kerja. Kalau sekiranya buat gaduh, mereka berkata, "Kalau mahu kerja jangan buat kacau". Jadi dengan sebab itu pihak buruh ini tidak berani menegur tentang pembayaran gaji yang rendah oleh pihak majikan. Dan satu lagi merupai penindasan dan pemerasan ialah di antara kilang-kilang di zaman moden ini yang menggunakan buruh-buruh di bawah umur dan ada di antara pekerja-pekerja di bawah umur ini mendapat kecederaan tetapi telah dilindungi oleh pihak pekerja ini kerana akan mengakibatkan pemansuhan lesen dan sebagainya bagi pihak kilang itu. Di samping itu juga menggunakan buruh perempuan yang begitu ramai, ini adalah tidak lain adalah kerana hendak memberi upah yang murah. Ini satu dari penindasan yang patut diselidiki oleh pihak Kementerian Buruh dan juga memberi perhatian yang sewajarnya kerana banyak terdapat gadis-gadis kampung sekarang ini mengejar wang dan datang ke bandar untuk mendapatkan pekerjaan di kilang-kilang dengan gaji yang paling murah dan tentulah tidak dapat memenuhi sara hidup yang ada di bandar dan ini akan menimbulkan masalah sosial yang paling besar sebagaimana yang berlaku kepada gadis-gadis kampung yang datang ke bandar untuk mencari pekerjaan. Oleh itu saya mencadangkan pihak Kementerian ini dan juga Kerajaan mengkaji semula untuk mengadakan satu skim gaji minima kepada pekerja-pekerja buruh yang bersesuaian dengan perubahan masa dan juga cara hidup di masa ini.

Misalnya, kalau kita kaji gaji buruh oleh pihak Kerajaan dengan gaji \$195 sebulan dengan kadar harga \$6.50 sehari bagi gaji buruh-buruh Kerajaan. Di samping itu mendapat kemudahan pencen dan beberapa kemudahan daripada Kerajaan. Buruh-buruh ini sepatutnya dia mendapat lebih tinggi daripada apa yang diberi oleh Kerajaan. Golongan mereka ini selalunya tidak mendapat apa-apa kemudahan dan kadangkadang tenaganya diperas atau disuruh bekerja dengan tanpa mengira masa. Perkara ini haruslah pihak Kementerian mengambil perhatian yang boleh memberi keuntungan kepada pihak buruh; supaya buruh-buruh kita tidak mendapat gaji hanya \$2-\$3 sehari seorangan di saat sekarang ini.

Kalau zaman sebelum perang dahulu \$2-\$3 itu terlampau tinggi, tetapi sekarang adalah paling rendah dan juga mengadakan enforcement unit apabila Kerajaan mengadakan gaji minima itu. Adakah benda itu berjalan dengan betul dan mengikut apa yang ditetapkan oleh Kementerian Buruh itu? Kerana dalam menetapkan gaji minima ini, Kerajaan tidak perlu takut kalau-kalau perpindahan daripada sektor pertanian ataupun daripada nelayan kepada pihak perusahaan bagi mendapat kerja-kerja, kerana Kerajaan kita telah sedia rancangannya dalam bahagian pertanian dan juga nelayan ini bagi mempertingkatkan taraf hidup mereka. Jadi dalam tumpuan dengan mengadakan gaji minima ini bukan sahaja memberi pertolongan kepada buruh ini; walaupun ada perpindahan daripada sektor pertanian, sekurang-kurangnya tanah yang sedikit untuk pertanian itu dapat juga diusahakan oleh pihak yang masih mahu bekerja dalam sektor pertanian. Selain dari itu, pihak Kerajaan tidak perlu takut pihak majikan yang tidak akan memberi gaji yang lebih daripada gaji minima; kerana di dalam sekim ini Kerajaan harus mengkaji sekim gaji minima ini daripada masa ke semasa supaya memberi kenaikan gaji yang sesuai dengan keadaan masa yang ditentukan.

Saya juga suka menyentuh Butiran 1100, Aktiviti (5) iaitu Pentadbiran Keselamatan Sosial. Bagi pekerja Kerajaan dan swasta, saya rasa mungkin mereka telah mendapat perlindungan keselamatan sosial ini yang sepatutnya tetapi ada setengah-setengah kilang atau perusahaan yang tidak memberi perlindungan keselamatan yang sepatutnya; tambahan pula, sebagaimana disebutkan tadi oleh pihak Kementerian bahawa PERKESO

ini tidakpun sampai ke Pantai Timur, iaitu negeri Kelantan atau Trengganu, kerana insuran bencana pekerjaan ini tidak hanya untuk orang-orang yang bekerja di kilang sahaja.

Sebagaimana cadangan pihak Kementerian untuk mengadakan sekim perlindungan insuran ini kepada nelayan atau dalam sektor pertanian, ini saya menyokong cadangan ini kerana didapati ramai nelayan-nelayan yang dapat kemalangan di laut dan meninggal dunia didapati tidak mendapat pampasan apa-apa. Misalnya seorang ayah yang telah mendapat kemalangan atau mati, hanya mendapat \$200 daripada taukeh untuk mengkebumikan, ini adalah satu pemberian yang tidak sepatutnya dan oleh itu saya berharap pihak yang mengkaji ini bukan setakat mengkaji sahaja, tetapi melaksanakan sekim insuran keselamatan ini kepada semua pekerja tidak kira dari golongan apa terutama kepada nelayan dan petani yang perlu mendapat perlindungan daripada keselamatan ini.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya dapati oleh kerana kita sudah kesuntukan masa, sudah terlewat daripada menjalankan tugas di dalam perbahasan, untuk menyelamatkan kerja kita petang ini, maka saya cadangkan supaya kita melanjutkan perbahasan ini sampai pukul 6.00 petang. Oleh kerana masa ada cuma lebih kurang setengah jam lagi, saya mencadangkan supaya kita benarkan 3-4 orang Ahli Yang Berhormat untuk berucap di dalam perbahasan yang ada sekarang ini. Jadi dicadangkan supaya ditamatkan perbahasan pada pukul 6.00 petang dan selepas itu dijemput Yang Berhormat Menteri yang berkaitan untuk memberi jawapan.

Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Sepang.

5.27 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Pengerusi, di dalam ucapan Yang Berhormat Menteri semasa membentangkan Anggaran Belanja Kementeriannya ada menyatakan bahawa salah satu daripada tujuan Kementerian beliau ialah bagi mengunatagakan pekerja-pekerja yang mencerminkan komposisi berbilang kaum di negara ini di semua peringkat jawatan. Oleh itu saya bercadang hendak

menyentuh tujuan itu bersabit dengan B. 51, Butiran 1100 dengan pecahan-pecahan yang berikutnya.

Tuan Pengerusi, dari segi tujuan untuk mencerminkan komposisi pekerja-pekerja berbilang kaum di negara kita ini di semua peringkat, saya amat dukacita bahawa masih banyak lagi yang patut dibuat supaya benar-benar mendatangkan kesan di bawah tujuan itu. Di sini izinkan saya menyatakan dari satu segi bahawa pekerja-pekerja bumiputra boleh dikatakan memuaskan tetapi malangnya bilangan pekerja bumiputra tidaklah memuaskan di semua peringkat, cuma memuaskan di peringkat yang bawah sahaja.

Kalau kita melihat di syarikat-syarikat berkenaan pekerja Melayu kebanyakannya buruh kasar yang tidak ada kemahiran ataupun kalau ada kemahiran dalam bidang pemandu (driver) kereta-kereta. Jadi keadaan semacam itu tidak memuaskan dan di sini saya suka hendak memecahkan lagi dari segi kegiatan perdagangan dan perusahaan kita kepada tiga bahagian, iaitu syarikat-syarikat multi-nasional iaitu dibiayai oleh orang-orang asing; kedua, syarikat-syarikat dalam negeri kita yang pula di bahagian dua lagi, dari segi syarikat-syarikat tempatan yang dimiliki oleh Kerajaan seperti badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat tempatan yang dimiliki oleh badan Kerajaan.

Dari segi syarikat-syarikat multi-nasional yang dipunyai oleh asing, mereka ini memang mengikuti, menjunjung tinggi Dasar Ekonomi Baru yang berutjun untuk sekurang-kurangnya 30% pekerja bumiputra ada di semua peringkat, mereka menerima itu sebagai dasar. Malangnya mereka yang bertanggungjawab dalam soal pekerjaan di syarikat mereka itu tidak melaksanakan dengan berkesan Dasar Ekonomi Baru. Pendek kata, dari segi corporate polisi mereka memang mengikuti, menghormati dan bersetuju dengan Dasar Ekonomi Baru. Ini boleh jelas kita lihat di dalam keputusan-keputusan kompeni ataupun Board of Directors mereka tetapi apabila kita melihat dari segi perlaksanaannya pegawai-pegawai kompeni itu yang bertanggungjawab untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru itu mereka inilah yang tidak melaksanakan dasar itu dan malangnya mereka yang dipertanggungjawabkan oleh multi-nasional ini sebagai untuk melaksanakan dasar itu adalah warganegara Malaysia, bukannya bukan warganegara Malaysia. Warganegara Malaysia

yang bekerja dalam syarikat multi-nasional itu yang tidak melaksanakan corporate polisi kompeni itu untuk memenuhi hasrat dan cita-cita Dasar Ekonomi Baru dari segi pekerjaan. Jadi tidaklah boleh kita salahkan kepada syarikat multi-nasional itu tetapi yang boleh kita tegur ialah kepada warganegara Malaysia yang bekerja dalam kompeni itu yang telahpun dipertanggungjawabkan oleh syarikat itu bagi melaksanakan dasar itu yang harus mengubahsuaikan dan berkhidmat dengan lebih berkesan lagi.

Di peringkat syarikat tempatan pula, Tuan Pengerusi, dari segi syarikat-syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan pada keseluruhannya bolehlah dikatakan usaha dan ikhtiar untuk membanyakkan pekerja-pekerja berbilang kaum memuaskan dan saya tidak mahu menekan sangat dari segi sektor itu tetapi yang saya hendak tekankan di sini ialah syarikat-syarikat tempatan yang dipunyai oleh pihak swasta, misalnya syarikat-syarikat emporium. Kalau kita pergi ke kedai-kedai emporium, di kedai-kedai commercial sector, hendak kita tengok berapa pekerja bumiputra pun susah. Marilah kita pergi sekarang ke Selangor Emporium ataupun di mana-mana tempat commercial amat kurang sekali pekerja-pekerja bumiputra, apakah mereka ini tidak layak dan boleh menjadi penjual? Saya tidak fikir mereka ini tidak ada kelayakan dan tidak ada bakat, tidak ada langsung sifat-sifat untuk menjadi penjual yang baik yang boleh melariskan penjualan untuk syarikat-syarikat itu. Jadi mengapakah berlaku keadaan ini di dalam commercial sectors begitu kurang sangat pekerja-pekerja bumiputra.

Di sini Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan itu satu daripada tujuannya, iaitu bagi mengguna-tenagakan pekerja-pekerja yang mencerminkan komposisi berbilang kaum negara ini di semua peringkat jawatan, malangnya tidak satu unit yang ditubuhkan oleh Kementerian ini untuk tujuan itu. Perkara ini diserahkan sahaja mungkin di bawah Aktiviti (1) Pentadbiran Am. Kalau ini merupakan satu daripada tujuan Kementerian yang mana Yang Berhormat Menteri telah menyatakan di dalam membentangkan Anggaran Perbelanjaannya mengapakah di dalam Aktiviti Kementerian ini tidak ada satu unit atau bahagian yang khusus diperuntukkan untuk tujuan itu.

Saya suka mencadangkan, Tuan Pengerusi, supaya Aktiviti (1) Pentadbiran Am dapat dipecahkan lagi supaya mewujudkan satu bahagian khusus untuk melaksanakan tujuan, yakni tujuan mengguna-tenagakan pekerja-pekerja yang mencerminkan komposisi berbilang kaum negara ini di semua peringkat jawatan.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, bersabit dengan perumahan pekerja yang juga disentuh oleh Yang Berhormat Menteri di dalam mengemukakan Anggaran Belanjawannya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah hendak cukup. Saya benarkan 1-2 minit lagi.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Izinkan saya bercakap 1-2 minit sahaja lagi, Tuan Pengerusi.

Di dalam soal perumahan pekerja ini perlaksanaannya amat tidak memuaskan. Ini boleh jadi disediakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri agaknya lewat-lewatkan ataupun kurang teratur jentera perlaksanaannya, tak tahulah, tetapi saya berani mengatakan di sini pelaksanaan perumahan pekerja-pekerja di ladang-ladang dan di lombong-lombong amat tidak memuaskan, perlahan sekali, semacam semut perjalanan pelaksanaan rancangan perumahan-perumahan di ladang-ladang dan di lombong-lombong. Di sini juga saya dapati tidak ada satu yunit di dalam Gaji dan Upahan ini untuk perkara ini. Perkara ini penting, soal perumahan pekerja-pekerja di ladang dan lombong penting.

Saya juga suka mencadangkan di sini supaya di dalam Gaji dan Upahan ini juga dipecahkan dan ditubuhkan satu yunit untuk perumahan pekerja-pekerja, termasuklah pekerja-pekerja di ladang-ladang dan di lombong-lombong. Sekiranya yunit ini tidak ada saya dapati bahawa rancangan perumahan pekerja-pekerja akan lambat berjalan. Kalau serah sahaja kepada Kerajaan Negeri mungkin perkara ini lambat berjalan. Saya faham dan saya sedar bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri ada menubuhkan pasukan-pasukan petugas dan sebagainya untuk melaksanakan perkara ini tetapi sekiranya Kementerian tidak ada satu yunit yang dikhususkan untuk pelaksanaan perumahan pekerja-pekerja ini saya fikir penyelarasan dan perlaksanaannya akan menjadi lemah.

Oleh itu saya mencadangkan dan merumuskan sekali lagi dua yunit mesti ditubuhkan di dalam Kementerian kita ini. Yang pertama ialah satu yunit penyertaan pekerja-pekerja bumiputra di semua jawatan di peringkat yang berkenaan untuk melaksanakan tujuan mengguna-tenagakan pekerja-pekerja yang mencerminkan komposisi berbilang kaum negara ini di semua peringkat jawatan. Kedua, yunit perumahan pekerja termasuklah pekerja ladang dan lombong untuk melaksanakan tujuan yang telah disentuh.

Tuan Pengerusi: Dijemput Yang Berhormat dari Kangar.

5.37 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, di samping saya menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, di sini saya sentuh perkara (2) berkenaan dengan buruh dan perhubungan perusahaan.

Saya berpendapat kalau Kerajaan boleh menetapkan gaji yang paling murah kepada pegawai atau pekerjanya, iaitu \$195 sebulan sedangkan apa yang diusahakan oleh Kerajaan itu tidak mendapat keuntungan bahkan sebagai satu kebajikan kepada rakyat, maka saya berharap juga kepada badan-badan perusahaan dapat menetapkan gajinya yang tidak kurang daripada yang ditetapkan oleh Kerajaan, iaitu Laporan Gaji Kabinet \$195 sehingga \$295. Saya juga berharap segala saham-saham dan bonus-bonus yang biasa diberi oleh setengah-setengah perusahaan patutlah diberi kepada semua pekerja dengan tidak mengira tingkatan gaji pekerja itu kerana semua pekerja itu membawa keuntungan kepada perindustrian ataupun kepada perusahaan, baikpun yang bergaji besar ataupun bergaji kecil, kadang-kadang yang bergaji kecil lebih teruk kerjanya tetapi ia di segi tenaga, dengan sebab itu hendaklah dikaji sama.

Yang ketiga, saya berharap sangat tiap-tiap perusahaan perhubungan hendaklah mengawasi perusahaan-perusahaan ini supaya janganlah ada perusahaan-perusahaan yang memberi kerja lebih dengan tidak memberi overtime ataupun pendapatan yang lebih, khasnya pada hari-hari kebesaran am seperti Hari Raya dan sebagainya patutlah dilipatgandakan gajinya kerana sepatutnya bagi seorang pekerja itu walaupun dia bergaji

murah seboleh-bolehnya dia tidak mahu bekerja pada hari kebesaran tetapi disebabkan masa keadaan dia diminta maka dengan sebab itu sebagai membalas jasa kepadanya, maka gandakanlah gajinya walaupun lebih dari dua kali.

Tuan Pengerusi, perkara yang keempat, patut diadakan kemudahan-kemudahan kepada pekerja tadi seperti rumah dan sebagainya yang dikatakan oleh rakan-rakan saya yang bersetuju dan juga saya berharap diadakan juga latihan-latihan agama dan sebagainya. Yang paling saya minta sekali dan saya dapat tahu ada setengah katanya pekerja-pekerja ini bila sudah berkahwin tidak boleh bekerja lagi. Ini patut jangan diadakan. Sebaik-baiknya yang berkahwin itu patut diberi kerja lagi, kerana yang menjadi bercelaru dalam tempat-tempat perusahaan yang mana mereka ini manusia, manusia kita tidak boleh hendak lari daripada itu, kalau sudah berkahwin kerana hendak berhenti kerja dan setengahnya dibuat syarat, ini seolah-olah kita menahan kehendaki nafsu, sedangkan nafsu telah dijadikan oleh Tuhan. Dengan sebab itu, saya berharap kalaulah syarat ini ada di setengah-setengah perusahaan, hendaklah syarat ini dihapuskan biarlah kalau misalnya mereka itu seorang di masa hendak bersalin, kita tidak payah beri gaji semasa dia bersalin, tetapi tentang keistimewaan berkahwin itu patutlah kita utamakan kerana ini telah ditetapkan oleh Tuhan dalam tiap-tiap badan manusia.

Tuan Pengerusi, Aktiviti (3)—Keselamatan Pekerjaan. Saya berpendapat gantirugi atau SOCSO kepada pekerja ini janganlah semata-mata ditetapkan kepada yang bergaji \$500 ke bawah kerana yang bergaji \$500 ke atas inipun kadang-kadang kemalangan tidak berbau, kerana ada setengahnya yang bergaji besar itu kadang-kadang dia juga tidak dapat menyimpangkan wang. Buat kata per-patah: Besar periok, besar keraknya. Jadi bila habis bulan, habislah gaji. Kemalangan itu tidak dapat dielakkan. Bila datang kemalangan dia pun tidak ada persediaan. Dengan sebab itu, saya berharap biarlah peruntukan kemalangan yang dibagi kepada pekerja ini janganlah ditetapkan berapa gajinya, bahkan sebagai pekerja hendaklah dibagikan wang peruntukan kemalangan.

Tuan Pengerusi, satu lagi yang saya berasa dukacita, boleh jadi ada di antara majikan-majikan dan setengah perusahaan

ditetapkan oleh Kementerian. Misalnya perusahaan kalau tidak silap saya lima orang. Kurang daripada lima orang tidak dibagi syarat-syarat keselamatan pekerja. Tetapi ada setengahnya cerdek, dipecah-pecahkannya perusahaan, dijadikan kepada dua yang akhirnya kesemua tidak boleh dapatkan SOCSO. Saya harap supaya perkara ini juga patut disiasat oleh Kementerian yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya bercakap di bawah Aktiviti (6)—Pendaftaran Kesatuan Sekerja. Saya amat dukacita kerana ada setengah daripada majikan-majikan dan industri-industri mereka ini tidak membenarkan kesatuan sekerja hendak ditubuhkan. Ada setengahnya membenarkan tetapi mereka tidak mengiktiraf. Yang malangnya kadang-kadang bila ada di antara kawan-kawan yang ada jiwa hendak menolong kawan termasuk dirinya sendiri, hendak buat kesatuan sekerja, orang yang seperti ini diambil tindakan dibuang dahulu sebelum kesatuan ditubuhkan. Ini biasa berlaku di setengah-setengah tempat yang tidak payah saya sebutkan tempat itu, tetapi memang ada. Bila seseorang itu bersemangat sedikit, hendak beri nasihat kepada kawan, hendak ajak buat kesatuan sekerja, orang yang seperti ini dibuangkan dahulu. Ini biasa berlaku. Saya harap Kementerian yang berkenaan tolonglah siasat perkara ini dan bila sudah ditubuh, setengah pekerja, hendaklah diiktiraf dan dapat berjalan.

Tuan Pengerusi, akhirnya Aktiviti (7)—Lembaga Latihan Perindustrian. Saya berpendapat, biasanya bila kita kata, mengapa tidak bagi kepada Bumiputra bekerja dengan gaji yang agak mahal ataupun yang mahir sedikit. Kata setengah perusahaan: Bagaimana hendak diberi, mereka ini tidak ada berkebolehan, tidak ada latihan. Bagaimana mereka hendak ada kebolehan, kerana mereka tidak dilatih. Dengan sebab itu kepada Lembaga Latihan Perindustrian saya berharap, meminta dan merayu janganlah dibagi kepada orang dalam bandar sahaja ataupun orang yang sudah ada ini, tetapi berilah kepada orang luar bandar, khasnya kepada Bumiputra, janganlah menjadi nasib seperti hari ini, banyak industri pekerja yang mahir bukan Bumiputra, anatah lagi kepada pegawai-pegawai kerja, tetapi kebanyakan pegawai kerja atau pekerja Bumiputra ini ialah gaji buruh yang gajinya terlampau

murah, kerja terok, gajinya murah. Untuk mengatasi mereka ini daripada tidak ada kebolehan, kalau ada latihan, utamakanlah mereka ini.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.45 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka):

Tuan Pengerusi, saya akan sentuh muka surat 397, Butiran 1100, Aktiviti (2)—Buruh dan Perhubungan Perusahaan.

Tuan Pengerusi, sungguhpun Malaysia ada mempunyai 3 buah undang-undang yang penting iaitu Employment Ordinance, 1955, Workmens, Compensation Ordinance dan Industrial Relations Act, 1967, tetapi kesemua Undang-undang Buruh ini masih tidak mencukupi untuk memperlindungi kepentingan kaum pekerja yang ada di Malaysia ini. Menurut angka-angka bilangan labour force di Malaysia ialah hampir 1.5 juta orang, sungguhpun bilangan penduduk Malaysia dalam umur bekerja di antara umur 15 hingga 64 tahun adalah melebihi 7 juta orang.

Tuan Pengerusi, di sini saya akan sentuh dari segi kesihatan (occupational health) dan industrial safety. Sungguhpun Malaysia adalah mempunyai Akta Kilang dan Jentera, 1967 untuk memperlindungi keselamatan kebajikan dan kesihatan keadaan pekerja buruh, tetapi di sini saya sangat terperanjat untuk melihat bahawa angka-angka kemalangan di Malaysia adalah sangat tinggi. Umpamanya kes-kes kemalangan yang berlaku di Malaysia setiap tahun adalah di antara 13,000 hingga 14,000 kes di mana kita boleh dapati bahawa nyawa yang berharga ini ialah melebihi 400 orang dan juga pampasan yang dibayar oleh kemalangan ini ialah melebihi \$20 juta dan hari kerja yang kita sudah hilang ialah melebihi 400,000 hari. Kesemua ini adalah menunjukkan dua kenyataan yang perlu diperhatikan oleh semua pihak termasuk Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, iaitu bahawa Akta yang ada di Malaysia hari ini untuk memperlindungi keselamatan dan kebajikan kaum pekerja ini nampaknya tidak berkesan dan juga langkah-langkah keselamatan yang diambil baik oleh Kementerian Buruh ataupun oleh pihak majikan pun tidak memuaskan. Kita boleh dapati bahawa kebanyakan

kilang-kilang tidak mempunyai Jawatankuasa Keselamatan (Safety Committee) untuk menubuhkan kesedaran dan pengetahuan tentang cara bagaimana untuk menguruskan kerja mereka dengan secara yang lebih selamat.

Tuan Pengerusi, saya menyeru bahawa pihak Kementerian Buruh bolehlah mengadakan satu siasatan dan kajian yang menyeluruh dan mendalam tentang bagaimana langkah-langkah yang lebih berkesan boleh disediakan dalam satu bentuk undang-undang supaya pihak-pihak majikan boleh dikehendaki untuk mematuhi semua syarat-syarat keselamatan dan juga bilangan Inspector Jentera boleh ditambah untuk mengadakan lebih banyak lagi pemeriksaan mengejut (surprise check) supaya kilang-kilang boleh dipastikan bahawa mereka tidak akan melarikan tanggungjawabnya sehingga membawa satu malapetaka yang begitu costly terhadap kaum pekerja kita.

Tuan Pengerusi, saya akan sentuh mengenai keselamatan pekerjaan dan kebajikan pekerja. Kebanyakan peruntukan-peruntukan asas yang terkandung dalam Ordinan Pekerja, 1955 ini sebenarnya telah dirampas oleh satu pindaan yang dibuat di Parlimen pada tahun 1976, di mana perlindungan asas seperti seksyen 60G yang berkaitan dengan 11c Entitlement dan 60H mengenai Retirement Entitlement dan juga Elaun Bersalin juga dihadkan kepada tiga orang anak sahaja. Seksyen 16 dan lain-lainnya telah juga dibatalkan dengan diberikan kuasa yang penuh kepada Menteri Buruh untuk menetapkan sesuatu. Begitu juga rayuan di bawah seksyen 17A di bawah Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 pun terletak di tangan Menteri Buruh untuk menentukan adakah satu kes ini perlu dirujuk ke Mahkamah Perusahaan untuk tindakan yang sewajarnya. Pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja pun dicadangkan untuk mengambil satu peranan yang aktif dalam arena politik kita untuk mentadbir nasib bagi kaum pekerja sendiri.

Tuan Pengerusi, kita juga boleh nampak bahawa kebanyakan pekerja-pekerja masih boleh diberhenti atau dibuang kerja dengan sewenang-wenangnya. Di bawah seksyen 12 Ordinan Pekerja, 1955 dengan notis atau bayaran wang sebagai gantirugi diberikan

kepada seseorang pekerja walaupun pekerja-pekerjanya ini sudah bekerja dan bertungkus-lumus melebihi 15 tahun atau 20 tahun, mereka hanya dibayar pampasan satu bulan gaji sahaja atau satu bulan notis diberikan. Ini juga menunjukkan bahawa kaum pekerja masih tidak diberikan satu perlindungan yang mencukupi untuk dianiyai oleh kaum majikan yang tidak bertanggungjawab atau tidak mengakui social responsibilitynya.

Tuan Pengerusi, juga kita boleh nampak bahawa sistem contract labour masih diamalkan di Malaysia. Sebenarnya sistem contract labour ini perlulah dimansuhkan supaya hak-hak asasi kaum pekerja kita boleh dijunjung tinggi. Di sini kita boleh nampak ada sebahagian pekerja di bawah sistem kontrak ini tidak dapat menikmati kebajikan asas seperti mana yang diperuntukkan dalam undang-undang buruh kita.

Tuan Pengerusi, di sini kita boleh lihat lagi layanan bagaimana nasib kaum buruh kita di mana kita boleh nampak bahawa melebihi 85% kaum pekerja kita di Malaysia tidak diorganisasikan di bawah Kesatuan Sekerja. Ini sudah menunjukkan satu kelemahan dari segi undang-undang dan dasar buruh Malaysia hari ini. Sebenarnya satu dasar buruh yang lengkap, yang adil tentu boleh memberikan satu perlindungan yang asas seperti pekerja akan dilindungi di bawah Kesatuan Sekerja, dan juga mereka akan dibayar gaji yang minima, supaya mereka boleh hidup sebagai rakyat yang boleh menyumbang kepada masyarakat dan negaranya. Sebab itu satu sistem atau satu undang-undang gaji minima perlulah diadakan, sungguhpun ada satu kontroversi telah timbul bahawa undang-undang ini akan menakutkan pelabur-pelabur asing datang melabur di Malaysia, tetapi kalau kita dari segi kepentingan nasional yang berjangka panjang, saya yakin bahawa undang-undang gaji minima ini akan boleh memberikan satu jaminan baik kepada pihak pelabur asing atau tempatan bahawa gaji yang mereka bayar ini bukan sahaja boleh memberikan satu kepuasan kepada kaum pekerja, juga boleh menjamin maruah kaum pekerja kita supaya mereka tidak akan dijadikan atau diperhambakan sebagai budak sana tanpa penghormatan sebagai seorang pekerja.

Perkara ini sudah banyak berlaku di Malaysia. Dengan sebab itu kita perlu mengkaji pada keseluruhannya dasar buruh dan

undang-undang dan juga amalan buruh yang ada hari ini, kerana kebanyakan Undang-undang Buruh Malaysia yang kita amalkan hari ini telah out of date dan ada di antaranya sudah melebihi 20 tahun lamanya. Mahu atau tidak mahu saya fikir sudah sampai masanya bagi Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat untuk mengadakan satu Suruhanjaya Di Raja untuk mengkaji berbagai segi yang saya sebutkan berkaitan dengan kelemahan dan kepincangan dasar buruh yang ada di Malaysia hari ini supaya keharmonian, keselamatan dan kepentingan kaum pekerja di negara ini boleh dijamin melalui satu dasar dan sistem undang-undang buruh yang adil bagi kedua-dua pihak, baik pihak majikan ataupun pihak kaum pekerja.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Simunjan.

5.55 ptg.

Tuan Bujang bin Haji Ulis (Simunjan): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud B. 51, Butiran 1100, Aktiviti (3)—Keselamatan Pekerja.

Perkara keselamatan buruh adalah satu perkara yang memang menarik perhatian kita pada hari ini lebih-lebih lagi di mana terdapat di kilang-kilang berlaku pemerasan, pilihkasih dan sebagainya.

Saya ambil contoh sebagai pengalaman saya ketika melawat sebuah kilang, iaitu kilang kayu di mana saya dapati bahawa keadaannya tidak begitu memuaskan, tempat tinggal pekerja-pekerja, kebersihan rumah tempat tinggal tidak memuaskan dan dari segi gaji ada juga diskriminasi yang dilakukan. Contohnya orang yang dekat dengan majikan, ataupun ada hubungan dengan majikan, diberi gaji yang tinggi sekalipun baru masuk kerja dan sekalipun cara pekerja itu lembek dan sebagainya dan sekalipun ia seorang perempuan, tetapi diberi gaji yang tinggi dan orang yang lama bekerja yang tidak ada hubungan dengan majikan, diberi gaji yang rendah sekalipun sudah bekerja lama. Jadi inilah satu penindasan dan diskriminasi yang saya rasa harus dihapuskan.

Dan kedua, ialah dari segi pengawasan oleh pihak Jabatan Buruh tempatan. Saya rasa banyak kilang-kilang di tempat-tempat yang terpencil yang mengusahakan kerja

menggergaji kayu balak dan sebagainya tidak diawasi dengan berkesan. Jadi akibatnya ialah sekalipun Akta Buruh wujud, sekalipun ordinar dan sebagainya memang ada, tetapi oleh kerana penguatkuasaan tidak ada, maka sekalipun pihak majikan ternyata salah, sekalipun pihak buruh atau Kesatuan Sekerja seharusnya mengambil tindakan undang-undang terhadap apa yang berlaku kepada mereka dan apa yang dilakukan oleh majikan kepada mereka atau penyelewengan yang dibuat oleh pihak majikan terhadap mereka, maka tindakan tidak dilakukan. Maka saya cadangkan supaya tindakan yang serious harus diambil oleh pihak Jabatan atau Kementerian Buruh untuk menjaga keselamatan pekerja-pekerja yang berada di kilang-kilang yang terpencil itu supaya keadaan pekerjaan mereka itu lebih terkawal dan lebih memuaskan.

Saya juga bersetuju dengan apa yang dicadangkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat bahawa sistem gaji minima itu diwujudkan untuk keselamatan pihak buruh. Saya juga mencadangkan supaya di bahagian daerah diwujudkan pusat Jabatan Buruh ataupun Pejabat-pejabat Buruh untuk mengawasi apa yang berlaku di kilang-kilang itu.

Tuan Pengerusi: Saya minta yang penghabisan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.59 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, hanya satu perkara saya ingin sentuh dan ini ialah mengenai Mahkamah Perusahaan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyampaikan rasa penghargaan saya kepada Mahkamah Perusahaan atas kerja dan usahanya untuk mengadakan kes-kes pertikaian perusahaan, akan tetapi saya terdapat satu ciri yang tidak memuaskan dalam sistem perhubungan perusahaan kita. Ini kerap kali kita dapati bahawa keputusan-keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Perusahaan dicabar atas alasan on point of law, sungguhpun atas on point of fact keputusan Mahkamah Perusahaan adalah muktamat.

Perkara ini timbul kerana pihak-pihak majikan yang tidak gembira dengan keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Perusahaan boleh merayu kepada Mahkamah Tinggi

yang mempunyai kuasa penyeliaan (supervisory jurisdiction) atas Mahkamah Perusahaan dan juga mempunyai kuasa untuk campur tangan dalam keputusan mengenai point of law dan bidang kuasa (jurisdiction). Ini dibuat melalui cara "certiorari" oleh majikan-majikan yang mengambil kesempatan yang terdapat di dalam undang-undang untuk merayu ke Mahkamah Tinggi supaya melambatkan penguatkuasa keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Perusahaan yang memihak pekerja-pekerja yang berkenaan. Oleh kerana ini, saya haraplah bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sebagai seorang Menteri yang baharu saya haraplah bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapatlah mencari satu jalan untuk mengatasi masalah ini dan di sini saya ingin mengesyorkan supaya kuasa-kuasa yang Mahkamah Tinggi mempunyai dalam perkara ini patut dibatalkan dengan mengadakan pindaan-pindaan yang sesuai terhadap Akta The Court of Judicature Act dan juga Akta Perhubungan Perusahaan. Jika sekiranya negara jiran kita dapat membuat ini, saya tidak nampak mengapa ianya tidak boleh dibuat di negara kita demi kepentingan keadilan perusahaan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menjawabnya.

6.01 ptg.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran-teguran dan cadangan-cadangan dalam perbahasan yang sedang dijalankan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, yang pertama perkara yang telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Damansara iaitu beliau telah mencadangkan supaya Undang-undang Buruh kita patut dipinda untuk memperbaiki beberapa kelemahan-kelemahan yang telah disebutkan oleh beliau. Seperti yang kita maklum pindaan kepada Undang-undang Buruh yang dibuat pada 9hb Oktober, 1969 yang kemudiannya telah diluluskan oleh Parlimen adalah bertujuan untuk menambah peluang-peluang pekerjaan. Tidakkah benar jika dikatakan bahawa pindaan-pindaan yang dibuat pada tahun 1969 itu

hanya bertujuan untuk mengatasi keperluan semasa dharurat sahaja. Sebaliknya terdapat beberapa peruntukan di dalam pindaan-pindaan tersebut itu yang mempunyai kaitan dengan keperluan negara keseluruhannya.

Walau bagaimanapun, semenjak tahun 1969 beberapa pindaan kepada Undang-undang Buruh telahpun diperbuat dari masa ke semasa. Mengenai kedudukan Undang-undang Buruh pada keseluruhannya, Kementerian saya telah menjalankan perbincangan-perbincangan dengan wakil-wakil dari majikan-majikan Malaysia dan juga Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia iaitu MTUC untuk membincangkan cadangan-cadangan pindaan terhadap Akta Perhubungan Perusahaan tahun 1967 dan Ordinan Kesatuan Sekerja tahun 1959. Cadangan-cadangan ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis bersama Penasihat Buruh Kebangsaan tidak berapa lama lagi dan jika difikirkan perlu pindaan-pindaan kepada Undang-undang Buruh akan dikemukakan kepada Dewan ini kelak.

Tuan Pengerusi, oleh sebab itulah Kementerian ini berpendapat tidaklah perlu untuk mengadakan sebuah Suruhanjaya Diraja untuk mengkaji reformasi Undang-undang Buruh seperti yang telah dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Berkenaan dengan keselamatan pekerja kita pula khasnya kematian pekerja kita di tapak-tapak pembinaan di sekitar bandar-bandar kita. Tuan Pengerusi, berkenaan dengan perkara ini, haruslah kita mengambil tahu bahawa soal ini patut diuruskan oleh pihak majikan juga bersama-sama dan hanya mewajibkan amalan keselamatan tidak akan berkesan kerana pekerja-pekerja sendiri mungkin tidak puas hati tentang sebarang undang-undang ataupun peraturan-peraturan yang akan menyekat kebebasan bergerak waktu menjalankan tugas-tugas mereka. Kesatuan-kesatuan Sekerja dan Majikan haruslah bekerjasama dalam bidang ini supaya kemalangan kilang-kilang dapat dikurangkan sebanyak-banyak yang boleh. Kerajaan sedar bahawa kemalangan ini mengakibatkan kesusahan dan kesakitan kepada pekerja sendiri dan juga kepada keluarga mereka yang tidak berdosa. Ini juga merugikan kerana mengurangnya punca tenaga manusia kita dengan serius dan juga merosakkan nilai pengeluaran.

Soal ini pun telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tadi dan saya suka memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini, tindakan-tindakan yang seusai telah, sedang dan akan terus juga diambil supaya bilangan kematian yang dikesalkan itu dapat dikurangkan sebarapa yang boleh.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah juga menyentuh beberapa perkara dan saya ucapkan sebanyak banyak terima kasih kepada beliau kerana sumbangan yang telah diberi oleh beliau kepada perbahasan kita pada petang ini.

Berkenaan dengan gaji minima, ini adalah satu perkara yang telah sering ditimbulkan baik dalam Dewan ini mahu pun di luar. Setakat ini Kerajaan telah memutuskan bahawa gaji minima kebangsaan kita itu tidak diadakan, kerana tindakan boleh diambil sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat supaya jentera bagi menentukan gaji di bawah Ordinan Majlis-majlis Gaji tahun 1947 dipakai atas perusahaan-perusahaan lain yang dipilih dalam sektor swasta di mana terdapat gaji-gaji masih rendah dan di mana tidak ada jentera yang berkesan bagi menentukan gaji-gaji secara perundingan bersama.

Walaupun begitu, Tuan Pengerusi, saya suka memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah melahirkan perasaan kekhuatiran atas perkara ini. Soal ini adalah sentiasa dalam perhatian Kementerian saya dan apabila sahaja dianggap perlu ia akan ditimbang semula dengan sesuai.

Berkenaan dengan check-roll yang palsu itu yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh juga dan lain-lain amalan yang haram sekiranya boleh dapat butir-butir yang lebih lanjut lagi pegawai-pegawai Kementerian saya akan menjalankan siasatan yang sesuai nanti.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Sepang telah menimbulkan sedikit sebanyak perkara yang saya suka memberi sedikit penjelasan, berkenaan dengan komposisi pekerjaan berbilang kaum di dalam badan-badan perniagaan kita. Ini memang sudah menjadi satu dasar yang penting supaya dasar itu dapat dilaksanakan dengan baik dan efektif. Perkara mengadakan peluang pekerjaan yang seimbang di

antara kaum-kaum, memang telah menjadi satu dasar yang penting dalam usaha Kementerian saya melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dan dasar ini bertujuan supaya mencapai matlamat perseimbangan dalam pekerjaan dalam tempoh masa 20 tahun iaitu di antara tahun 1970 ke 1990. Dari angka-angka yang kita perolehi dapatlah mengatakan bahawa kemajuan yang dicapai setakat ini adalah menggalakkan. Pada amnya bolehlah dikatakan bahawa majikan-majikan kita telah menerima dasar kita itu dan sedang berusaha seberapa yang boleh untuk melaksanakan dasar itu. Di satu-satu tempat kadar pencapaian adalah terhad kerana kekurangan pekerja-pekerja yang professional ataupun mahir daripada kaum-kaum tertentu khususnya kaum Bumiputra ataupun kekurangan pekerja yang mempunyai pengalaman yang dikehendaki dalam urusan-urusan tertentu. Kerajaan memang sedang berusaha untuk menambah peluang-peluang latihan di semua bandar di semua peringkat untuk menghadapi masalah ini. Sudah tentu bahawa pengalaman dalam urusan tertentu akan berkehendakkan tempoh pekerjaan yang agak lama sedikit dan short cut tidak dapat dicari bagi mengatasinya. Pegawai-pegawai Kementerian sentiasa membuat lawatan dan pemeriksaan di tempat-tempat perkerjaan dan seberapa bolehnya untuk menasihati dan membantu majikan-majikan dalam pelaksanaan dasar ini. Sebenarnya Ahli Yang Berhormat itu pun telah berbincang dengan saya baharu-baharu ini atas perkara ini dan saya sukalah menyatakan pada masa akan datang iaitu bila-bila juga apabila timbul masalah ini kita dapat terus berbincang supaya perkara ini dapat diselesaikan ataupun dibaiki mana-mana terdapat kelemahan.

Tuan Pengerusi, lagi satu perkara yang telah disentuh juga oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah berkenaan dengan pengambilan pekerja-pekerja di dalam Emporium di negara kita. Sebenarnya dalam hal ini, baharu-baharu ini telah timbul juga satu aduan melalui sebuah akhbar tempatan berkenaan dengan perkara ini juga dan oleh sebab itu saya sendiri telah mengarahkan supaya satu penyiasatan telahpun dijalankan di atas tiga buah Emporium yang dianggap terbesar sekali dalam bandar Kuala Lumpur iaitu yang pertama Selangor Emporium Sdn. Bhd. di Jalan Tuanku Abdul Rahman, yang

kedua Batu Road Supermarket Sdn. Bhd. di Jalan Tuanku Abdul Rahman juga dan Plaza Selangor Sdn. Bhd. juga di Jalan Tuanku Abdul Rahman. Tinjauan yang telah dibuat ialah laporan itu telah menunjukkan bahawa memang benar Emporium-emporium ini kurang mengambil pekerja Bumiputra. Peratusnya ialah disekitar 7% hingga 16.6% sahaja. Laporan akhbar bahawa pekerja Bumiputra hanya diambil bekerja sebagai Juru-jual didapati benar. Apabila ditanya kenapa keadaan kurang seimbang itu berlaku, pihak pengurusan memberi sebab-sebab seperti berikut:

- (1) Kebanyakan invoice barangan yang diterima dari pemborong adalah dalam tulisan China, lagikan jual nama atau quotation barangan ditulis dalam tulisan China. Oleh itu tidak mungkin bagi mereka mengambil pekerja yang kurang fasih membaca tulisan China untuk memegang jawatan pengurusan, penyelian, eksekutif dan pekerjaan ataupun setor.
- (2) Kelulusan atau syarat perkhidmatan untuk jawatan Juru-juru ialah persekolahan hingga LCE dengan kebolehan bertutur bahasa Inggeris asas dan juga kebolehan kira-mengira terutama sekali dalam hal discount.

Pihak pengurusan juga melafaskan kesulitan mendapatkan calon yang sesuai terutama di kalangan pekerja Bumiputra. Pergerakan itu mobility ataupun turnover Jurujual Bumiputra dan bukan Bumiputra juga sama-sama adalah sangat tinggi. Contohnya Emporium Selangor mereportkan bilangan pekerja yang berhenti dan diambil adalah seperti berikut:

Bulan Mei 1978 tahun ini, yang berhenti 32 orang dan yang diambil pula 25 orang. Bulan Jun, berhenti 17 orang, yang diambil 23 orang. Bulan Julai berhenti 25 orang, yang diambil 19 orang dan bagi Bulan Ogos pula yang berhenti 11 orang, yang diambil 13 orang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, sebab utama yang mengakibatkan mobility itu sangat tinggi ialah kerana keadaan kerja Jurujual yang memerlukan mereka berdiri selama antara 8 hingga 9 jam sehari. Kesemua Emporium yang ditinjau sedang mengalami kekurangan Bumiputra dan juga bukan Bumiputra dan saya

telah diberi jaminan oleh mereka itu bahawa mereka itu mengalu-alukan lebih lagi pekerja-pekerja daripada kaum Bumiputra sekiranya ada lebih Bumiputra yang menunjukkan minat untuk diambil bekerja dalam Emporium itu. Dan saya suka juga memberitahu kepada Dewan ini pegawai-pegawai Kementerian saya sentiasa mengawasi keadaan ini dan akan membaiki di mana-mana juga timbul penyelewengan supaya dibaiki dengan secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, lagi satu perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang iaitu berkenaan dengan perumahan di ladang-ladang dan juga di lombong-lombong kita. Memang tidak . . .

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Untuk penjelasan?

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Ya.

Tuan Pengerusi: Boleh, Yang Berhormat Menteri beri jalan.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Saya suka hendak bertanya untuk penjelasan, di bahagian mana dan di yunit mana di Kementerian beliau yang menjalankan tugas ini?

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, ini adalah dijalankan di Bahagian Tenaga Rakyat.

Tuan Pengerusi: Sila teruskan.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan perumahan di ladang-ladang dan di lombong-lombong, memang tidak ada satu yunit yang khas di Kementerian untuk menjalankan rancangan perumahan ini. Rancangan itu dilaksanakan sangat perlahan, ini adalah diakui. Oleh sebab perkara ini tidak ditinggalkan di tangan Kerajaan Negeri sahaja, di Ibupejabat Jabatan Buruh ada seorang pegawai kanan yang ditugaskan khas untuk mengawasi rancangan ini. Dan pegawai-pegawai kita di peringkat negeri juga diberi tanggungjawab untuk mendesak dan membantu majikan dalam perkara ini. Biasanya Pengarah

Hal Ehwal Buruh dan Ketua-ketua pejabat sendiri di semua negeri mengambil berat tentang rancangan ini.

Cadangan Ahli Yang Berhormat untuk mengadakan yunit khas untuk perkara ini memang nampaknya baik tetapi kerana kita berkehendakkan pemeriksaan, perbincangan dan pengawalan di semua tempat-tempat pekerjaan adalah lebih wajar jika perkara ini dijadikan sebahagian tanggungjawab pegawai-pegawai di semua peringkat atau di head office kita sahaja. Tetapi pegawai-pegawai khas di peringkat Ibupejabat bolehlah monitor kemajuan dalam perkara ini dan menjalankan penyelarasan yang dikehendaki dalam pelaksanaan.

Begitu juga dengan cadangan beliau untuk mengadakan sebuah yunit khas untuk menjaga keseimbangan dalam pekerjaan lebih-lebih lagi kerana kita berkehendakkan semua pegawai yang menjalankan pemeriksaan di tempat-tempat pekerjaan memperhatikan aspek-aspek yang penting. Biasanya peluang untuk seorang pegawai Kementerian melawat sebuah tempat pekerjaan berlaku selebih-lebihnya pada sekali setahun sahaja. Jika pegawai-pegawai Buruh yang membuat lawatan-lawatan itu diasingkan mengikut aspek-aspek dasar buruh ini, lawatan-lawatan ini akan menjadi lebih jarang lagi kerana kekurangan tenaga pegawai. Jadi maksud saya ialah kerana cadangan itu akan menghadapi masalah pentadbiran iaitu kurangnya praktiknya.

Sebelum saya tinggalkan teguran yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang itu perhatian saya baru sahaja ditarik kepada penjelasan yang baru saya beri tadi yang mengatakan penyiasatan yang telah dijalankan ke atas 3 buah Emporium itu sebenarnya telah dijalankan oleh Jabatan Buruh dan bukan oleh pegawai Jabatan Tenaga Rakyat.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kangan telah menimbulkan beberapa perkara dan semua perkara-perkara itu akan saya kaji dan di mana-mana dianggap sesuai tindakan akan diambil untuk membaiki kelemahan-kelemahan yang telah ditimbulkan itu.

Yang Berhormat dari Kota Melaka juga telah menimbulkan dakwaan bahawa Undang-undang Buruh kita tidak mencukupi

untuk memelihara kepentingan pekerja-pekerja kita. Atas perkara ini saya telahpun memberi penjelasan panjang lebar dan tidak payahlah saya ulangi. Begitu juga di atas perkara keselamatan pekerja dan saya harapkan pihak beliau juga dapat di mana-mana boleh menasihatkan pihak-pihak yang berkenaan iaitu bukan sahaja pekerja-pekerja akan tetapi juga pihak majikan-majikan supaya bekerjasama untuk akhirnya melahirkan keadaan pekerjaan yang lebih selamat, kerana perkara ini bukan tanggungjawab pekerja sahaja ataupun tanggungjawab tunggal Kerajaan.

Begitu juga, Tuan Pengerusi, berkenaan contract labour dan dakwaan perlindungan pekerja kita telah dirampas, Yang sebenarnya Kementerian saya akan mengambil perhatian atas apa yang telah ditimbulkan itu untuk kajian.

Atas teguran yang mengatakan AS\$20 juta mencerminkan kerugian kerana kemalangan perindustrian itu haruslah kita menjelaskan iaitu kerugian itu hanya satu kerugian yang tidak ternampak (hidden cost) dan ini telah dilahirkan kerana satu teori sahaja di Amerika Syarikat dan kita tidak tahu sebenarnya sama ada benar atau tidak, walaupun benar juga ini adalah satu teori berkenaan dengan keadaan di Amerika Syarikat dan tentulah tidak sesuai untuk negara kita.

Pihak Kerajaan sedang mengambil tindakan yang aktif supaya menggalakkan banyak lagi Jawatankuasa Keselamatan (Safety Committee) itu di dalam kilang-kilang kita dan juga pihak Kementerian telah mencetak risalah-risalah yang mana menjelaskan tindakan-tindakan yang sesuai untuk diambil oleh semua pihak dan pada setakat ini sebanyak 4,000 salinan telahpun dicetak dan telahpun dibahagi-bahagikan seperti yang saya tunjukkan sekarang.

Tuan Pengerusi, saya juga mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pontian yang telah menimbulkan gaji minima, oleh sebab saya pun telah menjelaskan perkara itu, saya minta maaf saya tidak akan mengulanginya.

Akhirnya, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menimbulkan sedikit sebanyak perkara berkenaan dengan Mahkamah Perindustrian kita. Teguran beliau

itu akan dikaji dan ditimbangkan oleh Kementerian saya untuk tindakan pada masa yang akan datang sekiranya dianggap perlu dan sesuai. Sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyumbang dengan secara ikhlas kepada perbahasan kita.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$25,939,000 untuk Maksud B. 51 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$5,663,030 untuk Maksud P. 51 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1979.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mengemukakan Anggaran Perbelanjaannya di bawah Maksud B. 52 dan B.53 dan Pembangunan P.52 dan P.53. Sila.

Maksud B. 52 dan B. 53 (Jadual)—

Maksud P. 52 dan P. 53 (Anggaran Pembangunan, 1979)—

6.33 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Pengerusi, saya kemukakan Anggaran Belanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Agensi-agensi di bawah portfolio saya iaitu Maksud B. 52, Maksud P. 52, Maksud B. 53 dan Maksud P. 53.

Anggaran di bawah Maksud B. 52 berjumlah tujuh belas juta empat ratus sembilan puluh enam ribu ringgit (\$17,496,000) ialah untuk perbelanjaan mengurus dan jumlah ini akan dibahagikan kepada Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail atau PUSPATI sebanyak satu juta lima ratus lapan puluh sembilan ribu sembilan ratus lima puluh lapan ringgit (\$1,589,958); Bahagian Alam Sekitar sebanyak dua juta dua ratus dua puluh ribu tujuh ratus dua puluh empat ringgit (\$2,220,724); Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara atau PERHILITAN sebanyak empat juta empat ratus enam puluh satu ribu tujuh ratus tiga puluh enam ringgit (\$4,461,736); Instituti Piawain dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia atau SIRIM sebanyak tujuh juta tiga ratus dua puluh sembilan ribu tujuh ratus sembilan puluh

tujuh ringgit (\$7,329,797). Bakinya sebanyak satu juta lapan ratus sembilan puluh tiga ribu tujuh ratus lapan puluh lima ringgit (\$1,893,785) ialah bagi Bahagian Pentadbiran Am Kementerian.

Sementara itu Anggaran Pembangunan Kementerian saya di bawah Maksud P. 52 ialah sebanyak enam juta dua ratus empat puluh lima ribu dua ratus enam puluh tiga ringgit (\$6,245,263) akan dibahagikan seperti berikut :

- (a) Dua juta dua ratus ribu sepuluh ringgit (\$2,200,010) ialah untuk SIRIM. Daripada jumlah ini dua juta ringgit (\$2,000,000) ialah untuk Cawangan Pusat Logam. Amaun ini termasuk sebanyak satu juta lima ratus ribu ringgit (\$1,500,000) untuk pembinaan sebuah bangunannya dan bakinya lima ratus ribu ringgit (\$500,000) bagi kelengkapannya. Bakinya dua ratus ribu sepuluh ringgit (\$200,010) ialah untuk keperluan alat-alat kelengkapan di Cawangan Makmal Ujian Saintifik dan Kejuruteraan.
- (b) Tiga juta empat ratus lima puluh dua ribu ringgit (\$3,452,000) ialah untuk PUSPATI. Daripada jumlah ini dua juta lima belas ribu tiga ratus lima puluh sembilan ringgit (\$2,015,359) ialah bagi kerja-kerja permulaan dan sivil; tujuh ratus dua puluh dua ribu lapan ratus sembilan puluh tiga ringgit (\$722,893) ialah bagi sistem reaktor; tiga ratus sepuluh ribu ringgit (\$310,000) ialah bagi alat kelengkapan makmal; enam puluh ribu ringgit (\$60,000) ialah bagi perkhidmatan perunding kejuruteraan; tiga puluh ribu ringgit (\$30,000) ialah bagi lawatan saintifik dan latihan dan bakinya sebanyak tiga ratus tiga belas ribu tujuh ratus empat puluh lapan ringgit (\$313,748) ialah bagi kontinjensi.
- (c) Tiga puluh dua ribu tujuh ratus tujuh puluh ringgit (\$32,770) ialah untuk Zoo Negara. Daripada jumlah ini sebanyak dua belas ribu tujuh ratus tujuh puluh ringgit (\$12,770) ialah untuk perkhidmatan dan pembinaan halaman bagi binaang-binatang; sepuluh ribu ringgit (\$10,000) ialah untuk kerja-kerja tanah permulaan (Landscaping); dan bakinya sebanyak sepuluh ribu ringgit (\$10,000) ialah untuk pembinaan jalan-jalan.

(d) Lima ratus enam puluh ribu empat ratus tujuh puluh tiga ringgit (\$560,473) ialah untuk Kemajuan Taman Negara. Daripada jumlah ini sebanyak dua ratus lima belas ribu ringgit (\$215,000) ialah bagi tambahan kemudahan kakitangan dan pelancungan termasuk bekalan tenaga dan air; dua ratus ribu ringgit (\$200,000) bagi pembinaan sekolah latihan; seratus lima belas ribu tiga puluh ringgit (\$115,030) bagi pembiakan Hidupan Liar dan bakinya sebanyak tiga puluh ribu empat ratus empat puluh tiga ringgit (\$30,443) ialah bagi digunakan untuk bidang penyelidikan.

(e) Peruntukan tanda sebanyak sepuluh ringgit (\$10) (token vote) ialah untuk Kawalan Alam Sekitar.

Jabatan Kimia sebaliknya mempunyai peruntukan yang berasingan, di bawah Maksud B. 53 berjumlah lima juta tiga ratus sepuluh ribu ringgit (\$5,310,000) untuk perbelanjaan mengurus dan di bawah Maksud P. 53 sebanyak dua ratus dua puluh lapan ribu lima ratus sembilan puluh ringgit (\$228,590) untuk Perbelanjaan Pembangunan. Daripada jumlah dua ratus dua puluh lapan ribu lima ratus sembilan puluh ringgit (\$228,590) untuk Pembangunan di bawah P. 53, satu ratus sembilan puluh enam ribu ringgit (\$196,000) ialah bagi pembinaan makmal tambahan di Petaling Jaya; tiga puluh dua ribu lima ratus lapan puluh ringgit (\$32,580) ialah bagi pembelian alat-alat dan kelengkapan dan bakinya sebanyak \$10 ialah peruntukan tanda (token vote) untuk tujuan pembinaan makmal cawangan Kuantan.

Oleh kerana segala keterangan yang perlu adalah terkandung di dalam dokumen-dokumen berkenaan yang telah dikemukakan, maka saya rasa tidaklah payah lagi saya memberi penjelasan yang lanjut lagi dan dengan ini saya berharap kelulusan akan diberikan kepada Anggaran-anggaran Belanjawan Mengurus dan Pembangunan untuk Kementerian dan Jabatan-jabatan serta Agensi di bawah tanggungjawab saya seperti yang berikut di bawah :

- (a) Sebanyak tujuh belas juta empat ratus sembilan puluh enam ribu ringgit (\$17,496,000) di bawah B. 52.
- (b) Sebanyak enam juta dua ratus empat puluh lima ribu dua ratus enam puluh tiga ringgit (\$6,245,263) di bawah P. 52.

- (c) Sebanyak lima juta tiga ratus sepuluh ribu ringgit (\$5,310,000) di bawah B. 53; dan
- (d) Sebanyak dua ratus dua puluh lapan ribu lima ratus sembilan puluh ringgit (\$228,590) di bawah P. 53.

Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan Anggaran-anggaran ini diluluskan, dan menjadi sebahagian dalam jadual Rang Undang-undang Belanjawan 1979 dan di dalam usul Pembangunan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan B. 52, B. 53 dan Maksud Pembangunan P. 52 dan P. 53 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sekarang terbuka untuk perbincangan.

6.45 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Pengerusi, sebelum saya menyebut Butiran yang hendak saya sentuh merujuk kepada Anggaran Belanjawan 1979, Kementerian Kewangan Malaysia, muka surat 610 bersabit dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, iaitu di bawah tujuan-tujuan pecahan (c) yang menyatakan di sini bahawa tujuan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ialah:

“(c) Menentukan perseimbangan pembangunan di antara kemajuan kebendaan menerusi Sains dan Teknologi dengan kemajuan rohaniah tiap individu.”

Saya telah mendengar dengan teliti semasa Yang Berhormat Menteri mengemukakan Anggaran Belanjawannya, tetapi tidak langsung mendengar apakah rancangan-rancangannya bagi memenuhi hasrat dan cita-cita pecahan (c) tadi iaitu bagi menentukan perseimbangan pembangunan di antara kemajuan kebendaan menerusi sains dan teknologi dengan kemajuan rohaniah tiap individu. Bersabit dengan itu, saya tidak tahulah di manakah letaknya perkara itu kerana perkara ini penting. Saya suka membangkitkan seumpama perkara perindustrian yang telahpun berjalan yang mana belia-belia kita daripada luar bandar telahpun berhijrah ke bandar-bandar untuk bekerja di kilang-kilang perusahaan ini dan semasa mereka

bekerja di kilang-kilang ini, mereka berdekatan dengan sains dan teknologi dengan kejenteraan maka telah berlaku beberapa masalah-masalah nilai hidup dan sebagainya.

Bersabit dengan kemajuan sains dan teknologi itu, saya amat berdukacita kerana Yang Berhormat Menteri tidak langsung ada menyentuh perkara-perkara semacam itu. Kebanyakan yang disentuh boleh dikatakan keseluruhannya di dalam memajukan anggaran belanjawannya ialah di bidang sains dan teknologi—tidak langsung dalam soal kemajuan rohaniah. Saya tidak membangkitkan perkara ini, sekiranya perkara ini tidak timbul dalam bab tujuan-tujuan Kementerian. Jadi sekiranya Kementerian ini tidak ada apa-apa rancangan terhadap tujuan itu, saya minta supaya pecahan (c) itu dimansuhkan sama sekali, tetapi oleh kerana pecahan (c) itu telah dimasukkan di dalam Anggaran Belanjawan 1979 dalam buku yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia, maka saya memintalah, kalau boleh dalam jawapan Yang Berhormat Menteri mungkin masanya tidak ada tadi untuk menerangkan apakah rancangan-rancangan Yang Berhormat Menteri bersabit dengan tujuan (c) tadi berkenaan dengan kemajuan rohaniah. Saya tidak pula mencadangkan supaya pecahan (c) ini dimansuhkan oleh Kementerian beliau, saya menyokong penuh di atas tujuan ini, amat penting sekali Kementerian ini mengambil dayausaha dan inisiatif menentukan perseimbangan pembangunan di antara kemajuan kebendaan menerusi sains dan teknologi.

Seperti mana yang telah saya menyatakan di dalam perkara sebentar tadi mengenai masalah-masalah kemajuan sains dan teknologi bersabit dengan belia-belia, pemuda-pemudi memang menjadi masalah pada hari ini. Ini perkara besar dan saya mengucapkan tahniah bahawa Kementerian ada memasukkan di situ sebagai satu daripada tujuan. Saya percaya Yang Berhormat Menteri ada rancangan-rancangan yang penting dan saya sukalah hendak mendengarnya mungkin selepas daripada ini di atas rancangan-rancangan yang tersebut, saya cuma dapat membangkitkan satu perkara sahaja berkenaan dengan pekerja-pekerja tadi.

Tuan Pengerusi, Maksud Pembangunan P.52, Aktiviti (5)—Kemajuan Taman Negara. Di sini juga saya harap kerja yang lebih giat dapat diberikan samada ini termasuk ke

dalam kemajuan rohaniah, saya tidak tahu, mungkin ini yang dimaksudkan dengan kemajuan rohaniah, iaitu kita tidak lari dari alam sekitar semula jadi dengan tumbuh-tumbuhan dan binatang-binatang liar dan sebagainya. Ini yang dimaksudkan sebagai kemajuan rohaniah setiap individu, kalau ini dimaksudkan ada juga lojiknya iaitu alam semula jadi, tumbuh-tumbuhan disertai dengan binatang-binatang dan haiwan-haiwan liar boleh dianggap sebagai kemajuan rohaniah seseorang individu itu, dan kalau ini dimaksudkan saya menyokong juga, cuma dipergiatkan lagi.

Di dalam Dewan yang mulia ini telahpun kita dengar di dalam masa soal jawab yang mana telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu bersabit dengan gajah yang telah melanggar ataupun memusnahkan tumbuh-tumbuhan di kawasan beliau di mana ada gajah-gajah liar. Nampaknya tidak ada juga apa-apa rancangan atau satu usaha daripada Kementerian ini untuk menyelamatkan gajah-gajah itu yang mungkin dibunuh sahaja kerana mereka merosakkan tumbuh-tumbuhan, tidak ada langsung rancangan untuk menyelamatkan gajah-gajah di Trengganu khususnya di Ulu Trengganu samada dibawa gajah-gajah ini ke Taman Negara kita untuk diselamatkan di sana. Kita juga mengetahui di Rompin ada badak sumbu yang bilangannya amat berkurangan dan boleh dikatakan species badak ini hampir-hampir extinct dan hampir-hampir tidak ada lagi dunia ini. Yang adapun sedikit-sedikit sahaja dan disebelah kita ini, dan saya kurang puashati di atas usaha-usaha menyelamatkan badak ini dan bagi membanyakkan lagi bilangannya secara ternakan atau sebagainya supaya badak ini tidak extinct daripada muka bumi kita ini.

Perkara-perkara macam ini hendaklah diambil perhatian dan juga harimau-harimau kita yang pada satu ketika dahulu begitu banyak dan sekarang ini nampaknya sebahagian besar daripada harimau-harimau kita telah ditembak, dimusnahkan dan hampir-hampir sekarang hendak menengok harimau pun susah, kecuali kita pergi ke Zoo. Ini

juga saya harap Kementerian dapat menjalankan usaha-usaha bagi menjaga, mengawal dan membiakkan lagi ternakan macam manakah caranya binatang-binatang liar, seperti harimau dan juga burung-burung kita yang banyak di negara kita yang kaya dengan jenis-jenis burung. Perkara-perkara semacam ini juga hendaklah diberi perhatian.

Apa yang saya maksudkan ialah perimbangan di atas emphasis kita kepada sains dan teknologi hendaklah juga sama-sama. Nampaknya daripada apa yang saya dengar tadi dari ucapan Yang Berhormat Menteri yang ditekankan ialah banyak kepada sains dan teknologi—itu bagus, bukannya saya menentang, teruskanlah itu, tetapi di samping itu tekanan yang sama juga hendaklah kita beri dari segi mengekalkan alam sekitar kita, mengekalkan binatang-binatang dan haiwan-haiwan liar kita, bunga-bunga kita, tumbuh-tumbuhan dan juga alam semula jadi di negara kita ini. Mungkin kita tidak sedar masa sekarang ini negara kita masih lagi cantik, molek, menarik, tetapi sekiranya kemajuan sains dan teknologi tidak dikawal dengan rapi, dengan baik dan dengan teratur, saya percaya di dalam masa yang tak lama segala-gala kecantikan alam semula jadi Malaysia kita ini akan musnah sama sekali dan tidak dapatlah jenerasi-jenerasi akan datang untuk menikmati dan menghayati segala kecantikan, kemolekan alam semula jadi kita yang sudahpun dianugerah oleh Allah (s.w.t.) kepada rakyat Malaysia kita ini.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, yang saya hendak bangkitkan terutama sekali saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri di atas tujuan pecahan (c) iaitu apakah kemajuan-kemajuan Yang Berhormat Menteri hendak kemukakan dari segi untuk memperseimbangkan pembangunan di antara kemajuan kebendaan menerusi sains dan teknologi dengan kemajuan rohaniah rakyat negara ini.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

6.53 ptg.

Tuan Jamaluddin bin Suhaimi (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap pada muka surat 409, Butiran 1100, Aktiviti (3)—Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi, negara kita ini sedang membangun dengan pesat dari segi kemajuan mengenai perkilangan dan lain-lain, oleh kerana itu banyak mengganggu keadaan alam sekitar kita dari segi keadaan yang asli kepada yang baru. Apa yang saya harapkan ialah supaya pengawalan kebersihan alam sekitar ini dapat dijalankan dengan lebih bersungguh-sungguh lagi supaya sentiasa dapat udara yang bersih di sekeliling tanahair kita, kerana jika tidak dikawal dari mula mungkin pada satu masa nanti kekotoran alam sekitar kita ini tidak akan dapat dikawal lagi. Umpamanya di tempat-tempat perusahaan ada banyak didapati seperti asap-asap, kekotoran minyak dan barang-barang yang telah dibuang yang menjadikan keadaan sekitarnya kotor dan merbahaya kepada kesihatan. Ini perlu dikawal dari sekarang.

Umpamanya, di kawasan saya ada sebuah sekolah yang kelilingnya penuh dengan bau busuk oleh kerana pemeliharaan binatang dan kanak-kanak sekolah telah diharu oleh keadaan bau yang busuk, tetapi tidak ada Undang-undang barangkali yang boleh mencegah perkara itu berlaku. Ini satu contoh. Begitu juga ada kenderaan yang membawa barang yang terlalu busuk tetapi tidak ada peraturan atau Undang-undang barangkali yang boleh mengawal, mencegah daripada bau busuk itu mengharu orang yang dilalui oleh kenderaan itu. Begitu juga keadaan sungai-sungai kita yang kotor perlu mendapat pengawasan yang lebih serius lagi.

Untuk menjayakan semua ini tentulah berkehendakkan pegawai-pegawai bertugas yang agak lebih supaya dapat mereka memberi nasihat dan memberi teguran kepada setengah Jabatan-jabatan. Patutlah Kementerian ini ada pegawai penguatkuasa yang lebih supaya dapat melawat serta mengemukakan pandangan-pandangan kepada Kementerian. Selain daripada itu, patut juga Kementerian ini dapat menasihati lain-lain Jabatan, baik diminta atau tidak diminta, umpamanya kepada Jabatan Parit dan Taliair, Jabatan Kerjaya dan lain-lain.

Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap dalam muka surat 412, P. 52, Butiran 3—Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail. Namaknya peruntukan yang diberi terlalu rendah, terlalu sedikit macam cuba-cuba sahaja. Jadi saya syorkanlah

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, adakah Butiran 4100? Ini Bayaran Pindahan sahaja. Duduklah dahulu, baru dengar! Yang Berhormat bercakap dalam perkara Butiran 4100—Bayaran Pindahan.

Tuan Jamaluddin bin Suhaimi: Tuan Pengerusi, saya bercakap muka surat 412, Butiran 4100.

Tuan Pengerusi: Tajuknya “Bayaran Pindahan”.

Tuan Jamaluddin bin Suhaimi: Bukan, Tuan Pengerusi. Saya hendak bercakap Butiran 3.

Tuan Pengerusi: Itu Pembangunan P. 52, bukanlah Butiran 4100.

Tuan Jamaluddin bin Suhaimi: P. 52, Butiran 3.

Tuan Pengerusi: Itu \$3 juta lebih, bukannya sedikit. Ya, teruskan!

Tuan Jamaluddin bin Suhaimi: Tuan Pengerusi, mengenai Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail, saya ulangi balik, namaknya peruntukan yang diberi itu terlalu kecil. Saya syorkan supaya dapat kiranya dilebihkan lagi anggaran ini pada masa yang akan datang. Yang ada ini seolah-olah macam satu percubaan sahaja. Kita harapkan supaya Pusat ini dapat dibesarkan dan supaya dapat mencapai hasil yang lebih segera, tentunya untuk penyelidikan, pertanian, pelajaran dan lain-lain dan mungkin satu masa akan boleh digunakan dengan tujuan yang lebih lagi daripada itu dan barangkali sangat kekurangan pegawai dan kakitangan, maka dari sekarang kita patutlah menghantar pelatih-pelatih belajar menuntut di luar negeri untuk memenuhi kehendak-kehendak ini.

Pada akhirnya, saya menyokong Belanjawan Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Saya nampak ada tiga orang lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap, jadi bolehlah disambung pada hari esok dengan mengikut giliran ini: Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, lepas itu Yang Berhormat dari Kuala Kangsar, kemudian Yang Berhormat dari Kangar dan lepas itu Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 5hb Disember, 1978.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.